

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Jilid IV**

**Bil. 52**

**Hari Rabu**

**4 November 1998**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan 1999 (Ruangan )

**USUL:**

- Anggaran Pembangunan 1999 (Ruangan )

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom. Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titawangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)



- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,  
P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor  
  
: Nora'ini binti Hetam  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 4 November 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 - Yang Berhormat Tuan Abdul Rahin bin Dato' Said (Kuala Nerus) tidak hadir].*

*[Soalan No. 2 - Yang Berhormat Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur) tidak hadir].*

**PELABUHAN KLANG - USAHA MENINGKATKAN  
KEUPAYAAN MENERIMA KARGO**

3. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah peningkatan penerimaan kargo melalui Pelabuhan Klang dari Januari hingga September tahun ini berbanding tahun lalu. Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan keupayaan dan kerjasama supaya dapat lebih banyak kargo melalui Pelabuhan ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan bahawa dari Januari hingga September 1998, Pelabuhan Klang telah mengendalikan sejumlah 33.8 juta freight-weight tan kargo berbanding dalam tempoh yang sama pada tahun 1997 sebanyak 41.5 juta freight-weight tan. Kadar ini menunjukkan penurunan sebanyak 18.5%. Bagi kontena pula dari Januari hingga September 1998, Pelabuhan Klang mengendalikan sejumlah 1.29 juta TEU berbanding tempoh yang sama dalam tahun 1997 sebanyak 1.2 juta TEUs. Kadar ini menunjukkan



peningkatan sebanyak 4.9%. Kerajaan telah meningkatkan keupayaan pelabuhan dengan pembangunan infrastruktur dermaga baru di Pulau Indah yang mempunyai keupayaan sebanyak 1 juta TEU. Jumlah keupayaan keseluruhan Pelabuhan Klang sekarang ialah 3.4 juta TEU. Antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menarik lebih banyak kargo melalui Pelabuhan Klang adalah seperti berikut:

- (i) memperbaiki accessibility melalui jalan raya dan rel di samping mengadakan sistem EDI;
- (ii) menggalakkan lebih banyak pusinggahan terus dari kapal-kapal induk dan menggalakkan perkhidmatan feedering dari rantau ini supaya diadakan pelayaran yang lebih kerap dan perkhidmatan baru;
- (iii) menambahkan kapasiti dan kecekapan di pelabuhan dengan mengadakan kemudahan dermaga dan peralatan berdasarkan supply driven;
- (iv) mewujudkan persekitaran komersial yang sesuai iaitu melalui kaedah operasi baru dan prosedur yang telah dipermudahkan oleh agensi kerajaan untuk memudahkan penggunaan pelabuhan di samping diadakan zon bebas di Pelabuhan Klang dan kelonggaran prosedur oleh pihak pelabuhan dengan tujuan memaparkan imej sesuatu pelabuhan yang userfriendly;
- (v) mengadakan dialog dengan operator-operator pelabuhan, syarikat-syarikat perkapalan, penghantar-penghantar/feeder, ejen-ejen perkapalan, ejen-ejen penghantaran, pengangkut-pengangkut kontena dan consolidators;
- (vi) mengadakan kempen pemasaran 'road shows' dengan izin, secara bersama di dalam dan di luar Malaysia terutama di kawasan Bay

Benggal dan juga di Sumatera Utara bagi menjadikan Pelabuhan Klang sebagai transshipment center untuk kargo-kargo di rantau ini.

Pelabuhan Klang juga mempunyai kelebihan kedudukan geography berbanding dengan Singapura bagi kargo dari Bay Bengal dan Sumatera Utara. Pelabuhan Klang mempunyai 40% cost advantage berbanding dengan PSA untuk kargo Bay of Bengal yang mana potensi TEU jika kita dapat tarik hingga tahun 2003 adalah sebanyak 300,000. Pelabuhan Klang juga mempunyai kos advantage 45% berbanding PSA untuk kargo Utara Sumatera. Potensi TEU sehingga tahun 2003 ialah sebanyak 135,000. Ini tidak termasuk 101,000 yang telah dihantar daripada dalam negara kita melalui PSA dan juga yang datang daripada Lembah Klang sebanyak 30,000 sebulan seperti yang saya telah sebutkan pada semalam. Dan di antara tindakan kita untuk mempercepatkan lagi proses menjadikan transshipment center untuk kargo-kargo rantau ini, kita telah pun meminta supaya dilantik shipping agen tempatan di Bay of Bengal ataupun di Sumatera Utara supaya perkhidmatan transshipment dapat dibuat ke Pelabuhan Klang. Begitu juga MISC supaya mengadakan feeder services di pelabuhan-pelabuhan di kawasan yang saya sebutkan sebentar tadi.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan khususnya Yang Berhormat Menteri sendiri yang telah giat berusaha untuk mempromosikan pelabuhan tempatan dan ikut jawapan tadi memang ada peningkatan dari segi TEU yang dikendalikan di Pelabuhan Klang ini dan saya ingin tanya, saya dapat maklumbalas dari orang ramai masih terdapat kelemahan-kelemahan mungkin dari segi kerjasama antara agensi-agensi kerajaan misalnya imigresen, kastam dan sebagainya. Apakah tindakan yang akan diambil untuk membaiki keadaan dan kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan kedudukan sedikit tentang prestasi

pelabuhan tempatan yang lain seperti Pasir Gudang, Pulau Pinang dan sebagainya. Sekian, terima kasih .

**Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua agensi yang terlibat di dalam Pelabuhan Klang bahkan juga di pelabuhan-pelabuhan lain telah pun mengadakan tindakan-tindakan koordinasi yang baik di antara mereka di mana persefahaman yang berkesan telah dapat diadakan dan ada sedikit lagi yang kita belum selesai ialah daripada segi penggunaan EDI secara 100%. Hari ini baru kita gunakan sehingga 95% yang dikendalikan oleh kastam.

Kementerian percaya jika semuanya berjalan lancar menjelang pertengahan tahun hadapan kita dapat menggunakan sistem EDI secara 100% tidak ada masalah koordinasi antara jabatan. Berkaitan dengan pelabuhan-pelabuhan yang lain seperti Pulau Pinang dan juga Johor, prestasinya memang memuaskan dan juga telah meningkat daripada hari ke hari kerana itulah kita melihat sehingga akhir tahun lepas kita telah mengendalikan 3.1 juta TEU bagi semua pelabuhan seluruh negara dan 1.67 TEU adalah di Pelabuhan Klang dan walaupun Pelabuhan Klang boleh cater sampai 3.4 juta TEU. Ini bererti memang kita ada banyak lagi kapasiti yang boleh dilakukan.

Jika terdapat kelemahan-kelemahan agensi dan jika terdapat aduan kita tidak ada masalah untuk mengadakan perbincangan segera dengan agensi-agensi berkenaan. Bahkan seperti yang telah dilaporkan Yang Berhormat Menteri telah pun mengisytiharkan tempoh hari bahawa Pelabuhan Klang beroperasi dua puluh empat jam ertinya tidak ada masalah yang boleh tergendala oleh kerana semua kakitangan berada di situ pada setiap masa dan jika ada kelewatan kita boleh selesaikan dengan segera.

Kita dapati ada kedegilan lagi pengimport dan pengeksport tempatan yang masih menggunakan Pelabuhan Singapura yang sebabnya telah pun saya sebutkan

semalam, tetapi kita berpendapat walaupun MLO kita belum banyak lagi baru 67, ianya macam 'chicken and egg', kalau hendak tunggu sudah 300 MLO datang baru kita hendak menggunakan pelabuhan tempatan. MLO pula akan tanya barang tidak cukup dan bagaimana kami hendak singgah. Sebab itulah kita meminta supaya semua pengeksport dan pengimport tempatan dalam negara kita hendaklah menggunakan pelabuhan kita supaya kita boleh beritahu MLO dari luar negara bahawa kita sudah ada cukup kontena untuk kapal-kapal besar menambah lagi kehadiran mereka. Inilah cara yang terbaik, di waktu yang terakhir ini memang terdapat juga kontena yang telah berlebihan yang mana MLO bila telah datang, ia tidak cukup slot hendak dimasukkan.

Yang Berhormat Menteri telah meminta sendiri di samping usaha-usaha yang dibuat oleh pegawai pelabuhan supaya meminta MLO menambah lagi ruang dalam kapal mereka yang singgah, kerana kita telah dapat tunjukkan memang ada banyak lagi TEU yang ingin menggunakan MLO. Sebab itulah kerajaan meminta supaya semua pengimport dan pengeksport tempatan walaupun mereka tidak dapat gunakan setiap hari seperti di Singapura, tetapi kita mesti ada semangat untuk membantu negara kita kerana seperti yang saya sebutkan tadi 'telur dulu atau ayam dulu' kerana itu pengimport dan pengeksport, kalau orang lain boleh buat menggunakan pelabuhan kita mengapa yang baki 100,000 TEU ini dan 30,000 sebulan dari Lembah Klang tidak boleh menggunakan pelabuhan kita, sedangkan orang lain boleh menggunakannya. Inilah di antara perkara yang perlu dilakukan oleh pengeksport dan juga pengimport tempatan bagi menjamin supaya pelabuhan kita dapat dengan segera menjadi pelabuhan yang besar 'the center of Asia' ataupun 'half' bagi rantau ini menjelang tahun 2000. Target kita pada tahun 2003 kita boleh menjadi 'top-ten' mengalahkan antwerp.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kalau timbang dengan PSA di dalam perkara 'ingo pound and our

pound freight, yang mana lebih murah dan kedua, ‘number of ocean liner calling PSAN Port Klang, the number ....’ dengan izinnya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji daripada segi kos sekarang ini kita lebih murah sebab duit kita sekarang ini berbanding dengan Dolar Amerika hampir sekali ganda. Manakala untuk pergi ke Barat misalnya pergi ke Eropah sudah tentu Port Klang lebih murah kerana itu kita cuba barang-barang dari Bengal ataupun Utara Sumatera dan tidak perlu hantar transshipment ke Singapura kerana ia satu perjalanan yang jauh yang akan memakan kos pengangkutan yang lebih tinggi. Kalau ia datang ke Pelabuhan Klang ia menjadi dekat dan menjadi lebih murah. Dari Pelabuhan Klang kita akan terus hantar ke Eropah. Ini bererti kita memang mempunyai kos yang baik dan banyak pengusaha kapal, pengimport dan pengeksport yang tidak tahu bahawa sebenarnya Pelabuhan Klang very competitive dengan Pelabuhan PSA. Maka itulah kempen-kempen ini kita adakan secara agresif sekarang ini.

Dalam pertemuan Yang Berhormat Menteri dengan pengeksport termasuk satu hari itu dengan persatuan dari Pulau Pinang iaitu persatuan industri-industri ini, kita terperanjat rupanya mereka tidak tahu kemudahan-kemudahan yang ada di pelabuhan kita. Sama ada mereka tidak tahu ataupun sengaja tidak tahu itu mereka tidak berapa pasti, mungkin juga mereka benar-benar tidak tahu. Kita juga terperanjat bagaimana usahawan-usahawan, industrialist di Malaysia ini tidak faham. Ini menandakan bahawa kita kena adakan banyak lagi penerangan yang jelas kepada industri-industri dalam negara kita. Sebenarnya pelabuhan kita adalah satu pelabuhan yang very competitive dari segi kos pilot dan satu lagi yang membawa kapal ke depan dan satu lagi himpit ke kanan – yang ini kosnya pun lebih murah daripada yang berada di Singapura. Begitu juga ‘facilities’nya kita telah mengadakan banyak diskaun, bermakna kita boleh lawan cuma seperti yang saya sebutkan sebentar tadi kerana kita baru bermula dan banyak pengimport dan

pengeksporth kita tidak berapa faham, tetapi nampaknya akhir-akhir ini mereka telah begitu faham dan kita telah ada dermaga yang dalam membolehkan kita berlabuh dua puluh empat jam tidak perlu tunggu air pasang ataupun surut.

Jadi saya percaya kalau semua pihak bekerjasama kita akan dapat menjadikan pelabuhan kita ini yang terbaik di rantau ini dalam tempoh yang singkat.

### **KAWALAN MODAL – MAKLUM BALAS PELABUR ASING**

4. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai lawatan rasmi beliau ke Amerika Syarikat:

- (a) apakah maklum balas pelabur asing terhadap kawalan modal yang dilaksanakan oleh Malaysia; dan
- (b) apakah kesan daripada seminar pelaburan dan lawatan beliau ke Amerika Syarikat terhadap keyakinan pelabur asing kepada Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Rompin yang perlu dijawab pada 26 November 1998 oleh kerana kedua-dua soalan ini menyentuh perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, reaksi awal pelabur-pelabur asing terhadap kawalan mata wang berkuat kuasa pada 1 September 1998 adalah kebimbangan yang negatif oleh kerana mereka beranggapan bahawa langkah tersebut adalah radikal dan menjejaskan perniagaan dan pelaburan mereka di Malaysia. Selepas penjelasan kerajaan mengenai sebab-sebab dan tujuan mengenakan kawalan mata wang ini pelabur-pelabur asing telah mula memahami kedudukan yang sebenar dan memberi reaksi yang positif ke atas kawalan mata wang tersebut. Penetapan kadar

tukaran mata wang pada RM3.80 bagi US\$1 telah mengurangkan volatility, dengan izin dan memberikan ketentuan kepada para peniaga.

Di seminar-seminar yang diadakan sempena rombongan galakan perdagangan dan pelaburan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke Amerika Syarikat, para pelabur asing telah menyuarakan kebimbangan sama ada langkah-langkah kawalan modal ini akan menghalang aktiviti perniagaan syarikat-syarikat Amerika di Malaysia dan menyekat pengaliran modal ke luar negara. Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa langkah-langkah kawalan modal ini tidak melibatkan perubahan kepada kemudahan-kemudahan yang telah diberi sebelum ini. Kawalan mata wang ini bertujuan untuk membanteras aktiviti spekulasi di pasaran mata wang dan saham dan ia tidak menjejaskan operasi pelabur-pelabur jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, seminar perdagangan dan pelaburan Yang Berhormat Menteri di Amerika Syarikat telah diadakan di empat bandar raya utama iaitu New York, Chicago, Boston dan Houston. Seminar yang dihadiri oleh 480 peserta tersebut telah berjaya menarik minat para pelabur Amerika Syarikat untuk mengkaji kemungkinan menempatkan projek-projek pelaburan mereka di Malaysia. Keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia adalah masih kukuh. Sejak langkah kawalan mata wang dilaksanakan oleh kerajaan MITI telah mengambil beberapa langkah untuk menjelaskan kepada pelabur-pelabur asing di antaranya:

- (a) bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia menganjurkan taklimat dan dialog mengenai langkah kawalan mata wang kepada ahli-ahli persatuan perdagangan dan industri seperti Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia di Japanese Chamber of Trade Industries Malaysia (JCTIM), American Malaysian Chamber of Commerce (AMCAM), British Malaysia Industry and Trade

Association dan Taipei Investors Association in Malaysia, dengan izin;

- (b) memastikan agensi MITI di luar negara mendapat maklumat yang tepat untuk dihebahkan kepada para pelabur di luar negara mengenai langkah kawalan mata wang Malaysia yang terpilih ini;
- (c) memberi penerangan kepada pelabur-pelabur asing mengenai kawalan mata wang ini di seminar-seminar pelaburan dan perdagangan di luar negeri; dan
- (d) mengedarkan maklumat terperinci mengenai kawalan mata wang ini kepada pelabur-pelabur asing.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, langkah kawalan modal yang diambil oleh kerajaan kita ialah untuk memulihkan ekonomi negara kita. Yang sebenarnya badan-badan antarabangsa termasuk Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah mengaku ini adalah satu pendekatan yang berkesan. Jadi, soalan tambahan saya, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengapa usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan dan juga mendapat perakuan daripada badan-badan antarabangsa, akan tetapi usaha-usaha untuk menggalakkan pelabur-pelabur datang ke Malaysia membuat pelaburan tidak berhasil. Jadi, inilah soalan tambahan saya.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, tanggapan bahawa usaha-usaha pelaburan yang dibuat oleh kerajaan tidak berhasil tidak benar. Saya ingin menyangkal perkara ini, oleh kerana angka-angka pelaburan kita pada Januari hingga September 1998 menunjukkan bahawa tidak ada masalah walaupun Malaysia terlibat di dalam kegawatan ekonomi. Sebagai contoh, permohonan-permohonan yang diterima bagi tempoh Januari hingga September 1998 adalah sebanyak RM11,954.9 juta. Daripada ini sebanyak 56.6% daripada pelabur luar negara, dan yang lebih 43.4% daripada dalam negeri.



Bagi angka yang lain, iaitu projek-projek perkilangan yang diluluskan bagi Januari hingga September 1998, modal tempatan adalah sebanyak RM10,909.9 juta dan modal asing adalah sebanyak RM10,518.7 juta, lebih kurang sama sahaja angkanya. Jadi, kalau kita anggap bahawa usaha kerajaan tidak menghasilkan apa-apa jua, itu satu tanggapan yang salah.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun jumlah pelaburan untuk awal tahun ini mungkin bertambah. Jadi, apakah ramalan untuk tahun ini, iaitu sehingga penghujung tahun ini, sama ada jumlah pelaburan ini dijangka akan naik atau turun, dan apakah langkah yang akan diambil jika ramalan ini menunjukkan bahawa jumlah pelaburan itu mungkin turun?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kuantitatif, projek-projek perkilangan yang diluluskan bagi Januari sehingga September 1998, jumlah modal di dalam bulan Januari hingga September 1998 ialah sebanyak RM21,428.6 juta. Bagi keseluruhan 1997 ialah RM25,820.6 juta. Maknanya beza hanya lebih kurang RM4,000 juta sahaja. Apa yang kita ada di dalam tahun 1997 berbanding dengan yang kita ada dalam tahun 1998, iaitu Januari hingga September, bezanya hanya RM4,000 juta. Ini kita ada lagi tiga bulan.

Saya menjangkakan bahawa tidak ada banyak perbezaan pelaburan yang ada dalam tahun 1997 berbanding dalam tahun 1998. Yang menjadi masalahnya ialah negara-negara yang menjadi pembeli kepada barangan kita masing-masing terlibat di dalam kegawatan ekonomi, termasuk juga Korea Selatan, Amerika Syarikat yang sekarang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang rendah, termasuk juga Jepun. Oleh kerana kurangnya permintaan barangan yang dibuat oleh negara Malaysia yang pelaburannya datang daripada negara-negara ini, maka dengan sendirinya pelaburan daripada negara-negara ini akan berkurangan. Kalau kita tengok dari segi implikasi politik tidak ada masalah dari segi politiknya. Hanya

dari segi ekonomi di mana negara-negara yang menjadi pembeli utama barangan kita mengalami kegawatan ekonominya sendiri.

### **PENGELUARAN PERTANIAN – SAMBUTAN AGENSI KERAJAAN/SWASTA**

5. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan yang telah diambil dan sejauh manakah sambutan agensi kerajaan dan pihak swasta dalam usaha meningkatkan pengeluaran pertanian dan penternakan lembu secara komersial.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dalam negara, tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Pertanian melibatkan pelaksanaan strategi-strategi dan program-program seperti berikut. Dua strategi utama yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:

- (i) melalui peningkatan pengeluaran dan penggunaan produk-produk tempatan secara meluas; dan
- (ii) meneliti semula nilai permintaan dan bekalan bagi produk-produk pertanian yang diimport dengan menggantikannya dengan produk yang boleh dikeluarkan secara tempatan, tertakluk kepada faktor ekonomi, agroklimatik, daya maju projek serta jenis pengeluaran yang bermusim. Pelaksanaannya dibuat dalam bentuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang menerusi program-program yang telah disusun.

Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian adalah didapati bahawa sambutan agensi kerajaan, orang awam dan pihak swasta dalam usaha meningkatkan pengeluaran pertanian adalah sangat menggalakkan. Kerajaan sememangnya menggalakkan projek penternakan lembu secara integrasi

dengan tanaman kekal secara besar-besaran. Sambutan pihak-pihak tertentu khususnya dari agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Perbadanan Pemajuan Ekonomi Negeri (SEDC), Johor Tenggara Oil Palm (JTOP) dan pihak swasta adalah memuaskan.

Dalam tempoh Januari hingga Ogos 1998, bilangan lembu yang dipelihara oleh agensi kerajaan dan sektor swasta di dalam ladang kelapa sawit dan getah yang mengamalkan ragutan bergilir adalah sebanyak 63,800 ekor berbanding dengan 56,200 ekor pada tahun 1997, iaitu peningkatan sebanyak 13.5%. Walau bagaimanapun, sambutan daripada sektor perladangan setakat ini kurang memuaskan. Pihak kerajaan sentiasa menggalakkan sektor perladangan melibatkan diri. Sekiranya pihak syarikat ladang tidak mahu terlibat secara langsung dalam pemeliharaan lembu secara integrasi, adalah dicadangkan supaya ladang-ladang kepunyaan mereka diberi guna oleh pihak-pihak lain yang berminat.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu komprehensif sebentar tadi. Di samping itu, kita faham untuk mengurangkan pengimportan daging lembu daripada luar dan mengurangkan pertukaran wang asing, dan dalam perkara ini jika sekiranya terdapat pihak swasta atau agensi-agensi kerajaan yang bersedia untuk melibatkan diri dalam penternakan lembu secara komersial ini, soalnya ialah apakah bentuk bantuan kewangan ataupun insentif yang boleh diberikan oleh kerajaan dan adakah sumber kewangan daripada '3F' (food for fund) boleh digunakan dalam aktiviti ini?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Memang benar bahawa kepada sesiapa yang ingin melibatkan diri dalam sektor pertanian khususnya pengeluaran bahan-bahan makanan untuk mengurangkan import, kerajaan ada memberi insentif-insentif sekurang-kurangnya tujuh insentif yang ada:

- (i) pioneer status, di mana syarikat yang diberi insentif itu hanya perlu membayar cukai sebanyak 30% bagi pendapatan mereka selama lima tahun;
- (ii) investment tax allowance – di bawah insentif ini syarikat berkenaan akan diberi elaun sebanyak 60% bagi perbelanjaan modal selama lima tahun;
- (iii) elaun pertanian;
- (iv) pemotongan untuk perbelanjaan modal bagi projek pertanian yang diluluskan;
- (v) elaun pelaburan semula, reinvestment allowance, dengan izin;
- (vi) eksport credit refinancing (ECR); dan
- (vii) double deduction of export credit insurance premium.

Jadi, sebagaimana Yang Berhormat minta penjelasan itu iaitu tabung 3F memang boleh digunakan khususnya untuk item-item yang dibenarkan termasuk ternakan lembu di mana peruntukan sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan dan sehingga kini baru digunakan hampir RM350 juta dengan kadar faedah 4% sahaja setahun.

Jadi, dengan kempen-kempen yang dibuat oleh kementerian, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sehingga sepuluh bulan pertama tahun ini kita telah berjaya melibatkan 13 buah ladang kelapa sawit di seluruh negara iaitu seluas 6,075 hektar dengan ternakan lembu sebanyak 1,411 ekor daripada hasil ternakan. Ini insya-Allah, kita akan dapat mengurangkan import.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Bagaimanakah kedudukan bekalan lembu daging dan susu tempatan masa kini dan kedudukan permohonan kebenaran menternak lembu komersial khususnya di Sabah dan Sarawak dan dari manakah baka lembu itu diperolehi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu. Tentang lembu daging kita masih kekurangan lebih kurang 70,000 tan setahun, kita import lebih kurang RM500 juta, jadi apa yang saya sebutkan tadi insya-Allah, dengan adanya ternakan-ternakan baru kita akan dapat mengurangkan.

Manakala lembu susu kita hanya mampu mengeluarkan kadar 10% sahaja dan kita terpaksa import lebih daripada RM900 juta setahun, ini kerana makanan lembu susu kita tidak begitu mampu kerana banyak melibatkan bahan-bahan mentah seperti jagung dan lain-lain lagi. Jadi, sebab itu kementerian bersama dengan kerajaan negeri sedang berusaha untuk mengadakan tanaman jagung secara luas iaitu sekadar 10,000 dan kalau ini menguntungkan, saya yakin ternakan lembu susu akan dapat kita kembangkan kerana lembu susu ini boleh dikatakan secara on off sahaja, dengan izin, iaitu kalau 140 orang yang berhenti, orang baru mula pula seramai 143 orang, jadi pendek kata bilangannya hampir sama. Jadi, kita harap dengan adanya makanan ternakan yang akan dikeluarkan maka kita akan dapat menambahkan ternakan lembu susu.

#### **POLISI DAN PERUNDANGAN KERAJAAN – MEKANISME DAN PENILAIAN**

6. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada ia mencadang mengadakan mekanisme bagi menilai setiap polisi kerajaan serta perundangan dari segi impaknya bertujuan menentukan kedua-dua jantina mendapat keadilan dan layanan saksama.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah pun mengadakan satu mekanisme penilaian ke atas polisi kerajaan dengan mewujudkan jawatankuasa

penyelaras antara kementerian dan agensi-agensinya pelaksana untuk memantau setiap program, projek yang mempunyai impak terhadap wanita.

Dalam hubungan ini, Dasar Wanita Negara, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dan strategi-strategi yang diketengahkan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia merupakan panduan asas dalam usaha mengintegrasikan wanita sepenuhnya dalam proses pembangunan negara.

Sungguhpun begitu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan terus berusaha untuk memperkukuhkan mekanisme penilaian disemua peringkat untuk memastikan dasar perundangan serta program dapat memberi impak yang lebih berkesan terhadap kedua-dua jantina.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah di dalam mewujudkan mekanisme yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, pihak kerajaan telah pun membuat perbandingan atau mendapat dari segi pengalaman beberapa buah negara umpamanya di Filipina ada legislative monitor, di negara Finland, Denmark dan Sweden mereka juga mengadakan mekanisme untuk memastikan keberkesanan setiap penilaian itu dan sekiranya dilaksanakan di pihak kerajaan, apakah setelah membuat penilaian daripada beberapa buah negara ini pengalaman mereka, apakah pilihan yang dibuat oleh pihak kerajaan.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa penyelaras yang saya sebutkan tadi ialah bagi satu permulaan awal untuk mencapai cita-cita Dasar Wanita Negara ataupun Pelan Tindakan Wanita. Jadi, jawatankuasa penyelaras ini adalah:

- (i) untuk mengesan implikasi terhadap wanita apabila suatu dasar penggubalan undang-undang dan peraturan serta program dijalankan di peringkat kementerian, agensi-agensinya dan negeri;

- (ii) membantu HAWA mewujudkan satu sistem untuk mengawasi program-program yang dijalankan yang ada implikasi terhadap wanita;
- (iii) mengenal pasti isu-isu semasa mengenai wanita yang seharusnya dikemukakan kepada pihak kementerian atau HAWA; dan
- (iv) membantu dalam proses pengumpulan maklumat mengenai wanita dalam bidang-bidang tertentu supaya memperbaiki lagi stok maklumat yang sedia ada.

Jadi, jawatankuasa penyelarar ini pada tahun 1998 ada bermesyuarat sebanyak tiga kali. Jadi, dikira ada dua kali lagi mesyuarat dijangka akan dapat diadakan sebelum akhir tahun ini.

Jadi, mungkin saya boleh sebut siapa yang menjadi Pengerusi jawatankuasa penyelarar, beliau ialah Yang Berbahagia Datin Hajah Fauziah binti Haji Mohamad Ramli iaitu Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Ahli-ahlinya kesemua kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dan urusetia ialah Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA).

Jadi, bagi memberi perbandingan dengan negara-negara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mungkin masa ini belum lagi mendapat perbandingan kerana jawatankuasa penyelarar ini masih dalam perbincangan. Mungkin kelak saya rasa perbandingan dengan negara-negara lain tentu akan dibuat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, pada pertengahan tahun 1997 saya pernah bertanya soalan untuk menubuhkan jawatankuasa ataupun badan untuk mengkaji mana-mana undang-undang negara ini yang tidak memberi keadilan kepada kaum wanita.

Oleh kerana kita mempunyai lebih kurang 54% rakyat Malaysia adalah wanita, jadi mereka perlukan keadilan dan juga pembelaan daripada kita. Jadi,

persoalan saya, jawatankuasa ini telah ditubuhkan, tetapi soalnya apakah terms of reference yang diberi kepada jawatankuasa ini supaya undang-undang yang saya sebutkan itu, umpamanya undang-undang dan executive action untuk memberi pasport kepada anak-anak tidak boleh ditandatangani oleh perempuan dan mesti oleh lelaki.

Jadi, banyak lagi perkara yang sedemikian, saya tidak mempunyai senarai, ada di pejabat tetapi tidak ada di sini. Jadi macam mana terms of reference kepada jawatankuasa ini untuk melihat bukan sahaja arahan kerajaan tetapi juga undang-undang yang sedia ada yang mana tidak memberi keadilan yang sepatutnya kepada kaum wanita. Terima kasih.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan iaitu jawatankuasa penyelaras ini memang merangkumi segala undang-undang yang perlu dipindakan supaya hasrat untuk mewujudkan dasar wanita negara akan dapat dicapai, memang jawatankuasa penyelaras ini merangkumi mengenai semua undang-undang yang terlibat sekiranya ada diskriminasi kepada wanita.

#### **PEMERAKUAN BERLESEN DI BAWAH AKTA TANDATANGAN DIGITAL 1997 – KRITERIA DAN GARIS PANDUAN**

7. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah kriteria atau garis panduan yang ditimbang oleh kementerian dalam pemilihan Pihak Berkuasa Pemerakuan Berlesen (Licensed Certification Authorities) di bawah Akta Tandatangan Digital 1997 dan setakat kini, adakah sebarang syarikat yang berminat memohon untuk diperakukan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Tandatangan Digital 1997 dan Peraturan-peraturan Tandatangan Digital 1998 telah dikuatkuasakan pada 1 Oktober 1998. Mulai tarikh tersebut kerajaan juga telah mewujudkan pejabat



pengawal di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia bagi menguatkuasakan akta dan peraturan-peraturan berkenaan. Di dalam menentukan pemilihan untuk menjadi Pihak Berkuasa Pemerakuan Berlesen dengan izin Licensed Certification Authorities, kriteria dan garis panduan telah ditetapkan mengikut Seksyen Lima Akta Tandatangani Digital 1997 dan Peraturan Enam Peraturan-peraturan Tandatangani Digital 1998. Pengawal bagi Pihak Berkuasa Pemerakuan juga boleh menetapkan lain-lain kriteria yang difikirkan perlu bagi memastikan Pihak Berkuasa Pemerakuan Berlesen dapat memenuhi kehendak yang ditetapkan dalam Akta serta Peraturan-Peraturan tersebut.

Mulai tarikh akta ini dikuatkuasakan sehingga 20 Oktober 1998, terdapat enam syarikat yang telah mendapatkan borang permohonan untuk dilesenkan sebagai Pihak Berkuasa Pemerakuan dari Pejabat Pengawal Pihak Berkuasa Pemerakuan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah sebabnya tidak begitu banyak syarikat untuk memohon dan mengapa pihak berkuasa, pihak kementeriannya mengambil masa yang begitu panjang untuk meneliti dan memberi kelulusan pada syarikat-syarikat yang berminat dan adakah Yang Berhormat mendapati ada kelemahan-kelemahan di dalam Akta Tandatangani Digital yang ada sekarang, memandangkan perkembangan yang baru di dalam dunia siber ini dan dengan itu bilakah satu pindaan akan diadakan untuk mengemaskinikan akta tersebut?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sepertimana yang saya katakan terdapat enam buah syarikat yang telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan borang untuk dilesenkan sebagai Certification Authority (CA). Saya tidak tahu mengapa begitu banyak syarikat mengemukakan permohonan untuk menjadikan CA tetapi setakat ini kerajaan cuma bercadang untuk melantik satu syarikat sahaja untuk menjadikan CA untuk mengendalikan

aktiviti-aktiviti yang berkaitan dan pada dasarnya kerajaan telah bersetuju untuk melantik Digicert Sdn. Bhd. satu konsortium yang diketuai oleh Pos Malaysia Berhad yang memegang sebanyak 40% ekuiti dan disertai oleh MIMOS Berhad memegang 30% dan satu lagi ialah GITN Sdn. Bhd. yang memegang 30% dan konsortium ini akan dijadikan CA yang pertama di dalam negara dan kerajaan akan bertimbang untuk meluluskan CA yang kedua kalau sekiranya difikirkan perlu khususnya kalau rakyat memberikan sambutan yang baik untuk memohon certificate di bawah Digital Signoture ini khususnya mereka dari golongan yang mengendalikan electronic commerce atau perdagangan elektronik. Dan oleh kerana akta ini baru dikuatkuasakan, cuma lebih kurang satu bulan sahaja kita akan mengenal pasti kalau sekiranya ada kelemahan bila dilaksanakan akta ini dan pindaan yang berpatutan akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini kalau sekiranya kita telah mengenalpastikan kelemahan yang berkenaan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih , Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan ada enam buah syarikat yang mengemukakan permohonan untuk menjadi Licensed Certification Authorities dan kerajaan cuma bercadang untuk melantik satu syarikat sahaja. Saya berharap kementerian Yang Berhormat dapat menimbang semula tentang permohonan ini kerana untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk memohon Certificate Digital Signiture, harga pembayaran, itu yang penting, harga pembayaran yang ditetapkan oleh Certificate Authorities mestilah berpatutan. Jadi saya tidak tahu pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap perkara ini. Dan saya percaya kalau ada lebih dari satu syarikat yang memegang lesen ini, pasti ia memberi pilihan kepada orang awam untuk mendapat pembayaran yang lebih berpatutan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kluang. Seperti mana yang dikatakan tadi, kalau sekiranya difikirkan perlu selepas terlaksananya akta ini, misalan kata sambutan adalah sangat menggalakkan dari golongan yang mengendalikan e-commerce kita akan memberikan pertimbangan untuk meluluskan satu lagi Certification Authority. Walau bagaimanapun saya setuju sangat dengan cadangan dan pandangan Yang Berhormat tentang harga untuk mengeluarkan Sijil Digital Signiture ini. Ia mestilah berpatutan. Oleh kerana kalau sekiranya harganya terlalu tinggi ia akan menjadi satu gangguan kepada mereka yang ada minat untuk memohon Sijil Digital Signiture ini dan ini akan menjadi satu halangan bagi pihak kerajaan untuk mempromosikan perdagangan elektronik. Maka kita akan memastikan harga yang akan ditetapkan oleh CA ini adalah berpatutan dan dalam perkara ini, kita akan menjalankan kajian mengenai keadaan ini di negara-negara lain khususnya negara-negara yang telah mula melaksanakan Akta Digital Signiture ini.

#### **KRITIKAN ISU-ISU NASIONAL – TINDAKAN TERHADAP PENSYARAH ATAU TENAGA PENGAJAR UNIVERSITI**

8. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini berapa ramai pensyarah atau tenaga pengajar universiti yang telah dikenakan tindakan kerana kritikkannya mengenai isu-isu nasional.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Ahli Yang Berhormat setakat ini tidak ada pensyarah atau tenaga pengajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dikenakan tindakan kerana membuat kritikan terhadap isu-isu nasional.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah pihak kementerian telah menyiasat beberapa kes pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi digunakan oleh Parti PAS untuk berkempen dalam pilihan raya. Bukan sahaja dalam soal mengkritik kerajaan

tetapi yang banyaknya pelajar-pelajar yang digunakan oleh parti-parti terutamanya PAS misalnya dalam pilihan raya kecil Pulau Chondong, satu masa dulu. Pelajar ITM di kawasan Machang telah digunakan sepenuhnya untuk kempen-kempen parti PAS dalam pilihan raya tersebut.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar tentang kejadian-kejadian yang berlaku di Pulau Chondong dan juga di Arau dan kita telah dimaklumkan tentang keterlibatan pelajar-pelajar ini. Kes-kes ini disiasat dan sekiranya ada bukti yang sahih, maka institusi-institusi yang berkaitan akan diambil tindakan yang sesuai dengan terbuktinya kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan menyedari bahawa Akta Universiti yang ada sekarang tidak menepati amalan demokrasi berparlimen? Dan adakah kerajaan bercadang untuk meminda Akta Universiti dan Kolej yang lebih memberi kebebasan kepada pensyarah, pelajar supaya dapat memberi pandangan dan sikap mereka dalam pergolakan politik tanah air.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan yang pertama itu pandangan dan penilaian Ahli Yang Berhormat sendiri, kerajaan mempunyai penilaian dan pendiriannya sendiri dan setakat ini pada hemat kerajaan kita tidak ada cadangan untuk meminda kecuali daripada perkara-perkara yang telah pun kita pinda di dalam Dewan ini.

### **PROJEK PERUMAHAN TERHENTI/TERBENGKALAI**

9. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah projek perumahan dan lain-lain projek telah diberhentikan dan diperlahankan sejak 1997. Berikan pecahan mengikut negeri-negeri; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi pembeli projek perumahan dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuatu projek perumahan itu dianggap terbengkalai apabila kerja-kerja pembinaan dan kemajuan di tapak terhenti selama enam bulan atau lebih secara berterusan sama ada di dalam tempoh masa siap atau di luar masa siap seperti mana yang ditetapkan dalam surat perjanjian jual beli yang telah ditandatangani oleh pihak pemaju dan pembeli. Berdasarkan kriteria itu, kementerian telah mengenal pasti sebanyak 21 buah projek perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta telah terhenti atau terbengkalai semenjak tahun 1997 sehingga sekarang. Pecahannya mengikut negeri adalah seperti ini:

Kedah	-	1
Pulau Pinang	-	1
Selangor	-	4
Wilayah Persekutuan	-	1
Negeri Sembilan	-	1
Melaka	-	4
Johor	-	2
Terengganu	-	2
Pahang	-	5

- (b) Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk melindungi pembeli-pembeli tersebut ialah melalui

pengawasan ke atas pembangunan projek-projek berkenaan secara berterusan serta mengadakan perundingan dengan pemaju-pemaju dan agensi-agensi berkenaan dari masa ke semasa untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak pemaju.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Negeri Sembilan kita dapati satu syarikat yang terlibat, kalau boleh diberikan detailnya di daerah mana, sebab saya tengok di Jelebu pun ada satu yang telah lama terbengkalai dan ini menimbulkan masalah bertambahnya kegawatan politik tempatan dan apakah langkah kementerian, adakah tindakan akan diambil kepada pihak pemaju yang telah pun membuat kutipan pendahuluan kepada pembeli untuk projek perumahan dan berharap ianya dapat diselesaikan dan kalau tidak mengapa. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang didapati terbengkalai di Negeri Sembilan adalah di Taman Sari Bayu, Ampangan, Seremban di mana projek itu telah 65% siap tetapi buat masa sekarang pihak pemaju menghadapi masalah seperti pindaan pelan retikulasi ke atas teguran-teguran, dan masalah kewangan juga atas projek itu, dan sebahagian daripada pertanyaan tadi iaitu mengenai kutipan pendahuluan, saya ingin sebut di sini, projek ini memang terdapat lesen pemaju dan juga permit pengiklanan dan jualan. Oleh sebab itu, maka pihak pemaju tersebut sudah diberi lesen untuk mengutip bayaran pendahuluan itu, dan saya rasa itu bukan masalah sebab projek ini terbengkalai tetapi kalau ada pemaju yang tidak dapat lesen-lesen berkenaan dan mereka melakukan kutipan pendahuluan itu memang itu sudah salah daripada segi undang-undang pemajuan, dan pihak kementerian kalau ada bukti-bukti berkenaan kita boleh menghadapkan pemaju itu ke mahkamah.

**Tuan Tan Kok Wai :** Saya ingin tahu berapakah banyak pula projek-projek perumahan yang terhenti dan terbengkalai sebelum tahun 1997 dan jumlah

unit yang terlibat di seluruh negara dan apakah perancangan untuk memulihkan mereka dan juga dalam hubungan yang sama, sama ada soalan dari Jelebu itu dapat dijawab.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ahli Yang Berhormat hendak tanya angka-angka sebelum 1997, saya tidak ada angka di sini dan kalau Yang Berhormat ingin bolehlah berhubung dengan saya selepas ini dan saya akan cuba mencari angka-angka tersebut dari Kementerian saya.

*[Soalan No. 10 - Y.B. Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort) tidak hadir]*

### **PENYAKIT JANTUNG - PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN**

11. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah nasihat beliau kepada rakyat tentang penyakit jantung memandangkan sejak tahun 1995-1998 bilangannya sentiasa bertambah dari masa ke semasa. Adakah perlu menasihati rakyat untuk membuat pemeriksaan selalu dan adakah pakar jantung negara ini mencukupi.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Kecenderungan arah penyakit dewasa ini di negara kita menunjukkan morbiditi dan kematian akibat penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung koronari semakin meningkat dan merupakan punca utama kematian di negara kita di mana hampir 18% dari semua kematian yang disahkan adalah disebabkan oleh penyakit jantung.

Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa menasihati rakyat mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengawalan penyakit jantung serta kepentingan menjalani gaya hidup sihat. Kajian telah menunjukkan bahawa kematian akibat penyakit jantung boleh dikurangkan malah di jauhi sekiranya langkah-langkah pencegahan diambil dan faktor-faktor risikonya dikawal.

Antara faktor-faktor risiko adalah tabiat buruk menghisap rokok, pemakanan yang tidak sihat, tidak mengawal berat badan, pengambilan garam gula dan lemak yang berlebihan serta kurang bersenam, selain mempunyai penyakit diabetes, darah tinggi, dan “lipid disorders,” atau masalah penyakit terlalu banyak lemak yang tidak terkawal.

Masyarakat juga sentiasa diberi ingatan agar selalu berjumpa doktor atau dapatkan ujian pemeriksaan kesihatan dari masa ke semasa terutama bagi mereka yang berumur 35 tahun ke atas dan mempunyai riwayat keluarga yang menghidapi penyakit jantung, darah tinggi atau diabetes.

Jumlah bilangan doktor di negara ini termasuk pakar jantung masih berkurangan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di Pertua. Soalan tambahan. Tuan Yang di Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini boleh dikatakan kebanyakan juga yang mati sakit jantung disebabkan mereka ini tidak sempat mendapat bantuan perubatan daripada klinik-klinik kerajaan, ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pakar-pakar jantung dan juga kekurangan alat-alat untuk kita mengesan penyakit jantung di peringkat awalan. Jadi apakah perancangan pihak Kementerian untuk memastikan bahawa seboleh-bolehnya setiap rumah sakit di daerah ini dapat dilengkapai dengan peralatan untuk mengesan penyakit jantung dan juga program kementerian untuk memperbanyakkan pakar-pakar sakit jantung ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tentang keadaan peralatan di hospital-hospital kerajaan seperti yang kita sedia maklum bahawa penyakit jantung bila sudah sampai ke tahap kronik itu ia memerlukan perkhidmatan seorang pakar. Jadi, tidaklah boleh bagi pihak kementerian menyediakan kepakaran di semua



hospital kerajaan tetapi bagi peralatan yang basic memanglah ada di setiap hospital daerah. Namun demikian, yang paling penting ialah ingatan atau program-program yang telah kerajaan jalankan supaya amalan gaya hidup sihat itu akan membolehkan atau menjadikan rakyat itu sihat dan dapat mengawal untuk mendapat penyakit kronik, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu sampai ke tahap sukar untuk kita untuk menyelamatkan kerana sudah terlalu teruk penyakit itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Apakah yang akan dibuat untuk misalnya Ahli-ahli Parlimen yang masih merokok.

**Seorang Ahli:** Tidak usah hendak merapu.

**Seorang Ahli:** Itu hak asasi, jangan tegur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, teruskan Yang Berhormat .

**Dr Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]* Bukan sahaja merokok, bahkan juga mencemarkan udara supaya rakan-rakan pun terhidu.

**Seorang Ahli:** Cerut boleh tak?

**Seorang Ahli lain:** Sakit otak ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Cerut tidak boleh, sakit otak pun tidak boleh. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang akan diambil ke atas Ahli-ahli Parlimen yang masih degil merokok. *[Disampuk][Ketawa]* ... dan bolehkah Yang Berhormat terangkan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai pasukan khas, doktor-doktor yang boleh memberi nasihat kepada keluarga-keluarga di seluruh negara, di klinik-klinik, di hospital-hospital kerajaan, memandangkan kekurangan doktor seperti doktor jantung dan sebagainya. Apakah pendapat Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman :** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan nasihat kepada Ahli-ahli Parlimen, ini terpulang kepada diri

masing-masing. Kalau dia sayang pada dirinya, nyawanya dan keluarganya dan orang yang mereka sayangi atau orang yang sayang pada dia kerana perkara ini memanglah rata-rata adalah di seluruh dunia menjadi satu masalah. Kalaulah kita lihat dari segi prevalence di kalangan lelaki dewasa yang suka merokok dan tabiat merokok ini dari tahun 1986 sebanyak 41% dan tahun 1996 meningkat kepada 49% bererti hampir separuh daripada semua lelaki dewasa meningkat tabiat merokok mereka.

Wanita tidak ada perubahan, 1986 – 3.8% pada 1996 – 3.5%. Bererti wanita sangat akur dan prihatin terhadap usaha untuk menjaga kesihatan dan membawa gaya kehidupan yang sihat. Jadi cukai yang dikenakan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu cukup baiklah untuk menjadi satu deterrent kepada khususnya kaum bapa dan juga Ahli Parlimen, Jadi nasihat saya kepada ahli Parlimen kalau kita kenakan kompaun pun tidak guna juga tetapi kita ada program berhenti merokok atau ‘quit’ merokok yang dijalankan secara berperingkat-peringkat. Jadi kalau Yang Berhormat bersetuju bolehlah masuk dalam program itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua tidak dijawab lagi dan juga..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Soalan yang kedua apa Yang Berhormat, sudah habis.

## **PENGUBAHSUAIAN BAYARAN ELEKTRIK – CAMPURTANGAN KERAJAAN BAGI MENGATASI BEBAN RAKYAT**

12. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan ingin campur tangan bagi menyelesaikan isu pengubahsuaian pembayaran elektrik di antara Penjana Kuasa Elektrik Persendirian (IPP) dan Tenaga Nasional Berhad; dan
- (b) jika isu ini tidak dapat diselesaikan, bagaimana kerajaan memastikan kos tarif elektrik di negara ini tidak terus meningkat sehingga membebankan rakyat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, rundingan semula diantara IPP dengan Tenaga Nasional Berhad bagi menyelesaikan isu pengubahsuaian bayaran elektrik sedang berjalan. Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk campur tangan di dalam perundingan ini. Perkembangan positif yang dicapai melalui perundingan-perundingan yang diadakan diantara kedua-dua pihak sehingga kini ialah persetujuan bagi mengubah jadual pembayaran yang akan membantu TNB mengurangkan masalah aliran tunai yang sedang dihadapinya. Kerajaan berharap rundingan ini dapat diteruskan bagi mencari penyelesaian demi kebaikan negara dan rakyat.

Mengenai isu tarif elektrik, ingin saya menjelaskan bahawa adalah sukar bagi kerajaan untuk menjamin supaya kadar tarif elektrik tidak meningkat pada masa hadapan. Walau bagaimanapun kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak mempertimbangkan kenaikan tarif sebelum tahun 2000. Dalam mempertimbangkan perubahan kadar tarif, kerajaan akan menentukan sebarang kenaikan tarif adalah pada kadar yang munasabah dan boleh diterima oleh semua pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal Jawab Lisan sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No.1, 2, 10 dan 13 hingga 19 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**Dan**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1999, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,053,037, dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut”[3 November 1998].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Siapa yang hendak bahas, ya sila, Larut.

11.06 pagi.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan ini berhubung dengan Belanjawan tahun 1999 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I.

Saya suka menyentuh beberapa perkara terlibat, pertama suka saya terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang mana telah mengambil langkah bahawa cukai pendapatan bagi tahun 1999 dihapuskan. Ini amatlah memberi makna yang besar manakala negara kita menghadapi kegawatan ekonomi dan kegawatan politik. Dengan yang demikian pegawai-pegawai kerajaan dan swasta tidak lagi bersungut tentang bonus mereka untuk tahun ini ataupun tahun hadapan.

Belanjawan 1999 sebagaimana yang dibentangkan tidaklah menyusahkan mana-mana pihak bahkan ianya seimbang kerana Perdana Menteri yang kita kasihi itu sentiasa prihatin dan sentiasa mementingkan hak rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai bertanya setakat manakah perbelanjaan ini memanfaatkan mereka dan pihak korporat. Saya yakin dan percaya tiap-tiap rakyat mendapat manfaat dari belanjawan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini bahawa dalam usaha memantapkan taraf hidup. Kerajaan tidak pernah menyusahkan mana-mana rakyat bahkan ada setengah rakyat menyusahkan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pemerintahan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan sekali-kali kita dilupakan bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir telah membawa negara ini ke tahap kemajuan yang begitu pesat tanpa tunduk kepada kuasa-kuasa besar yang cemburu di atas kebolehan kita. Justeru itu pasaran wang dan saham jatuh oleh cemburunya mereka kerana tidak senang, takut negara kita terus maju apa lagi kita memerintah berteraskan penerapan Agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita masih mempunyai fundamental yang kuat dan rakyat masih bersatu justeru itu negara masih boleh mempertahankan dan sedang mencari jalan untuk memulihkan ekonomi melalui keteguhan politik dan sokongan rakyat ramai. Perdana Menteri berkata, pembangunan desa akan diteruskan melalui program meningkatkan produktiviti hasil pertanian seperti pembinaan prasarana pertanian, pengenalan serta penggunaan teknologi baru. Sejumlah RM1.1 bilion peruntukan termasuk RM130 juta lagi bagi Sarawak dan Sabah.

Saya amat berterima kasih dan mengalu-alukan peruntukan ini. Hanya berharap bahawa banyak mana sekalipun peruntukan diberi kepada tiap-tiap tahun pelaksanaan adalah lemah sekali dan masih terdapat banyak kelemahan yang sepatutnya dikawal yang mana kita telah mempunyai pengalaman hampir 40 tahun setelah kita merdeka. Prasarana pertanian tidak nampak dengan sempurnanya bagi produk-produk pertanian. Sejak kegawatan ekonomi, kerajaan dan wakil rakyat sibuk menyuruh orang-orang kampung menanam sayur-sayuran. Hari ini kesan dari kerahan itu banyak sayuran ditanam dan sudak tidak laku - kacang, timun, terong hanya sepuluh sen atau dua puluh sen sahaja di kampung saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Timbalan Menteri minta jalan.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, Yang Berhormat kata kebanyakan rancangan lembab, lemah tapi itu menunjukkan kempen yang dibuat oleh Kementerian Pertanian amat berjaya sehinggakan sayur-sayur banyak keluar dan harganya murah. Mana satu betul ini? .

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, memang berjaya, saya rasa Timbalan Menteri menjawab semasa dalam pengolongan lebih baik kerana saya tidak banyak masa, memang berjaya tapi

lakunya tidak. Tidak faham lagi! Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menolong mereka yang berusaha begitu kuat dan hasil-hasil mereka tidak laku?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pasaran ini saya suka memberitahu Dewan bahawa tempat jualan gerai-gerai masih berkurangan. Selain kemudahan-kemudahan diberi untuk pasar lambak, pasar malam dan pasar tani sahaja. Justeru itu saya berharap kerajaan bolehlah mengatur strategi supaya di pekan-pekan kecil, dibina gerai yang lebih baik supaya dapat memasarkan barang keluaran mereka kalau agensi-agensi kerajaan tidak mahu menerima hasil tanaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kegawatan ekonomi ini saya menyeru supaya kerajaan terus memberhentikan buat sementara projek-projek mega kerana rakyat masih tertanya apakah yang memanfaatkan mereka dari projek-projek yang besar kerana mereka tidak faham bahawa projek-projek mega itu juga memberi manfaat kepada mereka yang perlu diterangkan oleh kita setiap kali berjumpa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar diberi peruntukan RM1.3 bilion. Menyedari bahawa politik dan tulang belakang Barisan Nasional ialah orang-orang Melayu di kampung bukan di pekan-pekan besar. Saya rasa peruntukan ini masih kecil. Setelah merdeka 40 tahun, masih banyak rungutan berhubung dengan jalan-jalan kampung, jalan-jalan ke ladang, titi-titi gantung yang mana masih berselerak dan tidak dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Perusahaan Utama, saya akui kejayaan dalam memasarkan barang-barang keluaran Malaysia ke luar negara seperti getah, kelapa sawit dan lain-lain lagi. Saya menyeru di sini bahawa getah umpamanya masih di tahap harga yang paling rendah dan apakah strategi kementerian untuk memperbanyakkan kegunaannya dan cara pengeluarannya kerana amatlah susah mencari penoreh-penoreh getah pada hari ini.

Saya menyarankan supaya getah banyak digunakan di negara ini dalam semua industri yang memerlukan getah khususnya kereta. Bukan hanya setakat tayar sahaja bahkan bumper-bumper kereta buatan Malaysia perlu dibuat dari getah seperti dahulu yang mana Volvo, Mecedese, Fiat dan lain-lain lagi, bumper-bumpernya diperbuat dari getah, ianya kuat dan tahan lama tidak seperti fibre glass yang ada sekarang ini. Kerajaan juga perlu memberi perhatian kepada dahan-dahan dan batang-batang kepala sawit yang mana dalam lawatan saya ke luar negara, mereka kata ini boleh diproseskan dengan teknologi yang maju untuk dijadikan dinding atau dijadikan partition pejabat dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi Kementerian Kerja Raya bagi tahun hadapan ialah RM4.6 bilion. Saya suka menyentuh di sini mengenai bayaran tol yang mana dari sehari ke sehari dinaikkan dan sesetengah rakyat ramai merungut yang mana mereka berkata mereka bayar road tax, mereka bayar cukai jalan dan juga bayar tol. Tidakkah cukai jalan itu dapat memberi cross subsidi kepada jalan raya yang diswastakan jika penswastaan itu rugi?

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengetahui bahawa di masa kegawatan ekonomi nampaknya kementerian berkenaan masih diberi keutamaan, priority, sedang pada fikiran rakyat, jalan-jalan, lebuh raya yang besar-besar boleh diberhentikan sedangkan penumpuan untuk jalan-jalan di daerah-daerah di kampung-kampung masih tidak mendapat layanan istimewa seperti lebuh raya. Kita juga diberitahu bahawa kutipan di Lebuhraya Kulim-Butterworth dan Seremban-Port Dickson tidak dapat walaupun break even, dengan izin. Saya rasa ini adalah salah perancangan yang mana diberitahu ketika Lebuhraya Kulim dibuka, kereta hanya lalu tiap-tiap satu jam, satu sedangkan ketika itu perjalanan mengambil masa empat atau lima jam ke Ipoh dari Kuala Lumpur dan perkara itu tidak difikirkan sewajarnya.



Tuan Yang di-Pertua, tidak difikirkan sampailah masanya dinasihati oleh Yang Mulia Sultan Azlan Shah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ..... sila.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, saya hendak minta penjelasan sikit. Tadi Yang Berhormat ada dua highway, Kulim dan Port Dickson kurang mendapat pulangan yang baik. Baru-baru ini Menteri Kerja Raya ada mohon bantuan daripada pihak kerajaan. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat adakah setuju supaya kedua-dua jalan raya ini diberikan bantuan seperti mana diminta oleh Menteri Kerja Raya ataupun sebaliknya. Saya setuju bantuan daripada pihak kerajaan. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, adakah setuju supaya kedua-dua jalan raya ini diberikan bantuan seperti diminta oleh Menteri Kerja Raya ataupun sebaliknya.

**Dato Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Saya setuju bantuan diberi dan berharap perancangan akan datang difikirkan sama ada jalan itu orang lalu ataupun tidak, kalau orang tak lalu, tak payah buat dulu. Hinggalah dinasihati oleh Yang Mulia Sultan Azlan Shah, barulah jalan itu dibina. Saya mencadangkan supaya perancangan dan pembinaan jalan raya hendaklah sesuai dengan traffic flow, dengan izin, bukan hanya kerana penswastaan jalan-jalan tertentu ianya dibuat dan yang kurang perlu mestilah diberhentikan dengan serta merta kerana kita menghadapi kegawatan ekonomi yang tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang mana diberi peruntukan sebanyak RM246 juta. Kita masih berharap supaya pelaburan luar negeri datang melabur ke negara kita walaupun baru-baru ini terdengar pelabur-pelabur merajuk hendak melabur di sini kerana kita ada demonstrasi dan berbagai-bagai lagi. Kalau demikian saya mencadangkan dimanakah lagi mereka hendak melabur, di negara-negara yang merdeka di bawah komanwel, semuanya demonstrasi hari-hari dan 24 jam. Kita juga akui bahawa

demonstrasi yang sedikit itu tidak menjejaskan pelaburan-pelaburan yang akan datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mereka cemburu kepada kejayaan kita. Justeru itu saya menyeru kepada menteri yang dikasihi, Dato' Seri Rafidah, dengan kebijaksanaannya membawa industri-industri kecil dan sederhana ke daerah-daerah yang kecil mengikut kehendak kita, jangan hanya mengikut kehendak mereka. Oleh itu kita ada kuasa sama ada memberi syarat-syarat untuk pelabur itu datang ke mana-mana atau tidak datang ke mana-mana atau tidak dengan syarat-syarat yang kita kehendaki itu, mereka tidak boleh datang kerana tujuan kita membangunkan kawasan-kawasan luar bandar supaya orang ramai tidak berpindah, yang demikian menguatkan parti tulang belakang Barisan Nasional yang berteraskan UMNO. Saya rasa, belanjawan akan datang tidaklah payahlah lagi saya berucap atas tajuk yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyeru kepada semua rakyat memberi sokongan kepada Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed bahawa Malaysia adalah antara negara yang mewah, yang aman, yang mana mengikut demokrasi dan the rule of law, negara terbaik di antara negara-negara yang merdeka di dalam komanwel. Kita tidak perlu dengan hasutan yang tidak berasas, tidak perlu orang-orang luar memainkan peranan untuk menentukan nasib kita sedangkan orang-orang kita sendiri, ada yang lari dari negara kita, bila kita menghadapi kesusahan. Marilah kita semua taat kepada Allah dan the rule of law dan firman Allah yang bermaksud "Taatlah kepada Allah dan Rasul dan pemerintah kita " Kita juga perlu bersyukur kepada Allah kerana firmanNya yang bermaksud "Sekiranya kamu bersyukur, Allah akan menambah nikmat, sekiranya kamu kufur kepada nikmat, ingatlah azab di akhirat itu amatlah pedih

Akhir sekali setelah kita berjaya, kita dipuji, kita masyhur, kita diiktiraf oleh warga antarabangsa yang Malaysia berjaya, Malaysia boleh, kita perlu menjaga dan dengan izin, maintain akhlak mulia kerana sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud “Sesungguhnya aku diutus oleh Allah untuk menyempurnakan akhlak-akhlak yang mulia. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lanang.

**11.20 pg.**

**Tuan Tiong Thai King [Lanang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menyertai perbahasan Belanjawan 1999 yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan I.

Belanjawan ini merupakan belanjawan negara yang pertama kali dibentangkan sejak negara kita mencapai kemerdekaan setelah mengambil langkah kawalan pertukaran mata wang dan pasaran saham. Negara kita mengalami krisis kewangan serantau yang paling serius dalam sejarah ekoran spekulasi mata wang dan pasaran saham oleh aktiviti spekulator asing di samping juga merupakan belanjawan yang terakhir dalam abad ini.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita mencapai kadar pertumbuhan melebihi 8% dalam tempoh lapan tahun berturut-turut sejak negara kita mengalami krisis kewangan hampir berlarutan selama 16 bulan tahun ini telah mencapai pertumbuhan negatif 4.8%. Jadi kerja yang terpenting kini adalah mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita mengalami krisis kewangan yang serius tetapi rakyat masih berasa bangga kerana negara kita telah berjaya menjaga maruah dan imej di mata antarabangsa. Kita mesti berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pimpinan beliau. Beliau tidak tunduk kepada tekanan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan negara asing. Kita

mesti berkeyakinan terhadap pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memulihkan ekonomi negara kita. Kita mesti mengagumi, menghargai dan menyokong keberanian semangat politik beliau.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merangsangkan pemulihan ekonomi kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM4.042 bilion bagi projek prasarana yang bertujuan menjana perkembangan ekonomi pelbagai bidang yang berkenaan. Bagi negeri Sarawak sebanyak RM382 juta diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan sama ada Projek Jambatan Durin yang berhenti bagi Lebuhraya Pan Borneo diliputi di bawah peruntukan ini. Jika tidak, saya minta peruntukan lain dipertimbangkan untuk perlaksanaan jambatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah negara Asia yang pertama mengadakan Sukan Komanwel dan telah melancarkan Sukan Komanwel Ke-XVI dengan berjaya dan mendapat pujian daripada negara yang mengambil bahagian. Semasa negara kita mengalami krisis kewangan kritikan negara asing serta laporan negatif daripada media asing kita telah menganjurkan dengan berjaya sekali. Kejayaan ini merupakan jasa dan hasil usaha pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Peserta negara kita juga telah berusaha dengan sedaya upaya dengan memenangi sepuluh pingat emas. Pencapaian atlet negara ini adalah tercemerlang dalam sejarah penyertaan Sukan Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengingati kali pertama negara kita menganjurkan Sukan Komanwel dengan jayanya dan berterima kasih ke atas pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya mencadangkan stadium yang berdiri di Bukit Jalil yang boleh memuatkan 100,000 orang dinamakan Stadium Dr. Mahathir. Selain daripada itu saya menyokong rancangan untuk menjadi tuan rumah bagi menganjurkan Sukan Olimpik tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan krisis kewangan negara banyak syarikat besar yang terbabit dalam prasarana mengalami masalah kewangan. Masalah ini timbul bukan disebabkan oleh pengurusan tidak cekap tetapi merupakan mangsa kepada tindakan spekulasi mata wang dan pasaran saham oleh tabung mata wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, kami tidak boleh membiarkan syarikat yang berjasa ke atas pembangunan infrastuktur mengalami nasib bankrap. Mereka pernah membawa cukai pendapatan yang tinggi kepada kerajaan semasa ekonomi baik. Saya menyokong tindakan kerajaan menyelamatkan syarikat yang mengalami masalah kewangan dengan memberi bantuan kewangan. Di Amerika Syarikat, Jepun dan negara lain juga pernah menggunakan modal yang besar untuk menyelamatkan syarikat korporat yang menghadapi bankrap tetapi cara pengurusan dengan syarat dan syarat mesti munasabah dan transparent.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai tanah yang luas dan kaya dengan sumber semula jadi. Banyak tanah dapat digunakan bagi penanaman padi secara besar-besaran. Mengimport beras telah mengalirkan wang ke luar negara tetapi negara jiran memperolehi banyak wang asing dengan mengeksport beras yang banyak setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, beras adalah makanan utama penduduk negara kita. Jika berlaku bencana alam semula jadi atau peperangan, pengimportan beras tentu akan terjejas maka negara kita akan mengalami kekurangan makanan atau kelaparan. Kekurangan makanan bukan sahaja mengancam keselamatan negara kita malah akan berlaku rusuhan jika serius.

Tuan Yang di-Pertua, negara industri maju memajukan sektor pertanian terlebih dahulu dan memajukan sebagai tulang belakang sebelum memajukan perusahaan-perusahaan industri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai 70 juta penduduk pada tahun 2020 dan wawasan negara industri maju, kita mesti berusaha untuk memajukan industri pertanian dengan penanaman padi dan jagung supaya di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 atau Ke-8 dapat mencapai tujuan membekal semua keperluan beras negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan kos pengeluaran beras kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM131 juta untuk subsidi baja padi. Tambahan peruntukan sebanyak RM22 juta diberi untuk meningkatkan bantuan baja padi sebanyak RM50 sehektar bagi tahun 1999. Selain itu kerajaan memberi subsidi harga padi bagi menambahkan pendapatan petani dengan peruntukan RM410 juta. Saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyatakan beras adalah makanan utama, pengguna merungut ekoran beras gred Super telah naik mendadak. Ini disebabkan pengimportan beras gred Super dikawal oleh syarikat tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau beras gred Super dimonopoli oleh syarikat tunggal beras gred ini mesti diletakkan dalam barang kawalan. Pengimportan beras secara bebas mesti dipertimbangkan supaya pertandingan harga akan mengurangkan kenaikan harga beras secara mendadak. Saya berharap kerajaan akan mempertimbangkan cadangan ini dan tindakan akan diambil untuk mengurangkan harga beras gred Super.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan demi menggalakkan usaha menanam padi secara besar-besaran, cukai import jentera berat bagi kegunaan pertanian dikecualikan. Selain daripada itu cukai pendapatan juga dikecualikan untuk tempoh lima tahun atau sepuluh tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pendidikan penting dan berhubung rapat dengan kemajuan negara. Masalah perlaksanaan Akta Pendidikan baru, banyak universiti terkenal membuka cawangan atau mengadakan kursus berkembar dengan institut tempatan. Ini membantu dalam meningkatkan taraf pendidikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah menengah swasta memainkan peranan penting dalam mendidik rakyat negara kita. Sekolah swasta telah mendidik ramai ahli sains, jurutera dan pakar yang berpotensi. Telah banyak pengusaha korporat terkenal juga telah mendapat pendidikan di sekolah swasta. Pelajar Cina dari sekolah swasta juga bersemangat mencintai tanah air, mematuhi undang-undang, setia dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun sekolah menengah swasta menghadapi masalah kekurangan perbelanjaan sekolah. Justeru itu, mereka terpaksa mengumpul derma daripada orang awam. Jika belanjawan sekolah mencukupi, kemudahan sekolah yang lebih lengkap disediakan, maka sekolah swasta akan menghasilkan lebih banyak lagi pakar negara yang berpotensi.

Saya menyokong cadangan Yang Berhormat dari Sibü supaya membantu sekolah swasta dengan bantuan wang ringgit oleh kerajaan, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya pun mencadang setiap tahun kerajaan memberi bantuan RM500 seorang bagi pelajar sekolah swasta untuk meringankan beban melaksanakan sekolah swasta. Saya berharap kerajaan akan mempertimbangkan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Sibü Jaya adalah kawasan perumahan kos rendah dan sebanyak 1,800 unit telah disiapkan. Kira-kira 1,500 keluarga akan berpindah masuk pada hujung tahun depan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-7, tiada peruntukan bagi mendirikan sekolah rendah dan menengah di kawasan Sibü Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, Sibü Jaya terletak 25 kilometer daripada Sibü. Sekolah menengah yang terdekat pun berjarak 15 kilometer. Ini menimbulkan kerumitan kepada pelajar kawasan ini. Saya mencadang kerajaan mempertimbangkan peruntukan bagi mendirikan sekolah rendah dan menengah bagi belanjawan tahun depan. Saya menyokong sepenuhnya peruntukan RM13.5 bilion untuk kecemerlangan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan 1999 membayangkan pemimpin negara yang bijaksana. Kerajaan tidak mengenakan cukai pendapatan yang tinggi atas

rakyat walaupun belanjawan defisit dibentangkan. Sebaliknya, cukai pendapatan 1999 dibayar pada tahun berikutnya. Ini telah membayangkan pada saat kesusahan di samping kerajaan berusaha menangani masalah kegawatan ekonomi, kerajaan juga berusaha meringankan beban rakyat. Peniaga-peniaga dapat menjimatkan wang cukai supaya lebih banyak modal dapat dialir untuk membantu dan mencergaskan pemulihan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat menghadapi masalah kewangan akibat kegawatan ekonomi. Bagi meringankan beban kewangan majikan, saya mencadangkan supaya sumbangan pihak majikan bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diturunkan daripada 12% kepada 10%. Saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan ini.

Akhir sekali, saya mohon menyokong Belanjawan 1999 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan I. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kapar.

**11.31 pagi**

**Dr. G. Leelavathi [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I yang telah membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan yang mulia pada 23 Oktober 1998 yang lalu. Walaupun krisis ekonomi memaksa kerajaan untuk membentangkan belanjawan defisit. Belanjawan 1999 ini membuktikan usaha dan tanggungjawab kerajaan untuk memulihkan semula aktiviti ekonomi negara. Dalam keadaan membentangkan Belanjawan 1999, sebagai belanjawan defisit, namun kerajaan telah memberi keutamaan untuk membela nasib rakyat Malaysia khususnya masyarakat luar bandar dengan peruntukan sejumlah RM1.124 bilion.



Saya mengambil kesempatan ini merayu kepada kerajaan untuk menggunakan sedikit wang daripada peruntukan yang sebesar itu untuk membela nasib masyarakat ladang dengan menyediakan bekalan air bersih dan bekalan elektrik. Masyarakat ladang kebanyakannya masyarakat India dalam negara ini telah memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan Barisan Nasional sejak kemerdekaan lagi. Walau apapun perubahan politik berlaku dalam negara, masyarakat India tetap dengan ‘dacing’, kesetiaan mereka harus mendapat penghormatan yang setimpal. Kini kita menggalak era tele-medicine, tetapi jangan lupa warga Ipoh kawasan ladang pendalaman masih melahirkan anaknya di hospital ladang yang tidak mempunyai bekalan elektrik.

Pendidikan. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada kerajaan bagi pihak MIC dan masyarakat India atas kesudian kerajaan untuk menubuhkan Univerisiti Darul Aman di Kedah. Dalam pada itu saya juga menyeru kerajaan untuk memberi pertimbangan sewajarnya untuk membina sekolah Tamil di kawasan perumahan baru khasnya di kawasan perumahan baru yang wujud di atas bekas tanah kawasan perladangan yang sebelum itu memang ada Sekolah Tamil. Saya juga ingin mengetahui, daripada 183 buah sekolah baru yang akan dibuka dan 1,219 buah sekolah yang sedang dibina, adakah Sekolah Tamil juga terlibat? Jika ada, berapa buah? Jika tidak, mengapa?

Saya juga ingin menyuarakan kepada kerajaan kadar gaji RM700 yang ditetapkan untuk mendapatkan bantuan pinjaman buku harus dikaji semula. Pada hemat saya, kadar gaji RM700 ditetapkan tahun 1970-an, kos sara hidup tahun 1970-an dan kini banyak perubahan dan berlipat ganda. Dengan itu saya menyarankan kadar gaji yang ditetapkan untuk mendapatkan bantuan pinjaman buku harus ditetapkan pada kadar RM1,200.

Perumahan. Walaupun pengambilan tanah ladang untuk dijadikan kawasan perindustrian dan perumahan telah berkurangan, tetapi saya ingin menyeru kepada

kerajaan untuk mengkaji semula garis paduan dan undang-undang memberi pampasan kepada bekas ladang yang telah diambil alih tanahnya untuk projek pembangunan. Projek perumahan yang didirikan di kawasan bekas perladangan harus diberi keutamaan kepada masyarakat ladang tersebut. Walaupun saya sedar ini adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi saya ingin meminta Kerajaan Pusat khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengkaji semula garis panduan dan undang-undang memberi pampasan kepada bekas ladang.

Gejala Sosial - Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang doktor perubatan, sedar dan mengetahui tabiat merokok dan minuman keras bukan sahaja akan merosakkan kesihatan bahkan akan menjejaskan kelakuan seseorang tersebut. Dengan itu saya mengalu-alukan kenaikan cukai pada rokok dan minuman keras. Kenaikan cukai pada minuman keras akan menyebabkan kenaikan harga minuman keras sebanyak 20%. Dalam pada itu kerajaan harus memastikan tidak wajibnya samsu haram yang membawa banyak keburukan kepada orang perseorangan dan masyarakat amnya.

Bahan Makanan - Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang dapat mengurangkan import bahan makanan. Pada masa yang sama telah menggiatkan aktiviti pertanian semula. Saya meminta kerajaan segerakan perbincangan dengan pengurusan perladangan untuk mendapatkan kebenaran untuk menggunakan tanah perladangan kelapa sawit untuk membela lembu. Usaha ini akan menambah bahan makanan tempatan dan menambah sumber pendapatan penghuni ladang kelapa sawit. Saya juga ingin meminta kerajaan harus memastikan tarif khas dikenakan untuk eksport minyak kelapa sawit tidak digunakan oleh pihak majikan ladang kelapa sawit untuk menindas pekerja ladang.

Pembangunan Wanita - Saya hendak mendapat tahu daripada HAWA akan tindakan yang diambil bagi kemajuan wanita khasnya dalam milenium ini dari segi pelaksanaan Dasar Wanita Negara yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini pada tahun 1989 lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cheras.

**11.42 pagi**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah agak malang bagi negara dan rakyat bahawa tahun 1999 menyaksikan satu belanjawan defisit dalam jumlah lebih besar dari tahun sebelumnya. Belanjawan 1998 defisit RM9.6 bilion manakala belanjawan tahun depan defisit berjumlah RM16.635 bilion, bererti dalam tempoh 2 tahun ini jumlah sebenar defisit ialah lebih RM26 bilion. Kerajaan telah membuat hutang dalam tempoh dua tahun ini sebanyak RM26 bilion dan lebih untuk menampung perbelanjaan negara yang diakui sendiri oleh para pemimpin Barisan Nasional adalah belanjawan terbaik pernah dibentang.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan belanjawan ini dilakukan oleh Perdana Menteri yang melantik diri sendiri sebagai Menteri Kewangan I kerana orang lain di sana tidak layak menjadi Menteri Kewangan kecuali Perdana Menteri sendiri. Sudahlah negara dibebani dengan belanjawan defisit, hutang negara, kegawatan ekonomi, wang dalam tangan semakin kekurangan, negara perlu kepada dua orang Menteri Kewangan. Tidak pernah berlaku dalam sejarah negara, satu kementerian mempunyai dua menteri penuh melainkan ianya berlaku dalam era pemerintahan Perdana Menteri sekarang. Adakah bermakna bahawa jika menteri No. 2 tidak mahu menandatangani apa-apa kelulusan menggunakan dana kewangan maka No. 1 boleh melakukannya. Ini sudah nampak Perdana Menteri tidak percaya orangnya sendiri. Selain kesan bertambah belanja mengurus, ia satu pertindihan tugas yang tidak perlu. Malaysia sebenarnya tidak memerlukan dua orang menteri mentadbir kewangan kerana selain Menteri Tugas-tugas Khas yang diberi tugas

pembangunan dan pemulihan ekonomi selepas gawat, Kementerian Kewangan sudah pun mempunyai dua orang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen.

Berbalik persoalan bagaimana kerajaan hendak menampung belanjawan RM65.1 bilion sedangkan anggaran hasil kerajaan cuma RM47.16 bilion iaitu terendah dalam tempoh 2 tahun, sudah pasti kerajaan terpaksa berhutang balik dari sumber lain, sumber luar negara dan domestik. Menurut cadangan belanjawan, kerajaan bercadang meminjam RM12 bilion dari luar negara dan RM4 bilion dari sumber domestik. Menurut cerita, Jepun menyumbang RM7 bilion pinjaman dan RM5 bilion dari sumber lain. Saya ingin bertanya Perdana Menteri berapakah jumlah wang pinjaman yang dijamin bakal diberi oleh Jepun semasa beliau melawat negara tersebut baru-baru ini dan berapakah pula yang dipohon dari Kerajaan Brunei.

Walaupun belanjawan defisit ini dilihat boleh merangsang permintaan dalam negeri dan membantu negara keluar dari kemelesetan ekonomi tetapi kemelesetan kali ini adalah berbeza dengan kemelesetan tahun 1985. Pada waktu itu kerajaan mengambil langkah meningkatkan eksport untuk keluar dari situasi ini tetapi tahun 1998 dan 1999 menyaksikan eksport negara menurun kerana pasaran eksport keluar negara turut muram disebabkan masalah kejatuhan mata wang turut melanda negara lain. Kita tidak boleh mengambil mudah untuk meningkatkan eksport kita sekarang kerana permintaan luar menurun. Apa yang kita lakukan ialah bergantung kepada pasaran domestik yang terbatas. Sejauh manakah insentif eksport boleh membantu para pengeksport negara tidaklah pasti kerana selagi belum ada tanda-tanda pasaran eksport antarabangsa pulih, ekonomi negara berkembang pada kadar yang amat perlahan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menjadikan satu hari Sabtu setiap bulan sebagai hari cuti kelepasan bagi kakitangan perkhidmatan awam. Tujuannya ialah

menjadikan kakitangan perkhidmatan awam gembira, akan tetapi adakah mereka gembira. Saya rasa tidak kerana pada tahun depan kerajaan tidak memberi bonus seperti sebelumnya. Perdana Menteri berkata bahawa satu hari cuti tambahan dalam satu bulan boleh menggalakkan industri pelancongan dalam negeri. Saya tidak bersetuju pandangan ini kerana dengan pendapatan yang kurang dan kos perjalanan yang tinggi. Orang ramai termasuk kakitangan awam tidak ada 'mood' dan keupayaan untuk berjalan dan melancong. Sebagai majikan terbesar di negara ini mengapakah kerajaan tidak boleh memberi bonus tahunan kepada kakitangan awam 800,000 orang ini. Saya dan kakitangan awam kesal kerana kerajaan memutuskan tidak memberi bonus. Kalau kerajaan boleh menyelamatkan Renong dengan RM10.5 bilion, Bank Bumiputra RM1.1 bilion dan lain-lain banyak lagi, mengapakah kerajaan tidak ada kesanggupan membayar bonus kepada kakitangannya. Tidak cukup dengan memberi pujian dan pengiktirafan sahaja sedangkan bonus tidak diberi. Dengan ini saya ingin menyeru kerajaan supaya menimbang semula keputusan supaya membayar bonus kepada kakitangan awam tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong seruan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang supaya satu pilihan raya umum yang baru diadakan segera untuk menangani masalah krisis ekonomi dan keyakinan rakyat yang melanda negara kita saat ini. Beberapa hari lalu Perdana Menteri dalam satu wawancara dengan editor-editor akhbar berbahasa Cina mengatakan bahawa pilihan raya umum tidak akan diadakan lebih awal kerana beliau mengakui antara sebab-sebab lain faktor Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak boleh diketepikan. Saya harap Perdana Menteri patut ada keberanian untuk mendapatkan satu mandat baru untuk memerintah negara. 43 bulan sudah berlalu sejak Barisan Nasional mencapai kemenangan kedua terbesar dalam sejarah dengan memenangi 84.5% dari jumlah kerusi Parlimen pada pilihan raya umum terakhir.

Selepas mencapai kemenangan besarpun negara kita masih gagal meningkatkan keyakinan rakyat daripada prestasi ekonomi, kemajuan ekonomi, demokrasi dan hak asasi manusia, perangi rasuah, penyalahgunaan kuasa, promosi hak kesamarataan untuk semua rakyat, mambanteras kronisme, nepotisme, keadilan dan sebagainya. Parti pemerintah harus diuji ketahanannya sama ada mampu meraih mandat baru rakyat atau tidak dalam situasi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya memandangkan rakyat Malaysia sudah merdeka selama 41 tahun oleh kerana masyarakat kita semakin membangun, membuat perwakilan demokrasi dan akauntabiliti di peringkat komuniti tempatan menjadi semakin 'urgent' sekarang dan juga masyarakat kita semakin sofistikated. Warganegara kita semakin prihatin bahawa suara mereka didengar di peringkat majlis tempatan.

Mengenai kerajaan tempatan, saya ingin menyeru supaya pilihan raya kerajaan tempatan dipulihkan semula. Pilihan raya kerajaan tempatan telah digantung sejak 2 Mac 1965 semasa konfrantasi dengan Indonesia. Bapa Malaysia pernah berkata ketika itu, "Pilihan raya kerajaan tempatan akan dipulihkan sebaik sahaja negara kembali aman". Ini satu jaminan tetapi malangnya jaminan ini tidak pernah ditunaikan oleh kerajaan. Sungguhpun Malaysia sebuah negara demokrasi berParlimen, pilihan raya hanya dijalankan di peringkat Parlimen dan Dewan Undangn Negeri sahaja dan bukan tempatan. Sistem perlantikan dan struktur perlantikan sekarang banyak mengakibatkan amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta ketidakcekapan pentadbiran. Perlantikan tidak kondusif ke arah mencapai kematangan demokrasi yang kita idam-idamkan untuk abad ke-21. Penglibatan rakyat dalam pentadbiran kerajaan tempatan akan membawa kepada galakan pendidikan politik di peringkat akar umbi yang baik untuk negara pada jangka panjang. Lagipun pembayar cukai mempunyai hak untuk mengetahui bagaimana wang mereka dibelanjakan oleh pihak berkuasa tempatan. Bukanlah

satu rahsia sesetengah ahli majlis yang dilantik meluluskan kontrak projek mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur saya dapati ada seorang Ahli Lembaga Penasihat DBKL yang masih berkhidmat diberikan konsesi penswastaaan pembinaan semula kuarters kakitangan DBKL di Batu 2½ Jalan Cheras, yang merupakan satu projek yang berjuta-juta ringgit. Sungguhpun projek ini terpaksa ditangguh pada akhir tahun lalu kerana kegawatan ekonomi tetapi projek ini ditawarkan bukan tender terbuka diluluskan secara tidak beretika. Sebagai Ahli Lembaga Penasihat yang masih berkhidmat bagaimana beliau boleh mendapat konsesi pembangunan tanpa tender terbuka. Tidakkah ini merupakan satu perkara salahguna kuasa yang melampau. Saya mencadangkan projek ini dikaji semula dan kelulusannya dibatalkan. Jika hendak dibangunkan semula maka hendaklah dibuat secara tender terbuka terdapat ketelusan dan akauntabiliti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada PERKESO atau SOCSO. Saya menimbulkan perkara ini untuk menyeru supaya satu kajian semula ke atas tabung dan faedah PERKESO dibuat khususnya yang ada kaitan daripada aspek penjagaan kesihatan. Pada masa ini kos penjagaan kesihatan semakin melambung tinggi tetapi gaji pekerja sama ada kenaikan dibekukan, tidak berubah atau dikurangkan. Adalah lebih bermakna bagi PERKESO terus wujud jika PERKESO boleh memainkan peranan yang lebih utama bagi menyediakan skim penjagaan kesihatan yang sempurna dan berkesan. Saya menemui banyak kes pencarum PERKESO yang mana disebabkan PERKESO tidak boleh menawarkan perlindungan 24 jam tetapi hanya meliputi bencana kemalangan tempat kerja atau semasa berjalan pergi dan balik daripada kerja, maka ramai merasai yang PERKESO tidak berguna. Keseluruhan konsep PERKESO perlulah ditukar menjadi lebih kondusif kepada pekerja dan tanggungan mereka. Ramai majikan

dan pekerja merasai bahawa insurans kemalangan diri atau PA yang menawarkan perlindungan dua puluh empat jam adalah lebih praktikal dan berfaedah kepada pekerja yang disediakan oleh syarikat insurans.

Ramai pekerja berpendapatan rendah yang tercedera atau ditimpa kemalangan bukan disebabkan oleh tugas atau komitmen pekerjaan mereka tidak berhak mendapat faedah. Jika mereka tidak ada wang dan tidak mampu mendapat rawatan di klinik dan hospital swasta, mereka terpaksa beratur di hospital kerajaan sebab faedah PERKESO tidak memberikan perlindungan tersebut. Jika mereka membeli polisi PA mereka boleh mendapatkan rawatan di hospital swasta dan ini boleh menyelamatkan mereka dan keluarga daripada kebimbangan. Saya ingin menegaskan tidak guna Malaysia berusaha giat untuk mencapai status negara perindustrian dan mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi jika pekerja miskin tidak boleh mendapatkan penjagaan kesihatan yang cepat dan sempurna.

Saya mencadangkan supaya peranan SOCSO ini dikaji semula untuk memberi access yang mudah bagi membantu mendapatkan rawatan di pusat perubatan swasta. Ini merupakan satu reformasi yang baik sebab perubahan untuk memperluaskan perlindungan PERKESO meliputi pusat perubatan swasta boleh juga membantu meringankan beban berat yang ditanggung oleh hospital awam sekarang terutamanya untuk kebaikan 8.3 juta pencarum PERKESO. Saya harap satu perlindungan meliputi penjagaan kesihatan yang lebih luas dapat disediakan oleh PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan KWSP saya ingin menyeru kerajaan supaya memberhentikan amalan menggunakan KWSP sebagai tabung penyelamat atau bail out menerusi saluran pelaburan dan pinjaman yang boleh dipertikaikan. Banyak syarikat bermasalah yang terjejas akibat kegawatan ekonomi telah bertukar kepada KWSP sebagai sasaran mudah untuk mendapat wang.



Baru-baru ini saya menemui ramai pekerja juga yang mengadu kepada saya bahawa mereka sebagai pencarum KWSP merasa dikhianati oleh KWSP dan mereka menyatakan jika mereka ada pilihan mereka tidak mahu menyimpan dalam KWSP. Lebih baik simpanan itu dikeluarkan daripada KWSP supaya wang mereka dapat disimpan di tempat yang selamat. Hampir 9 juta pencarum KWSP di seluruh negara terkejut dan bimbang cara wang mereka yang diperolehi dengan susah payah dipergunakan di samping dividen tahunan yang sudah diturunkan kepada 6.7% terendah dalam tempoh 21 tahun mereka tidak senang dengan cara berbilion ringgit caruman KWSP digunakan oleh KWSP untuk menyelamatkan syarikat-syarikat bermasalah seperti UEM, Sime Bank, KUB dan lain-lain daripada bankrup.

Tuan Yang di-Pertua, pencarum juga terkejut dan marah apabila mengetahui yang KWSP rugi berbilion ringgit dalam pasaran saham. KWSP adalah wang rakyat dan pekerja dan ia bukan dimiliki oleh kerajaan atau Lembaga KWSP. Lembaga KWSP hanya merupakan pemegang amanah simpanan pekerja sahaja. Tidaklah salah wang KWSP dikeluarkan sebagai pinjaman dan pelaburan dalam business yang tulen tetapi sekadar untuk menyelamatkan syarikat bermasalah, tidak betul dan tidak boleh diterima seperti melakukan jenayah dengan mengorbankan pekerja miskin yang bergantung kepada simpanan KWSP sebagai bekalan bersara untuk diri dan keluarga. Jaminan kebajikan dan sosial para pencarum merupakan sebab mengapa KWSP ditubuhkan dulu.

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan yang memuaskan atas perkara ini. Keengganan Pengerusi Eksekutif KWSP, Tan Sri Sallehudin Mohamad untuk bertemu wakil-wakil KWSP tidak lama dahulu jelas menunjukkan beliau takut untuk menerangkan perkara sebenar yang begitu penting kepada pekerja. Saya ingin mengingatkan menteri bahawa terdapat satu tugas penting yang perlu disegerakan di pihak kerajaan untuk memulihkan keyakinan

rakyat mengenai isu KWSP. KWSP tidak sahaja dilihat gagal menguruskan tabung pekerja secara berhati-hati dan serius, ia juga menghadapi kekurangan budaya akauntabiliti, ketelusan dan bertanggungjawab.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Perkara yang saya ingin timbulkan di sini ialah satu lagi perkara yang berlainan iaitu mengenai projek Jalan Lingkaran Tengah Dua, Middle Ring Road Two (MRR2) yang menghubungkan Lebuhraya Karak ke Bukit Jalil yang menelan belanja melebihi RM800 juta sepanjang 35 kilometer. Saya akui jalan baru ini membantu mengurangkan kesesakan jalan di Kuala Lumpur. Jalan ini telah dibuka kepada lalu lintas, jalan ini tidak dikenakan tol. Tetapi saya difahamkan terdapat beberapa pihak yang ada kaitan politik Barisan Nasional telah membuat cadangan kepada kerajaan supaya jalan ini dikenakan caj tol dengan meluaskan skop projek menerusi pembinaan persimpangan bertingkat di beberapa simpang jalan.

Tuan Yang di-Pertua, jika jalan MRR2 ini diswastakan dan caj tol dibuat, maka ia mengundang kemarahan rakyat. Program penswastaaan selama ini sudah menjadi subjek yang membebankan rakyat kerana caj tol yang tidak munasabah memberi kesan dan tekanan ke atas ekonomi negara. Saya harap kerajaan jangan bebankan rakyat lagi dengan menukar projek awam ini kepada projek penswastaaan. Memanglah projek MRR2 bukan sudah siap sempurna. Memanglah perlu dibuat beberapa persimpangan bertingkat tetapi jangan jadikan alasan meluaskan skop projek dan mengenakan kutipan tol. Kuala Lumpur pada hakikatnya sudah terlalu banyak tol jalan di dunia. Saya percaya buat masa ini cadangan penswastaaan dan kutipan tol MRR2 tidak dibesar-besarkan sebelum pilihan raya umum yang akan datang tetapi perkara ini tetap saya yakin akan dibangkitkan selepas pilihan raya umum akan datang. Saya berharap kerajaan tidak

akan menswastakan jalan tersebut selepas pilihan raya umum. Jika tidak, penduduk Kuala Lumpur merasa tertipu sekali lagi.

Projek MRR2 sudah lama ditunggu oleh para pengguna jalan sejak dua dekad lalu supaya para pemandu dari Utara, Timur dan Selatan tidak perlu memasuki Pusat Bandaraya Kuala Lumpur untuk menuju haluan masing-masing. Saya ingin menyebut sebagai contoh, di Plaza Tol Jalan Kuching yang telah tamat konsesi pada 7 Januari 1996 tetapi telah dilanjutkan kutipan selama tujuh tahun dengan alasan syarikat konsesi melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop asal konsesi. Namun setelah lanjutan tempoh konsesi berjalan, sehingga kini kami tidak nampak apa pun kerja tambahan dapat dibuat di jalan tersebut. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan kepada persoalan ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Jelebu.

**12.04 tgh.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyatakan sokongan di atas pembentangan Anggaran Perbelanjaan 1999 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Pertama pada 23 Oktober yang lalu, di mana sejumlah RM65.095 bilion telah diperuntukkan untuk tahun depan bagi pelbagai sektor. Kita ucap tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah begitu prihatin kepada permasalahan rakyat ke arah pentingnya untuk menstabilkan pertumbuhan ekonomi negara dan untuk membekalkan kemudahan-kemudahan bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dihadapi oleh masyarakat selama kini.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang harus diperlihat, yang harus ditekankan oleh kerajaan bagi sekurang-kurangnya permasalahan yang selama ini begitu ketara yang berlaku di kawasan-kawasan luar bandar akan dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Saya ingin menyarankan Kementerian Kerja Raya supaya tumpuan haruslah juga diberikan kepada masalah-masalah jalan di kawasan luar bandar, jalan-jalan Persekutuan. Contohnya, di kawasan saya di Jelebu walaupun program ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, iaitu Laluan 86 Jalan Persekutuan di mana daripada Seremban ke Kuala Kelawang dan ke Simpang Pertang yang memerlukan lebih kurang RM47 juta telah pun dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, tetapi sehingga sekarang masih belum dilaksanakan. Ini penting kepada kami masyarakat di Jelebu, kerana itulah merupakan laluan utama yang hendak sampai ke Seremban dan juga di kawasan-kawasan pembangunan luar yang lain selain daripada Jelebu. Jelebu, insya-Allah, akan membangun sekiranya faktor jalan ini akan dapat dipereleokkan dan hendaklah mengikuti standard design yang ditentukan ke taraf JKR 05 sekurang-kurangnya dan juga pembinaan beberapa buah jambatan yang memerlukan kos yang diseragamkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan jalan-jalan luar bandar yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar haruslah dikaji semula. Kalau betul konsep payung tidak lagi akan dilaksanakan pada tahun hadapan, ianya adalah merupakan satu langkah yang baik kerana apa yang berlaku pada ketika ini pelaksanaan program jalan-jalan luar bandar, jalan-jalan kampung maksud saya tidak begitu memuaskan walaupun kontraktor-kontraktor yang dipilih itu merupakan kontraktor-kontraktor yang terpilih, terbilang di antara yang terbaik pada pandangan pihak kementerian, namun tentunya mempunyai masalah dan tidak dapat memenuhi cita rasa dan juga hasrat masyarakat kampung keseluruhan.

Di samping itu, sistem kelulusan projek-projek yang telah dikenal pasti haruslah dirombak, haruslah dikaji semula berdasarkan kepada kehendak masyarakat dan juga pengesahan yang dilakukan oleh wakil-wakil rakyat tempatan yang begitu maklum dan tahu tentang permasalahan yang berlaku. Tidak boleh

hanya ditumpukan ataupun diberikan perhatian kepada kehendak pihak pentadbiran Pejabat Daerah kerana kadang-kadang permasalahan tersebut adalah di luar daripada pengetahuan pihak pentadbir.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan ialah mengenai dengan mungkin persoalan yang harus dilontarkan kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Saya ingin bertanya tentang objektif dan juga maksud Jabatan Pengangkutan Jalan ke arah untuk memberikan sokongan ataupun keutamaan kepada pihak sekolah memandu. Kalau tidak silap saya arahan ini telah dikeluarkan sejak awal tahun lepas untuk seluruh pemilik SM1 untuk bergabung bagi menubuhkan institut memandu di seluruh negara. Saya ingin bertanya setakat hari ini berapakah jumlah institut memandu yang telah ditubuhkan, yang telah dipohon dan diluluskan tetapi tidak dilaksanakan dan berapakah jumlah yang telah terbatal mengikut negeri?

Saya difahamkan di Negeri Sembilan kelulusan telah pun diberikan kepada lima institut/sekolah memandu yang masing-masing kalau dibangunkan kosnya tidak kurang dari RM1.5 untuk satu circuit dan juga institut memandu dan terbatal satu di kawasan Port Dickson dan saya ingin menyarankan kalau pun pembekuan permohonan, yang mana penubuhan institut memandu ini haruslah dikekalkan kepada bilangan ataupun kuota yang telah diluluskan.

Di Port Dickson kehendak dan juga keperluan kepada adanya institut memandu ini begitu ketara. Oleh kerana Port Dickson begitu membangun dari segi infrastrukturalnya dan juga masyarakatnya begitu maju ke hadapan, tentunya keperluan untuk melengkapkan diri mereka dengan dokumen memandu yang sah haruslah dipertimbangkan semula.

Saya ingin merayu supaya kuota yang telah dibatalkan di Port Dickson itu dapat diluluskan bagi pemohon yang berkelayakan dan berkemampuan dari segi peruntukan ataupun mempunyai perancangan yang menarik ataupun telah

mempunyai tanah dan modal supaya circuit institut memandu ini akan dapat dibina di kawasan Lukut, Port Dickson.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kurikulum Baru Sekolah Memandu (KBSM) telah pun dikuatkuasakan, namun banyak kelemahan yang harus dikaji semula. Sekarang ini kita dapati pihak kementerian telah mensyaratkan supaya bakal pemandu yang ingin menduduki ujian untuk mendapatkan lesen 'L' ataupun PDL dikehendaki mengikuti lebih kurang dua belas jam kursus dan juga pembelajaran mengenai pemanduan berhemat barulah layak untuk menduduki ujian lesen 'L' ataupun PDL, bermakna barulah mereka layak untuk diberikan lesen ataupun sebaliknya.

Di samping itu mengenai kadar bayaran belajar dan ujian memandu haruslah dilihat, saya menyarankan supaya kementerian melalui JPJ membuat penentuan kepada kadar bayaran bagi seluruh kelas lesen memandu ini supaya dapat diikuti oleh pihak institut memandu. Kalau kita lihat berdasarkan kepada daerah dan negeri, kadar ini berlainan dan berbeza ini tentunya menyusahkan orang, terutamanya orang-orang kampung yang mempunyai pendapatan yang agak terhad.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, saya ingin juga bertanya kepada pihak JPJ apa jadi dengan circuit ujian memandu yang telah terbina sejak bertahun-tahun lalu di kompleks JPJ?

Saya mendapat tahu bahawa kompleks ini telah dibiarkan begitu sahaja kerana sistem ujian memandu yang ada pada hari ini tidak lagi dibuat di Jabatan Pengangkutan Jalan. Jabatan Pengangkutan Jalan hanya menghantar pegawai-pegawai mereka untuk menguji seluruh bakal-bakal pemandu ini di kompleks ataupun di institut memandu swasta yang telah dibina. Ini adalah merupakan satu pembaziran yang begitu besar, yang harus difikirkan penggunaannya ke arah lain.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu satu persoalan lagi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dan JPJ iaitu apa jadi dengan cadangan untuk menswastakan Bahagian Pelesenan dan Pendaftaran Kenderaan, Jabatan Pengangkutan Jalan yang dicadangkan kepada anak syarikat DRB iaitu 'ram gate dan juga urusdaftar'. Apa jadi dengan cadangan ini kerana saya mendapat maklum bahawa pihak DRB telah pun berbelanja begitu banyak untuk membayar gaji dan juga menyewa bangunan-bangunan dan melengkapkan pejabat-pejabat tersebut dengan peralatan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu JPJ haruslah melihat kepada permasalahan dalaman yang masih berlaku. Saya ingin bertanya setakat hari ini, berapa keskah yang melibatkan soal-soal pengeluaran sijil pendaftaran palsu dan sijil pendaftaran sambungan di dalam JPJ kepada sindiket-sindiket yang melibatkan diri dengan penjualan kenderaan-kenderaan 'scrap' yang didatangkan dari luar ataupun yang menjualkan balik kenderaan-kenderaan curi yang dikenal pasti, berapa kes tangkapan, berapa kes yang telah disiasat dan berapa kes yang telah dihadap ke mahkamah mengenai dengan kes-kes yang berkaitan dengan penipuan ataupun masalah yang berkaitan dengan penipuan hasil kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi JPJ juga haruslah melihat akan permasalahan yang berlaku di dalam Unit Pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak Puspakom. Rungutan daripada pengguna-pengguna ataupun pemilik-pemilik kenderaan perdagangan ataupun perkhidmatan awam begitu ketara sekali, walaupun Puspakom telah pun diperlengkapkan dengan kemudahan komputerisasi dan juga kemudahan yang begitu canggih. Namun masalah penyelewengan masih lagi kedengaran. Masalah menunggu masih lagi berlaku untuk mendapat 'turn' ataupun giliran bagi menghantar kenderaan untuk diperiksa.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang harus kita berikan sokongan ialah cadangan pihak JPJ dan juga Puspakom untuk mensyaratkan kepada pembeli-

pembeli kenderaan 'second hand' ataupun terpakai untuk diperiksa terdahulu dengan pihak Puspakom untuk mengelakkan penipuan ataupun nombor enjin ataupun nombor chasis terusik.

Ini kalau kita lihat secara positifnya amatlah perlu dan baik dilaksanakan agar pihak penjual kenderaan terpakai ini tidak dapat melakukan penipuan kepada bakal-bakal pembeli. Jadi, cadangan ini perlu kita fikirkan dan haruslah diberikan sokongan supaya syarat untuk menjalankan pemeriksaan terdahulu kepada kenderaan terpakai ini sebelum didaftarkan kepada pemilik yang baru haruslah diberikan sokongan supaya penipuan tidak dapat berlaku secara berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang juga menjadi persoalan di peringkat bawah, masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar ialah mengenai dengan kemudahan sekolah dan juga tempat-tempat pembelajaran anak-anak di kawasan luar bandar. Terima kasih juga diberikan kepada kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan kerana cadangan untuk membina kuarters guru, tambahan bilik darjah dan juga pembinaan asrama baru di sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Jelebu.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya sarankan dahulu, walaupun 'brief project' ini telah diterima lama oleh pihak kementerian, tempat-tempat yang telah dikenal pasti untuk dibina sekolah-sekolah ini telah pun selesai, walau bagaimanapun, masalah panggilan tender begitu lambat dibuat oleh JKR.

Saya kluatir dengan kelambatan dan kelewatan urusan memanggil tender ini akan melambatkan lagi projek-projek yang begitu daif yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan. Di Jelebu beberapa asrama dan juga kompleks kediaman guru telah dicadangkan di samping pembinaan tambahan bangunan-bangunan ataupun bilik darjah telah pun dikenal pasti. Lebih daripada RM20 juta telah pun diperuntukkan untuk memperlengkapkan sekolah-sekolah ini dengan prasarana yang berkenaan.



Saya berharap pihak JKR negeri ataupun Persekutuan akan dapat memainkan peranan yang lebih cekap dan teratur supaya projek ini tidak akan tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Kesihatan, walaupun di Jelebu mempunyai keperluan doktor seramai tujuh orang, empat telah diisi dan kosong tiga. Saya menyarankan supaya pihak kementerian melihat akan keperluan pengisian jawatan ini kerana beberapa tempat yang menjadi tumpuan pesakit-pesakit kadang-kadang tidak ada doktor yang boleh merawat mereka. Contohnya, di Pusat Kesihatan Besar Simpang Durian yang kuartersnya telah pun disiapkan sejak beberapa lama yang lalu tetapi kosong dan terpaksa disewakan kepada guru sekolah. Oleh kerana masalah pengisian jawatan kepada lebih daripada 3,000 penduduk di persekitaran itu tidak dapat dilakukan.

Saya merayu kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya melihat keperluan ini kerana permasalahan yang tidak dapat diatasi oleh hanya pegawai yang berpangkat 'health assistant'/'medical' assistant tidak dapat mengatasi masalah ini, terpaksa dibawa ke Kuala Pilah ataupun ke Kuala Kelawang yang jaraknya lebih kurang 40 batu ke 50 batu.

Jadi saya menyarankan supaya masalah kekosongan jawatan ini bagi keperluan daerah Jelebu dapat diperhatikan, tiga kosong haruslah diisi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada seluruh kakitangan kerajaan yang telah melaksanakan dasar kerajaan ke arah mencapai matlamat pembangunan negara yang tidak memikirkan soal imbuhan dan sebagainya. Namun saya menyarankan supaya kehendak dan hasrat pihak CUEPACS untuk menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun kerajaan akan dapat dilaksanakan. Kakitangan kerajaan telah pun bertungkus-lumus untuk menjalankan dasar-dasar kerajaan bagi mencapai matlamat dan juga perkara-perkara yang telah digariskan untuk dilakukan dilaksanakan pada setiap tahun.

Saya menyokong jika sekiranya ada hasrat untuk memberikan ganjaran kepada kakitangan kerajaan ini, walaupun ia tidak merupakan bonus atau sebagainya, sekurang-kurangnya mereka ini dapat dipertimbangkan pemberian elaun tambahan. Kita ambil purata, kalau kumpulan B ke bawah itu mungkin setakat RM500.00 satu orang dan di dalam kumpulan A ke atas itu, tidak kiralah JUSA ke, apa ke jawatan mereka, berikan purata lebih kurang RM1,000.00 seorang tidak mengambil kira gaji hakiki dan sebagainya. Jadi yang kumpulan A RM1,000.00, yang kumpulan B ke bawah RM500.00. Sekurang-kurangnya mereka ini mendapat penghargaan kerajaan. Untuk mendapatkan seluruh kakitangan kerajaan seramai lebih 800,000 diberikan cemerlang iaitu melintang ataupun menegak tidak mungkin. Berapa peratus sahaja pada satu-satu tahun 5%, iaitu 2% melintang dan 3% menegak untuk mereka ini, barulah mendapat elaun dan juga imbuhan-imbuhan yang ditetapkan. Dan saya menyarankan supaya kerajaan melihat semula akan rintihan dan juga rayuan yang akan dibawa melalui kesatuan-kesatuan sekerja khususnya CUEPACS dalam pertemuan dengan pihak kerajaan pada sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada pihak kerajaan di atas program-program dan projek telah dibuat dan yang akan dibuat di Parlimen Jelebu. Pusat Pemurnian Akidah, saya menyarankan supaya pusat ini diisi segera. Penempatan pesalah-pesalah ataupun bakal-bakal pelatih hendaklah disegerakan supaya kompleks yang berharga lebih daripada RM5 juta ini akan dapat digunakan sepenuhnya dan akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan di persekitaran kompleks tersebut.

Di samping itu Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar di bawah Kementerian Pertanian akan dibina. Alhamdulillah, kawasan telah pun dikenal pasti seluas 300 ekar supaya ianya dapat disegerakan. Saya menyarankan supaya Kementerian

Pertanian akan melihat keperluan ini kerana pemindahan pusat kajian ini daripada Melaka haruslah disegerakan.

Begitu juga dengan pembangunan untuk Pusat Latihan Penerangan, Tuan Yang di-Pertua. Kawasan seluas 50 ekar telah pun dikenal pasti tetapi cadangan untuk membinanya masih lagi tertangguh. Saya pohon supaya Kementerian Penerangan akan dapat menyegerakan program ini dan dapat melaksanakan program yang telah dikenal pasti.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya satu permohonan untuk mengadakan Kolej Perubatan Kuala Klawang di Jelebu akan dapat dikeluarkan lesennya. Saya telah dimaklumkan bahawa Syarikat Angkasa Tenggara telah pun memohon untuk pengeluaran lesen bagi menjalankan operasi maktab ini telah pun dikemukakan pada pihak Kementerian Pendidikan sejak beberapa lama yang lalu. Jadi saya merayulah bagi pihak masyarakat Jelebu kerana maktab ini akan beroperasi di Jelebu dan saya harap dengan adanya Medical College ini akan dapat memberikan peluang belajar kepada masyarakat-masyarakat bersekitaran dan juga di luar daerah Jelebu itu sendiri.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tawau.

12.25 tgh

**Puan Chua Soon Bui [Tawau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu diucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I yang kita kasihi atas pembentangan Belanjawan 1999 yang luas disambut baik oleh segenap lapisan rakyat. Sesungguhnya Belanjawan yang berjumlah RM65 bilion ini adalah berjiwa rakyat dan bersifat penyayang khususnya dalam kegawatan ekonomi. Di samping itu, ianya juga menjalankan satu-satunya ujian getir terhadap pucuk pimpinan kita

dalam usaha menangani kegawatan ekonomi yang melanda seluruh rantau tahun lalu. Strategi-strategi yang tertera dalam Belanjawan kali ini bukan sahaja menyusuli usaha dasar kawalan mata wang yang diumumkan baru-baru ini, namun juga memantapkan lagi keyakinan rakyat bahkan dunia luar terhadap pemulihan ekonomi negara kita. Tetapi kesemuanya tidak akan berjaya tanpa perpaduan yang unggul di kalangan rakyat yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Asia dilanda kegawatan ekonomi ekoran manipulasi kewangan oleh manipulator antarabangsa, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah jelas mengenal pasti punca masalahnya walaupun tidak disenangi oleh kuasa-kuasa Barat. Dalam forum bank dunia di Hong Kong tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita secara terbuka mengesyorkan agar perdagangan mata wang perlu dikekalkan atau sekurang-kurangnya dikawal dengan mekanisme yang tertentu. Walaupun pandangan itu telah pun dikritik seluas-luasnya oleh media massa Barat tetapi perkembangan masalah kewangan ekonomi serantau dalam tujuh belas bulan ke belakangan ini telah nyata membuktikan benarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Dalam kegawatan ekonomi yang semakin meruncing kita tetap tidak menerima bantuan IMF di bawah telunjuknya. Itu bukan kerana kita angkuh tetapi disebabkan oleh tiadanya keyakinan kita terhadap rumusan IMF atau 'The Western Traditional Approved Economic Autocracy'. Kini ini juga terbukti dengan kurangnya kesan pendekatan IMF dalam usaha memulihkan ekonomi di negara-negara Asia seperti Thailand, Korea Selatan dan Indonesia. Lebih-lebih lagi krisis ekonomi juga yang pada satu ketika dahulu sengaja dihubungkan dengan teguran-teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap kuasa-kuasa Barat, kini juga merebak ke Russia dan Amerika Latin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menstabilkan nilai mata wang kita kawalan mata wang telah terpaksa dilaksanakan mulai 1 haribulan September 1998. Selain

daripada itu kadar faedah bank kita juga dikurangkan demi meningkatkan kecairan atau liquidity dalam sistem perbankan kita. Pada mulanya kaedah ini telah menjadi sasaran cacian di kalangan pakar-pakar ekonomi Barat kerana ianya bertentangan dengan nasihat IMF. Tetapi dengan adanya pihak Amerika Syarikat yang mengikuti jejak kaki kita dalam mengurangkan faedah bank, apakah dunia Barat secara tidak langsung telah mengaku salah. Apakah pendekatan IMF perlu direnung kembali. Saya akan hairan sekiranya rumusan Malaysia kita, dalam usaha memulihkan ekonomi akan ditiru oleh negara-negara lain yang senasib dengan kita.

Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan kaedah kawalan mata wang, kekeliruan yang kemungkinan timbul tentang kesannya terhadap foreign direct investment atau pelaburan langsung asing perlulah diberi tumpuan dan penerangan yang wajar. Sesungguhnya kawalan tersebut bukanlah bermatlamat untuk menghalang pelabur-pelabur asing daripada melabur di Malaysia. Sedangkan dengan adanya kadar tetap bagi Ringgit kita terhadap Dollar Amerika Syarikat perdagangan import dan export kita akan lebih dijamin. Dalam erti kata lain ia telah menstabilkan pasaran perdagangan luar kita. Tetapi soal pokoknya ialah kawalan sedemikian tidak akan berkekalan. Oleh yang demikian, apakah strategi kita untuk melindungi mata wang kita daripada disanggah oleh penyanggah-penyanggah antarabangsa selagi peraturan yang sedia ada dalam perdagangan mata wang tidak berubah.

Perkara mengenai pendidikan Tuan Yang di Pertua, kita harus berbangga kerana kegawatan ekonomi yang melanda negara kita tidak sekali-kali menumpulkan tumpuan kerajaan kita terhadap pendidikan. Belanjawan tahun ini sekali lagi memperlihatkan penekanan yang dimaksudkan di mana sejumlah RM14 bilion daripada perbelanjaan kita telah diperuntukkan lagi bagi maksud pendidikan. Namun demikian, masalah kekurangan guna tenaga pengajar

khususnya di peringkat sekolah menengah dan dalam mata pelajaran yang tertentu umpamanya sains tetap berterusan. Setakat ini adalah didapati bahawa tiada guru bahasa Cina yang berkelayakan wajar dapat ditugaskan untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah di Tawau, Sabah. Pihak sekolah terpaksa mengambil guru-guru sandaran dari sekolah-sekolah Cina lain. Keadaan seperti ini sudah tentu menjejaskan minat dan prestasi pelajar dalam mata pelajaran yang berkenaan khususnya dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Demikian juga keadaan dalam mata pelajaran sains, tahun demi tahun masyarakat umum dipersalahkan atas sikap dinginnya terhadap pengambilan pelatih-pelatih maktab perguruan. Tetapi segala ini tidak akan menyelesaikan kemelut yang sedia ada selagi Skim Saraan Guru tidak diselaraskan menurut suasana ekonomi negara semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini izinkan juga saya menyuarakan rintihan segelintir golongan guru bersara yang masih belum dibayar sebarang wang caruman ekoran lulusnya Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru Sabah Pembubaran 1998. Mereka yang berusia lanjut telah banyak berbakti kepada pembangunan pendidikan negara, tetapi malangnya nasib dan kepentingan mereka tidak terbela secara memuaskan apabila rang undang-undang yang berkenaan dibentang dan diluluskan.

Perkara mengenai khidmat perubatan dan kesihatan, selaku wakil rakyat dari Tawau saya berbangga dengan adanya sebuah poliklinik yang dianggap sebagai salah sebuah poliklinik dalam negara kita seperti yang diiktiraf oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri. Di samping itu adalah dijangka bahawa projek sekolah latihan bagi jururawat masyarakat akan siap dibina menjelang akhir tahun ini. Segala ini jelas membuktikan kesungguhan kerajaan dalam usaha mempertingkatkan tahap khidmat perubatan di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kawasan Tawau. Namun demikian, saya tetap ingin menarik perhatian kementerian kepada beberapa gejala atau masalah yang selama ini tidak

dapat diatasi dengan berkesan malahan semakin menjadi-jadi. Misalnya, Hospital Besar Tawau iaitu satu pusat reference yang dianggap memuaskan dari segi kelengkapannya tidak mempunyai kemudahan scalp scan untuk menampung keperluan seluruh kawasan yang termasuk Lahad Datu, Semporna, Kunak, Merutai, Balung dan Kalabakan. Kawasan yang begitu luas mempunyai jumlah penduduk yang menjangkau 600,000 orang. Dari pengamatan saya setiap kali adanya mangsa-mangsa kemalangan tercedera kepalanya mereka terpaksa dibawa ke Kota Kinabalu kerana tidak dapat dirawat di Tawau akibat tiadanya kemudahan scalp scan. Keadaan sedemikian telah mengakibatkan kelewatan rawatan yang kadangkala mungkin membawa maut kepada pesakit. Di samping itu saya ingin juga mengadu tentang masalah kekurangan pakar-pakar perubatan yang semakin meruncing di Tawau. Oleh kerana kurangnya daya tarikan Tawau terhadap pengusaha-pengusaha pusat perubatan swasta, maka rakyat Tawau terpaksa bergantung bulat-bulat kepada khidmat perubatan awam. Ramai pakar perubatan yang berkhidmat di Tawau telah ditukar ke hospital lain sebaik sahaja lepasnya kontrak khidmat mereka. Kini hanya tinggal enam orang pakar sahaja yang masih berkhidmat di Tawau.

Sekiranya menyingkap kembali sejarah beberapa tahun kebelakangan ini adalah didapati bahawa pakar ENT, atau pakar telinga, hidung dan kerongkong yang tunggal telah ditukar keluar tanpa sebarang gantian. Begitu juga, pakar gynaecologist yang ada juga telah meninggalkan Tawau April tahun ini. Kini khidmat yang berkenaan hanya boleh diperolehi dari seorang pakar pelawat atau visiting specialist dari Kota Kinabalu yang melawat ke Tawau sekali sekala. Keadaan yang sama turut berlaku dalam bulan September dan Oktober baru-baru ini dengan pertukaran keluar pakar mata dan pakar jiwa, bak kata peribahasa 'sudah jatuh ditimpa tangga'.

Dalam bidang pathology pula rakyat Tawau tidak pernah memperolehi khidmat seorang pathologist pun selama ini. Pada pandangan saya sebarang projek hospital tidak akan lengkap selagi masalah-masalah tersebut terus menghantui masyarakat setempat. Dalam erti kata lain, sesebuah hospital yang baru dibina itu hanya akan membawa makna jika dilengkapi dengan kemudahan dan guna tenaga yang mencukupi. Antara masalah-masalah yang kian menunjuk kadar kematian yang tinggi di kalangan kaum ibu yang bersalin adalah amat menggelisahkan. Ini bermakna perlunya khidmat pakar gynaecologist semakin mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, menurut perangkaan yang sedia ada, bilangan kes kematian ibu bersalin berjumlah 17 kes-kes tahun lalu dan 12 kes dalam tempoh Januari hingga September 1998. Dalam pada itu bilangan kes due birth juga menjangkau 105 kes tahun lalu dan 78 kes menjelang akhir September tahun ini. Bilangan kes young premature death adalah 48 kes tahun lalu dan 38 kes pada tahun ini. Perangkaan sedemikian perlu diberi tumpuan, perhatian yang serius lebih-lebih lagi dalam usaha kita memajukan negara menurut landasan Wawasan 2020. Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan agar lebih lagi klinik-klinik perubatan dapat dibina di kawasan luar bandar dengan konsep decentralization dan kerahan guna tenaga perubatan yang cukup bagi rakyat di kawasan desa dan pedalaman dalam negeri Sabah.

Keperluan-keperluan asas ini lebih mendesak berbanding dengan projek-projek lain yang besar lagi canggih. Adalah sukar bagi orang-orang bandar membayangkan betapa banyaknya pesakit dari Pulau Sebatik dapat dibawa secara cemas ke Tawau selepas mengharugi laut yang bergelora. Di kawasan pedalaman seperti pekan Kalabakan, pesakit-pesakit cemas yang perlu dihantar ke Tawau juga sering kali mengalami perjalanan darat yang sejauh 80 kilometers.



Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang tidak kurang pentingnya adalah berkisar kepada keperluan katil-katil dalam wad-wad yang terus meningkat di Hospital Besar Tawau. Cuba bayangkanlah keadaannya di hospital itu bila bilangan katil hanya 300 untuk menampung 600,000 orang penduduk. Sesungguhnya kesesakan yang teruk telah dialami pada tahun lalu ketika penyakit kolera melanda Merutai dan Kalabakan di Tawau. Kesesakan yang dimaksudkan bukan sahaja disebabkan oleh kurangnya katil malahan dari segi ruang lantai. Kita patut mengambil iktibar daripada kejadian tersebut. Semoga kecacatan sedemikian dapat dibuat dengan perancangan-perancangan yang rapi lagi menyeluruh menjelang alaf baru. Saya yakin dengan adanya keprihatinan dan keazaman di kalangan pucuk pimpinan negara kita senario yang menyedihkan seperti ini tidak akan berulang lagi.

Perkara terakhir mengenai pembangunan wanita. Tuan Yang di-Pertua, saya selaku seorang wakil wanita ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat atas keprihatinan dan penekanannya terhadap penyertaan kaum wanita dalam pembangunan ekonomi. Dalam hubungan ini kaum wanita perlulah diberi peluang penyertaan dalam bidang penguasaan pengetahuan teknologi maklumat dan industri sebelum turut menyertai secara bermakna dalam aktiviti pembangunan ekonomi. Belanjawan 1999 telah memperlihatkan peruntukan sebanyak RM50 juta kepada pertubuhan-pertubuhan wanita dan RM150 juta bagi ekonomi business group fund. Ini nyata membuktikan kesungguhan kerajaan dalam usaha menggalakkan penyertaan wanita dalam pembangunan ekonomi.

Di negeri Sabah adalah diharapkan peralihan sedemikian membolehkan kaum wanita mengambil alih peranan yang selama ini dimainkan oleh pekerja-pekerja asing dalam bidang pembangunan ekonomi negeri. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian.

12.45 tgh.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana turut diberi kesempatan untuk membahaskan ucapan Beelanjawan 1999 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kesan kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara telah ternyata mendatangkan pelbagai musibah yang harus kita terima sebagai ketentuan dan perlu ditangani sebagai satu cabaran kita bersama membina negara yang lebih mantap dan kukuh pada masa akan datang. Kemelesetan ekonomi yang diperlihatkan oleh pertumbuhan ekonomi negara iaitu tolak 5% dan pada suku pertama Januari sehingga Mac 1998 diikuti pertumbuhan tolak 7% pada suku kedua April hingga Jun 1998.

Faktor ini juga turut ditunjukkan dengan kesan kejatuhan mendadak mata wang daripada nilai RM2.6 berbanding US\$1 kepada lebih kurang RM3.8 hingga RM4.2 berbanding US\$1 pada pertengahan 1998. Kemudian dituruti dengan kesuraman pasaran saham pada pertengahan 1997 indeksinya mencatat lebih kurang 1200 mata kemudian turun pada pertengahan 1998 daripada sekitar 359 sampai 400 mata. Sesuatu yang harus kita insafi ialah dasar ekonomi terbuka dan arus globalisasi yang dicanangkan oleh masyarakat Barat kita harus halusi dan berhati-hati bagi memastikan kita tidak terperangkap dan seterusnya menjadi mangsa kepada dakyah tersebut. Menyedari bahawa kita umpama timun mengolek pun kita kena digolek kita kena. Kita perlulah mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kepakaran bagi memastikan kita dapat terus untuk mempertahankan maruah diri dan negara bagi mengatasi kemelut tersebut. Jadi, tidak guna kita hidup dalam dunia kemewahan dan kesenangan andai kata kita hanya sekadar kuda tunggangan kepada orang lain.

Bangsa yang berdaulat dan merdeka bukanlah sekadar bebas daripada belenggu penjajahan tetapi juga merdeka dari cara berfikir dan merdeka di dalam menyuarakan pendapat dan pandangan terhadap sesuatu permasalahan negara terutamanya isu-isu antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, senario ekonomi dunia yang tidak menentu sejak kebelakangan ini ternyata agak merimaskan ekonomi Malaysia. Berdasarkan laporan yang dikemukakan di dalam Laporan Ekonomi 1998 ternyata tempias yang kita alami dari permasalahan ekonomi sedikit sebanyak telah menyebabkan ekonomi kita turut terjejas. Kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara telah menyebabkan berlaku sedikit kelembapan dan juga kemalapan dalam aktiviti perniagaan dan yang ternyata golongan yang teruk sekali menerima pukulan ialah usahawan bumiputera. Sama ada yang telah lama memulakan perniagaan mereka ataupun yang baru berjinak-jinak dalam dunia perniagaan. Selaras dengan matlamat untuk membangunkan masyarakat perdagangan perindustrian bumiputera, aktiviti perniagaan merupakan pemangkin yang berkesan yang dapat mempercepatkan matlamat tersebut. Walau bagaimanapun kemelut ekonomi yang melanda negara telah menyebabkan puluhan ribu usahawan terpaksa menanggung hutang yang banyak dan barangkali sebahagian dari mereka yang terpaksa mengulung perniagaan mereka. Adalah malang sekali khususnya bagi usahawan yang baru menceburi untuk menerima hakikat bahawa mereka terpaksa menanggung kerugian dan bagi setengah mereka pula terpaksa menggadaikan harta benda yang ada untuk menyelesaikan hutang mereka.

Barangkali bagi sesetengah usahawan kegagalan tersebut akan disambut dengan tekad baru dan keazaman padu bagi dijadikan panduan untuk meneruskan penglibatan mereka di dalam aktiviti perniagaan. Tetapi bagi sesetengah usahawan pula ianya merupakan titik penamat untuk mereka bagi meneruskan penglibatan mereka dalam dunia perniagaan. Ini merupakan satu kerugian kepada usaha-usaha kerajaan di dalam melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membendung fenomena ini dari berlaku dan berlarutan, Kementerian Pembangunan Usahawan perlu mengambil langkah yang lebih berani untuk memastikan usahawan yang gagal tadi tidak menarik diri dari dunia perniagaan. Khidmat nasihat sama ada berbentuk perundingan dan juga

kaunseling perlu dirangka untuk merangsang usahawan yang bermasalah ini. Sehubungan itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan sama ada terdapat kajian yang dijalankan oleh kementerian untuk mengenal pasti bilangan usahawan yang menghadapi kesulitan untuk membiayai perniagaan mereka kesan daripada kemelesetan ekonomi negara dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi menangani permasalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun memperkenalkan agenda teknologi maklumat kebangsaan dengan menekankan matlamat untuk mengubah peranan rakyat Malaysia daripada menjadi pengguna kandungan aplikasi multimedia iaitu consumer oriented kepada pengeluar yang berinovasi iaitu supply oriented dan seterusnya berjaya menghasilkan aplikasi tempatan yang bertaraf antarabangsa. Seperti mana yang kita ketahui trend baru dalam arus era globalisasi telah memberikan penekanan kepada penguasaan bidang teknologi maklumat sebagai penentu utama corak pembangunan sesebuah negara. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan sebuah masyarakat berilmu serta menjadikan negara sebagai yang dapat menguasai bidang sains dan teknologi, pembentukan Koridor Raya Multimedia diharap akan menjadi penjana utama kepada penguasaan negara di dalam bidang teknologi maklumat. Koridor Raya Multimedia yang merangkumi kawasan seluas lebih kurang 15 kilometer x 50 kilometer persegi yang meliputi kawasan pusat bandar sehingga ke kawasan Putrajaya dan KLIA akan diperlengkapkan dengan prasarana yang canggih bagi memenuhi keperluan dalam industri teknologi maklumat dan multimedia.

Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Berita Harian, 21 Oktober 1998, pembangunan ini memerlukan puluhan ribu guna tenaga terlatih dan telah berjaya menarik pelaburan berjumlah lebih kurang RM6 bilion. Koridor Raya Multimedia ini seterusnya akan dibangunkan dengan tujuh flagship utama

iaitu kerajaan berelektronik, sekolah bestari, kad pelbagai guna, perdagangan elektronik, jaringan pembuatan seluruh dunia, cluster penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan telemedicine. Pembangunan MSC, ternyata mampu untuk menyediakan peluang dan habuan yang tidak kurang sedikit kepada negara. Industri teknologi maklumat merupakan rahmat yang tidak ternilai kepada negara. Walaupun ada yang beranggapan bahawa perkembangan industri maklumat dan pembangunan MSC akan mendedahkan negara kepada ancaman khususnya terhadap permasalahan moral tetapi barang diingat bahawa Multimedia Super Corridor juga merupakan medium terbaik untuk menyalurkan ilmu dan maklumat khususnya kepada masyarakat antarabangsa.

Pembangunan pesat industri maklumat juga menyediakan ruang kepada pencinta ilmu dan juga teknokrat untuk kita menyalurkan segala bentuk ilmu pengetahuan. Bagi ahli-ahli agama, perkembangan pesat teknologi maklumat seharusnya dapat dijadikan satu platform terbaik untuk menyampaikan mesej tentang kesyumulan Islam dan mekanisme terbaik untuk mentarbiahkan penduduk dunia.

Sehubungan itu saya menyeru kepada rakyat Malaysia untuk bersama-sama merebut peluang ini dan untuk terlibat dalam pembangunan MSC. Bagi usahawan-usahawan bumiputera pula MSC merupakan jalan pintas terbaik untuk mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Industri teknologi maklumat mampu menyediakan pelbagai peluang sama ada bermula daripada pengeluaran produk yang berasaskan industri hulu meliputi daripada aktiviti pembuatan, penyelidikan dan pembangunan produk dan infrastruktur, pembekalan perkakasan, perisian, pembangunan sistem dan seterusnya kepada aktiviti hiliran termasuklah kepada penyelenggaraan latihan serta khidmat rundingan. Bagi mencapai hasrat tersebut satu pelan perancangan yang bersepadu perlu dirancang dan saya amat berharap kepada Kementerian Pembangunan

Usahawan dapat menyediakan pelan perancangan jangka panjang bagi melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera di dalam bidang IT.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kesan yang menarik untuk diberi perhatian oleh kita kesan daripada pembangunan pesat arus teknologi maklumat ialah kemunculan kedai-kedai komputer yang turut menyediakan kemudahan perkhidmatan Internet. Jika dulu belia-belia belasan tahun banyak menghabiskan masa di pusat-pusat permainan video games, tetapi peranan tersebut pada masa ini telah diambil oleh kedai-kedai yang menawarkan kemudahan meluncur, surfing iaitu surfing Internet. Kedai-kedai tersebut tumbuh dengan mendadak sekali. Jika dahulu remaja banyak menggunakan kemudahan telefon untuk berkomunikasi tetapi perkembangan teknologi komputer telah mengambil peranan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi kebimbangan saya di sini ialah kadangkala kadang terdapat maklumat-maklumat yang diperolehi dari penggunaan Internet telah disalahgunakan untuk menyebarkan berita-berita palsu, menonton gambar-gambar lucah dan sebagainya. Saya berpendapat gejala ini amat membimbangkan. Pada golongan remaja yang lebih berani mereka akan menerokai Internet untuk membuat pemesanan, untuk menonton aksi-aksi lucah yang boleh diperolehi secara online daripada luar negeri. Saya percaya walaupun kita cuba untuk mempraktikkan dasar langit terbuka sebagai dasar untuk menggalakkan perkembangan industri teknologi maklumat tetapi saya beranggapan bahawa amalan-amalan yang bertentangan dengan nilai agama dan moral perlu dibasmikan.

Sehubungan itu saya amat berharap agar kementerian dan juga agensi-agensi serta pihak-pihak berkuasa tempatan yang terbabit di dalam pemberian lesen akan dapat memperincikan bilangan lesen yang telah dikeluarkan untuk kedai-kedai yang seumpama ini dan saya ingin bertanya apakah mekanisme yang digunakan untuk mengawasi agar tidak wujud penyalahgunaan kemajuan teknologi

maklumat khususnya premis-premis perniagaan untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan akhlak remaja kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita untuk mengejar cita-cita menjadi sebuah negara maju, bidang perindustrian memainkan peranan yang penting. Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini pelbagai galakan telah diberikan kepada sektor industri sehingga kita seperti menyetepikan sektor-sektor lain. Sektor pertanian misalnya, tidak lagi dianggap sebagai sektor yang menarik. Ini dibuktikan dengan penurunan sumbangan sektor tersebut di dalam KDNK negara. Banyak tanah pertanian yang sebelum ini diusahakan dengan aktiviti pertanian telah ditukar dan dibangunkan dengan aktiviti perkilangan dan perbuatan.

Di sesetengah negara yang maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain lagi, walaupun aktiviti industri telah diberikan tumpuan, namun kepentingan sektor pertanian tidak sekali-kali diabaikan. Walaupun barangkali saiz penggunaan tanah untuk aktiviti pertanian telah berkurangan tetapi produk aktiviti pertanian masih lagi sama malahan semakin meningkat kerana aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ini sekali gus berupaya untuk menampung permintaan dalam negeri dan pada masa yang sama ada lebihan pengeluaran barangan pertanian untuk dieksport. Berbeza dengan Malaysia, disebabkan oleh kita terlalu ghairah untuk memajukan sektor industri, sektor pertanian agak terabai dan ini menyebabkan kita terpaksa meletakkan penggantungan yang tinggi kepada negara untuk membeli makanan iaitu berdasarkan kepada Laporan Ekonomi 1998/1999 - negara mengimport makanan dan minuman yang diproses untuk penggunaan isi rumah seperti barli, jagung, mentega, marjerin dan sebagainya iaitu bernilai RM2.2 bilion.

Peningkatan ini jelas menunjukkan bukan sahaja kita telah membelanjakan sejumlah wang yang banyak untuk membeli barangan import, tetapi jelas

menunjukkan bahawa amalan pemakanan rakyat Malaysia telah berubah khususnya kepada amalan pemakanan cara Barat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung petang.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Okay, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

\*\*\*\*\*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) mengengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Sungai Benut diminta sambung ucapan.

**2.30 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada menyebut bahawa cara amalan pemakanan rakyat Malaysia telah berubah iaitu kepada cara amalan pemakanan Barat. Jadi yang menjadi kebimbangan saya di sini iaitu walaupun trend pemakanan telah berubah tetapi cara hidup rakyat Malaysia masih lagi kekal pada cara lama. Apa yang berlaku di Malaysia pada masa sekarang amat membimbangkan iaitu daripada laporan berhubung dengan peningkatan kes-kes penghidap sakit jantung, kencing manis, stroke dan sebagainya yang mempunyai hubungan secara langsung dengan aktiviti pemakanan. Pendedahan kepada amalan pemakanan cara Barat yang tidak diimbangi dengan amalan cara hidup sihat akan mendedahkan rakyat Malaysia kepada penyakit-penyakit tersebut.



Di samping itu pada masa yang sama import barangan makanan utama seperti beras, sayur-sayuran yang dianggarkan bernilai lebih kurang RM1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Perangkaan yang dikeluarkan ini menunjukkan bahawa negara telah membelanjakan hampir RM3.3 bilion untuk membeli bahan makanan yang sebahagiannya boleh dikeluarkan di dalam negara seandainya kita mempunyai perancangan yang lebih sistematik di dalam membangunkan industri makanan kita. Sewaktu negara mengalami kemakmuran akibat daripada sumbangan sektor industri, kita seolah-olah melupakan terus sumbangan sektor pertanian. Terdapat sebilangan kerajaan negeri yang meluluskan permohonan untuk menukar taraf tanah pertanian kepada tanah perindustrian tanpa mengambil kira kesan jangka panjang. Perubahan drastik ini walaupun dalam jangka pendek menguntungkan pemilik-pemilik tanah tetapi perlu difikirkan implikasinya untuk jangka panjang. Pembangunan industri yang dijalankan secara pesat tanpa mengambil kira kesan kepada persekitaran akan mengancam bukan sahaja ekosistem yang sedia ada tetapi juga mengancam keselamatan nyawa manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya mana-mana kementerian pun perlu mengambil pendekatan dengan mengambil kira perancangan masa hadapan bagi memastikan masalah seperti yang berlaku di dalam sektor pertanian tidak akan berulang.

Tuan Yang di-Pertua, jika dahulu semasa kita mengalami kemelesatan ekonomi kerajaan telah memperkenalkan satu skim iaitu Skim Siswazah Tani, yang ingin saya persoalkan adalah skim ini telah pun ditamatkan kerana zaman meleset pada waktu tersebut telah berakhir. Jadi saya ingin tahu adakah laporan dibuat berhubung dengan skim ini dan saya mengharapkan agar kementerian khususnya akan dapat merancang satu polisi iaitu dengan mengambil pendekatan yang lebih bersistem bagi mengelakkan kesilapan daripada skim-skim yang telah

dianjurkan yang mana di waktu masalah kemelesetan ekonomi berulang Kementerian Pertanian kemudiannya cuba mengambil tindakan yang serupa iaitu dengan cara untuk menggalakkan aktiviti pertanian bagi menghadapi masalah ekonomi. Apabila masalah ekonomi kita pulih, balik kepada takuk lama iaitu aktiviti pertanian akan kembali perlahan. Jadi saya berpendapat kalaulah pendekatan yang diambil secara begini sepanjang masa, kita akan tetap menghadapi masalah bukannya menyelesaikan masalah.

Dalam bab ini juga saya ingin membangkitkan berhubung dengan penswastaaan Bernas. Dahulu saya difahamkan semasa di bawah LPN stok beras negara cukup untuk enam bulan. Jadi saya ingin tahu apabila LPN ini diswastakan, bagaimanakah kedudukan stok beras negara pada ketika ini kerana daripada apa yang saya difahamkan bahawa stok beras negara pada masa ini mencukupi untuk tempoh satu bulan sahaja. Jadi kita perlulah memikirkan kalau sekiranya apa-apa berlaku kita takut seperti contohnya waktu masalah air yang dihadapi di Lembah Klang berlaku kemudian barulah kita memikirkan dan merancang sesuatu. Kita seharusnya 'menyediakan payung sebelum hujan'.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tahun ini akaun semasa perimbangan pembayaran negara menunjukkan ke arah yang positif iaitu mencatatkan lebihan yang besar iaitu lebih kurang RM20 bilion berbanding dengan RM-14.2 bilion tetapi peningkatan ini sebenarnya tidak banyak. Ini lebih banyak disumbangkan oleh peningkatan dalam eksport dagangan berbanding dengan defisit yang kita alami dalam akaun perkhidmatan. Walaupun defisit dalam akaun perkhidmatan negara menunjukkan penurunan sebanyak lebih kurang RM2.3 bilion iaitu RM19.5 bilion pada 1998 berbanding dengan 1997 - RM21.8 bilion tetapi nilai defisit yang kita alami dalam akaun perkhidmatan adalah ternyata lebih besar. Di samping itu juga saya percaya penguncupan ini sebenarnya bukanlah disumbangkan oleh

kecekapan kita, sebaliknya lebih kerana kita mengalami kemelesetan ekonomi dan saya percaya nilai ini akan meningkat apabila ekonomi kita kembali pulih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Minta gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Minta lima minit. Di samping itu jika kita teliti secara terperinci penyumbang terbesar defisit dalam perkhidmatan datangnya daripada pendapatan pelaburan iaitu hampir RM22.9 bilion dan nilai kedua yang terbesar datangnya daripada perkhidmatan freight dan insurans yang bernilai hampir RM9.7 bilion. Kita mungkin menghadapi masalah kesulitan untuk mengurangkan aliran keluar daripada pendapatan pelaburan tetapi bagi perkhidmatan freight dan insurans kita mungkin ada alternatif untuk memperbaikinya. Nilai defisit sebanyak RM9.7 bilion daripada perkhidmatan freight dan insurans merupakan nilai yang agak besar berbanding dengan gagasan kerajaan untuk membangunkan industri perkapalan tempatan dan syarikat-syarikat insurans tempatan. Walaupun kerajaan telah membangunkan prasarana termoden di pelabuhan-pelabuhan kita khususnya di seluruh pelabuhan kita, pembangunan ini seharusnya selari dengan peningkatan keupayaan syarikat-syarikat perkapalan tempatan.

Sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan berhubung dengan perjalanan Tabung Perkapalan yang diumumkan oleh kerajaan beberapa tahun yang lalu dari segi bilangan syarikat yang telah mendapat pembiayaan dan adakah kerajaan ingin memperkenalkan insentif baru bagi membangunkan industri perkapalan negara. Saya juga ingin mendapat penjelasan mengapa pengeksport-pengeksport tempatan masih lagi menggunakan Pelabuhan Singapura sedangkan saya difahamkan bahawa pelabuhan tempatan khususnya Pelabuhan Klang mempunyai kemudahan yang setanding dengan pelabuhan-pelabuhan yang lain.

Sekiranya alasan pengeksport tempatan untuk menggunakan pelabuhan Singapura kerana pelabuhan Singapura lebih cekap, ataupun terdapat penawaran-penawaran insentif lain, maka kerajaan haruslah mempertingkatkan kecekapan pelabuhan tempatan berbanding dengan pelabuhan lain. Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Pengangkutan berapakah jumlah eksport dan impot negara yang telah menggunakan pelabuhan Singapura? Dan saya ingin tahu berapakah – saya difahamkan bahawa di Singapura iaitu MLO yang menggunakan Pelabuhan Singapura lebih kurang 444 berbanding dengan Pelabuhan Klang yang jumlahnya lebih kurang 67 sahaja. Jadi saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan bagi kita menandingi Pelabuhan Singapura kerana kalau sekiranya seperti mana yang saya katakan tadi, kalau sekiranya perkara ini berlarutan, maka sampai bila pun kedudukan pelabuhan-pelabuhan di negara tidak akan dapat beroperasi sama setanding dengan pelabuhan-pelabuhan yang wujud di tempat-tempat lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menumpukan sedikit berhubung dengan masalah pendidikan yang mana seharusnya kita memberi perhatian yang besar walaupun kita mengalami defisit. Kita amat berterima kasih kepada kerajaan, walaupun kita menghadapi masalah kemelesetan, sektor ini terus mendapat perhatian yang serius. Berdasarkan kepada pembentangan belanjawan baru-baru ini kerajaan masih lagi meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar untuk memasuki IPTA. Jadi pertambahan ini seharusnya seiring dengan peningkatan kemudahan dan prasarana serta tenaga pengajar bagi memastikan pelajar-pelajar tersebut dapat mengikuti pengajian mereka dengan berkesan. Di samping itu saya berharap, program-program matrikulasi yang dijangka diambil alih oleh Kementerian Pendidikan pada masa hadapan akan dapat berjalan dengan lebih berkesan. Jadi itulah saja Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kelang.

**2.42 ptg.**

**Dr. Tan Yee Kew [Kelang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Belanjawan 1999. Walaupun negara kita sedang mengalami suatu krisis ekonomi yang besar, tetapi kerajaan telah mengambil suatu keputusan yang berani iaitu terus menyokong pembangunan ekonomi tanpa mendapatkan wang yang diperlukan itu melalui cukai yang akan membebankan rakyat. Pengumuman belanjawan ini telah melegakan kepada ramai pembayar cukai, mahupun individu ataupun syarikat kerana sebelum ini mereka telah menjangka lebih banyak barangan akan dikenakan cukai dan dengan kadar yang lebih tinggi. Keputusan kerajaan bahawa pendapatan pada tahun 1999 tidak dikenakan cukai adalah satu lagi berita yang amat dialu-alukan oleh pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah berucap dengan panjang lebar berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara kita dan strategi serta langkah-langkah yang diterang secara terperinci telah pun dikemukakan dalam buku Pemulihan Ekonomi Negeri. Kita menyokong penuh usaha-usaha kerajaan dalam usaha untuk memulih ekonomi negara. Namun begitu, saya rasa ada beberapa kelemahan dalam sistem kewangan yang patut diatasi dengan cara yang jujur dan tegas. Misalnya dalam usaha kita memulihkan keyakinan pasaran, langkah yang pertama dicadangkan adalah memperkuat pengurusan awam dan korporat dan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Dalam perkara ini saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah pengawalan dalaman atau internal regulatory measures di institusi kewangan dan syarikat harus

diwujudkan dan suatu sistem yang berkesan untuk melaksanakan langkah-langkah itu wajib dibentuk. Sungguhpun ramai di kalangan kita bersetuju bahawa kebanyakan institusi-institusi kewangan dan syarikat-syarikat besar itu mengalami masalah disebabkan kegawatan ekonomi dan harus diselamatkan demi kepentingan ekonomi negara, namun kita mestilah mengakui bahawa dalam banyak kejadian, pengurusan yang kurang cekap, kekurangan akauntabiliti dan sistem pengawalan dalaman yang tidak berkesan adalah sebab-sebab yang mengakibatkan institusi-institusi kewangan dan syarikat-syarikat itu dibebankan dengan NPL yang berjumlah besar.

Di kalangan rakyat ada yang berasa dukacita kerana terdapatnya institusi kewangan yang mendapatkan sokongan wang daripada kerajaan, namun masih berkali-kali mengalami masalah dan perlu diselamatkan oleh kerajaan. Bila masalah timbul, tidak ada seorang pun yang mahu bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku, mengapa? Kita kini bukan hendak melancarkan 'witch-hunt' ataupun mencari mangsa tetapi ini adalah apa yang dimaksudkan dengan akauntabiliti dan sudah sampai masanya kita menjadikan akauntabiliti budaya korporat kita. Untuk memulihkan keyakinan awam, kerajaan harus menegaskan bahawa institusi kewangan dan syarikat yang menghadapi masalah itu harus menyusun semula atau membentuk pengurusan baru.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pengajaran yang harus kita pelajari daripada kegawatan ekonomi sekarang adalah kelemahan-kelemahan yang ketara dalam menawarkan projek penswastaaan khususnya apabila satu syarikat ataupun beberapa syarikat yang bernaung di bawah kumpulan yang sama ditawarkan beberapa projek yang strategik. Sepatutnya projek-projek strategik ini ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang berlainan yang tiada kaitan antara mereka agar risiko pelaburan dapat diagih dan dengan itu dikurangkan. Sekiranya berlaku krisis ekonomi, kegagalan atau keruntuhan syarikat-syarikat ini tidak akan menjejaskan

kemajuan pembangunan infrastruktur negara dan hanya mengakibatkan kesan yang minimum ke atas ekonomi negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan peruntukan group relief bagi mengeluarkan pengeluaran bahan makanan dalam belanjawan. Pengimpotan barang makanan dan makanan binatang telah menyebabkan meningkatnya jumlah keluar tukaran wang asing kita. Mungkin dalam usaha untuk kita menjadi hi-tech dan IT, sektor pengeluaran makanan telah kita abaikan. Kejatuhan dalam paras mampu diri atau self-sufficiency bagi makanan utama seperti beras 75%, daging lembu 22% dan daging kambing 6% adalah amat membimbangkan. Bagi keperluan sayuran dan ikan juga kita perlu mengimpot untuk memenuhi permintaan.

Pertambahan dalam sektor pertanian daripada 2.2% dalam tahun 1996 kepada 3% dalam tahun 1997 adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh pertambahan pengeluaran minyak sawit mentah. Bagi menguatkan sektor makanan, pihak kementerian harus mengambil tindakan ke atas beberapa perubahan asas.

Pertama, polisi pertanian atau dasar pertanian yang telah digubal dalam tahun 70-an harus diganti dengan polisi atau dasar pertanian yang baru, yang dapat membimbing pembangunan sektor pertanian apabila negara melangkah ke arah millennium yang akan datang kelak. Adalah merbahaya bagi kita jika kita mengambil sikap sambil lewa dan terus memilih jalan yang diterokai 30 tahun dahulu sementara di sekeliling kita dunia sedang berubah dengan begitu cepat sekali.

Kedua, memandangkan semua tanaman utama komersial dan perhutanan telah pun diletakkan di bawah kuat kuasa Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pertanian hanya bertanggungjawab ke atas tanaman makanan, binatang ternakan dan perikanan. Saya ingin membuat cadangan agar

Kementerian Pertanian ditukarkan namanya kepada Kementerian Pertanian dan Makanan agar ia lebih mencerminkan fungsinya.

Ketiga, Kementerian Pertanian harus mengeluarkan suatu polisi makanan yang kita tidak pernah ada agar ia dapat meningkatkan dan mengawal pengeluaran makanan. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan aktiviti pertanian memerlukan kerjasama yang penuh daripada kerajaan negeri kerana tanah adalah di bawah bidang kuasa negeri. Pentadbiran hal ehwal tanah sebenarnya pula adalah dilaksanakan oleh pejabat tanah. Kadangkala keputusan yang dibuat oleh kementerian untuk menggalakkan pengeluaran makanan ataupun lain-lain aktiviti pertanian boleh menjadi terbengkalai disebabkan oleh pemungut hasil tanah atau pegawai daerah yang tidak efektif. Umpamanya di Johan Setia dalam Daerah Klang sebidang tanah yang luasnya menjangka 1,000 ekar dipindah milik oleh kerajaan negeri kepada beberapa ratus petani beberapa tahun yang lalu. Hak milik lot telah pun dikeluarkan kepada petani-petani tersebut antara tahun 1992 hingga 1994, tetapi malangnya sehingga hari ini petani-petani tersebut masih tidak dapat menjalankan kerja ke atas tanah mereka walaupun tanah mereka telah dibahagi kepada lot, mereka tidak dapat mengenali lot mereka kerana tanah tersebut masih diliputi hutan, walaupun mereka sering membuat rayuan kepada pejabat tanah agar dapat membantu, namun pegawai daerah tidak menghiraukannya.

Oleh itu, kita berhadapan dengan situasi di mana di satu sudut pihak kerajaan menggalakkan rakyat menanam makanan mereka sendiri agar dapat mengurangkan import makanan manakala di sudut yang lain terdapat 1,000 ekar tanah pertanian yang terbiar dan petani-petani yang sepatutnya mengerjakan tanah itu terpaksa pula mencari pekerjaan di tempat lain. Saya berasa sukacita kerana seorang D.O. yang baru telah dilantik untuk Daerah Klang dan saya berharap masalah yang dihadapi oleh petani-petani ini akan segera diselesaikan.



Jadi saya percaya apa yang berlaku di Klang, berlaku juga di tempat-tempat lain dan kita amat memerlukan mekanisme yang lebih baik untuk menyelesaikan masalah pentadbiran tanah agar pengeluaran makanan dapat ditingkatkan dan pertanian dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berbicara mengenai pertanian dengan panjang lebar kerana peranannya yang penting dalam mengeluarkan makanan dan kerana ia dapat memberikan pekerjaan tatkala negara menghadapi kegawatan ekonomi. Sekarang saya ingin beralih ke pelancongan, satu lagi sektor yang penting dalam pelan perancangan pemulihan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan adalah salah satu daripada pilihan industri yang terbaik untuk menjana tukaran asing bagi sebuah negara seperti Malaysia. Di Malaysia terdapat begitu banyak tempat yang berpotensi dijadikan pusat pelancongan yang menarik umpamanya Pelabuhan Klang yang merupakan pelabuhan yang tertua di negara ini. Ia pernah dikenali sebagai Port Swettenham pada masa penjajahan dahulu dan kini telah menjadi salah satu daripada pelabuhan yang termoden di rantau ini. Selain dari pelabuhan ia juga boleh berbangga dengan gudang-gudang dan kuil-kuil yang lama dan juga makanan laut yang enak. Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan agar meletakkan Klang sebagai pusat pelancongan dan mempromosikannya di dalam dan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, setiap bulan terdapat beberapa ribu penumpang yang keluar masuk di Pelabuhan Klang dan kebanyakan daripada mereka adalah penumpang kapal persiaran atau “cruise ship” malangnya Bandar Klang tidak dapat sebarang keuntungan daripada kapal persiaran ini kerana kebanyakan daripada penumpangnya tidak akan singgah di Pelabuhan Klang sama ada untuk bersiar-siar atau membeli-belah. Mereka yang meninggalkan kapal persiaran ini sama ada akan terus balik ke rumah ataupun akan dibawa ke Genting Highlands.

Saya difahamkan bahawa semua kapal persiaran ini membuka kasino di dalam kapal mereka dan saya ingin tahu adakah pengusaha-pengusaha kapal ini dikecualikan daripada cukai pendapatan seperti mana yang diperuntukkan dalam budget untuk syarikat pelancongan yang berjaya mengelolakan pakej pelancongan bagi 1,200 orang atau lebih pelancong tempatan atau adakah pengusaha-pengusaha kapal ini dikenakan cukai sebagai syarikat perjudian. Sekiranya mereka diberi pengecualian cukai pendapatan sebagai syarikat pelancongan saya ingin tahu berapa banyakkah kerugian cukai yang kerajaan tanggung sebagai akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan kes bekas Timbalan Perdana Menteri sudah mula. Rupanya ramai orang asing telah menunjuk minat mereka dalam perbincangan kes itu tetapi mereka mestilah diingatkan bahawa ini adalah mahkamah kita dan hakim kita akan mengadili mahkamah kita. Kita mempunyai keyakinan penuh terhadap mahkamah kita dan tidak perlu campur tangan orang asing. Kenyataan dan komen daripada pemimpin luar mahupun ahli-ahli politik ataupun NGO mengenai kejadian yang berlaku di sini dan perbincangan kes tersebut adalah tidak kena pada tempatnya. Mereka sepatutnya lebih prihatin terhadap penderitaan rakyat miskin di negara mereka, misalnya tiga orang ahli kongres dari Filipina dan beberapa pemimpin politik dan NGO dari Indonesia telah datang ke K.L. untuk meninjau perbincangan kes tersebut. Mereka begitu asyik dengan hal negara jirannya sehingga terlupa adanya beribu-ribu gadis pelacur dan budak-budak pengemis di jalan-jalan Malinar dan Jakarta [Tepuk]. Saya berasa kasihan terhadap nasib budak-budak itu sebab hak asasi manusia mereka untuk mendapat makanan dan pakaian tidak diberikan perhatian oleh pemimpin-pemimpin negara [Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan apabila pihak pembangkang turut serta dalam melaungkan reformasi, tetapi jangan memberikan gambaran yang tidak benar kepada rakyat bahawa mereka tidak mempunyai kebebasan bercakap dan memberi pendapat di bawah ISA [Tepuk]. Di bawah Parlimen pihak pembangkang diberi lebih banyak peluang untuk bercakap lebih daripada jumlah perwakilan mereka di dalam Dewan ini, di luar Dewan dalam masa satu tahun yang lalu DAP telah pun mengadakan sekurang-kurangnya empat forum

awam dan perjumpaan di kawasan saya Klang dan PAS telah mengadakan sekurang-kurangnya dua perjumpaan awam yang sama. Dalam semua forum dan perjumpaan yang diadakan, mereka telah mencaci kerajaan, mengkritik badan kehakiman dan memarahi sesiapa sahaja yang tidak mempunyai pemikiran yang sehaluan dengan mereka termasuklah rakan seperti mereka, misalnya Yang Berhormat dari Seputeh dan sekarang mereka memberitahu kepada orang lain bahawa negara ini tidak melaksanakan kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat. Mereka tidak ditahan di bawah ISA walaupun mereka mencaci kerajaan dengan cara terbuka [Tepuk] kerana ini bukanlah cara ISA dilaksanakan. Mereka yang telah ditahan di bawah ISA adalah mereka yang menjalankan aktiviti yang mengancam ketenteraman negara seperti pengedar dadah, penjenayah, kumpulan kongsi gelap dan mereka yang terlibat dalam kejadian rusuhan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara sekarang menghadapi masa yang susah dan marilah kita meletakkan keutamaan kita pada tempat yang tepat dan marilah kita bekerja bersama-sama bagi kepentingan mereka yang telah meletakkan kepercayaan kepada kita dan melantik kita ke Dewan Parlimen ini. Jika pihak pembangkang merasakan kita memerlukan reformasi dalam kerajaan, bentangkanlah pendapat anda di dalam Parlimen dan janganlah menggalakkan orang ramai ke tepi jalan. [Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Parit Buntar.

### **3.02 ptg.**

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya kesempatan untuk sama-sama memperkatakan Belanjawan Negara 1999 ini.

Saya berpendapat bahawa Belanjawan yang berada di hadapan kita sekarang merupakan satu-satunya yang terbaik dalam suasana yang sukar dan serba mencabar seperti mana yang kita hadapi sekarang. Memang mudah untuk

merangka satu-satu Belanjawan yang menggembirakan semua pihak, dalam keadaan mewah seperti mana yang pernah kita alami pada tahun-tahun sebelum ini. Tetapi untuk mengemukakan satu Belanjawan yang meyakinkan yang bertujuan untuk menjana pertumbuhan di samping mencergaskan semula kegiatan ekonomi dan pada masa yang sama meneruskan agenda sosial yang dalam banyak hal langsung tidak mempunyai rasional ekonomi pada saat-saat negara menghadapi ketandusan mudah tunai sekarang, bukanlah satu tugas yang mudah saya rasa. Ia menjadi lebih sukar apabila kegawatan ekonomi yang sudah menimpa negara sudah lebih setahun diburukkan pula oleh kegawatan politik.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan I, Menteri Kewangan II, Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan para pegawai Perbendaharaan yang telah bertungkus-lumus untuk memberikan yang terbaik bagi seluruh rakyat Malaysia. Saya akan khususkan perbincangan saya kepada hanya enam tajuk umum yang mungkin belum disentuh atau tidak disentuh secara detail oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang berucap sebelum saya. Saya akan bercakap antara lain mengenai langkah kawalan modal, pembangunan infrastruktur, kegawatan politik dan apa yang dikatakan reformasi, persepsi negatif masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia, pembangunan desa dan kalau ada masa, oleh kerana saya mewakili kawasan yang sebahagian besar daripada pengundinya terdiri daripada penanam padi, saya akan bercakap tentang ekonomi padi.

Langkah kawalan modal seperti mana yang kita ingat iaitu langkah yang diperkenalkan pada awal bulan lalu, daripada satu segi, merupakan satu response kerajaan terhadap kegiatan para spekulator mata wang. Kalau kita imbas kembali apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam persidangan tahunan Bank Dunia di Hong Kong tahun lalu, Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri ada menyebut tentang betapa tidak bermoralnya kegiatan para pedagang mata wang. Seperti mana yang kita maklum, reaksi antarabangsa pada masa itu adalah cynical dan mereka menganggap seolah-olah pemimpin-pemimpin Malaysia tidak mengetahui dan tidak mempunyai ilmu yang cukup mengenai kewangan. Tetapi seperti mana yang kita maklum sekarang, tanggapan itu telah berubah dan mereka mula melihat wisdom di sebalik cadangan itu, iaitu cadangan untuk memperkenalkan aturan untuk mengawal perdagangan mata wang.

Dan satu lagi perkembangan yang saya rasa agak baik ialah kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Agung Komanwel dalam satu ucapan di Wellington, New Zealand baru-baru ini yang menyebut bahawa perbincangan serius telah dilakukan untuk mengadakan satu mesyuarat khas untuk membincangkan cadangan mengenakan aturan dan peraturan untuk mengawal perdagangan mata wang ini. Tetapi sementara menunggu perkembangan yang positif daripada apa yang disebutkan tadi saya rasa kita tidak boleh berdiam diri dan itulah sebabnya saya kira langkah kawalan ini yang dihuraikan secara panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan, diambil oleh Malaysia secara unilateral. Perdana Menteri menyebut bahawa kegiatan ini tidak bermoral.

Sebagai contoh, dalam satu estimate disebut bahawa nilai perdagangan mata wang berjumlah dua puluh kali ganda lebih banyak daripada jumlah perdagangan biasa iaitu perdagangan International Trade yang melibatkan pertukaran barangan ataupun perkhidmatan. Maknanya perdagangan ini adalah dua puluh kali ganda daripada jumlah perdagangan sebenar. Jadi bayangkan dengan berusaha hanya memetik satu, dua buton di New York atau di London, mereka telah boleh mendapat keuntungan yang berbilion-bilion ringgit tanpa mengeluarkan sebarang peluh. Sedangkan mereka yang terlibat dalam perdagangan biasa, misalnya perdagangan jual beli ataupun perkhidmatan terpaksa memerah otak, berfikir,

berusaha dengan lebih giat untuk mendapat keuntungan yang lebih rendah daripada apa yang dinikmati oleh pedagang-pedagang mata wang ini.

Saya timbulkan masalah ini kerana ia ada kaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang kegiatan yang tidak bermoral. Daripada satu segi tindakan unilateral yang kita ambil ini kalau kita lihat daripada segi realitinya samalah dengan tindakan mengharamkan perdagangan mata wang walaupun disebut langkah ini adalah langkah sementara. Saya sebutkan perkara ini ialah kerana saya ingin penjelasan terutama sekali daripada apa yang dikatakan oleh para ulama kita, tokoh-tokoh agama termasuklah parti-parti pembangkang dan mungkin dalam kerajaan juga termasuklah Jawatankuasa Fatwa, untuk menjelaskan apakah hukum perdagangan mata wang daripada segi perspektif Islam? Sebab saya rasa ini merupakan satu masalah yang kita harus sama-sama huraikan sebab selama ini bila kita dengar ceramah-ceramah agama ataupun yang berbau politik hanyalah tertumpu kepada usaha-usaha menidakkan ataupun mencemuh langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan yang kononnya tidak Islamic.

Saya inginkan penjelasan malah saya ingin menggesa para ulama kita 'to come out', dengan izin untuk keluar dengan fatwa sama ada langkah yang diambil oleh kerajaan memperkenalkan langkah kawalan modal ini yang secara efektifnya adalah satu pengharaman terhadap perdagangan mata wang – Islamic atau tidak Islamic. Saya rasa itu sumbangan yang dapat diberikan oleh para alim ulama untuk meleraikan masalah ataupun kegelisahan ataupun confusion masyarakat kita.

Perkara kedua, yang ingin saya sentuh ialah tentang pembangunan infrastruktur. Saya gembira sebab dalam Belanjawan ini telah dihuraikan bahawa projek-projek yang selama ini terbengkalai akan diteruskan. Termasuklah jalan-jalan, lapangan terbang dan sebagainya. Saya rasa ini adalah pendekatan yang logical sebab kalau kita ingin mengekalkan pertumbuhan yang telah kita capai selama ini yang sejak lapan atau sembilan tahun yang lalu berjumlah kira-kira 8% hitung panjang setahun dan projection yang disebut oleh kerajaan dalam usaha

mencapai Wawasan 2020 ialah untuk mengekalkan kadar pertumbuhan sebanyak 7% setahun sehinggalah tahun 2000 untuk mencapai wawasan itu. Maka saya rasa kita tidak ada jalan lain melainkan untuk menambah kapasiti kita supaya insya-Allah, kita boleh mendapat kadar yang macam dahulu semula selepas kita dapat memulihkan keadaan sekarang. Kalau ini dapat dilaksanakan dengan adanya kapasiti yang telah bertambah melalui penambahan infrastruktur yang saya rasa ini adalah satu basic rule in economics, kalau kita hendak – yang lebih penting ialah kita harus adakan infrastruktur.

Tidak boleh dinafikan bahawa dari segi jangka panjangnya kita masih kekurangan dari segi ini, bukan sahaja di peringkat yang lebih besar, tetapi juga di peringkat ekonomi yang lebih kecil.

Sepertimana yang saya sebut tadi langkah meningkatkan infrastruktur adalah satu pendekatan yang cukup logical. Cuma saya ingin menyarankan supaya kita jangan kita hadkan pembinaan infrastruktur itu kepada projek-projek yang besar-besar. Kalau boleh biarlah kita sebar luaskan sehingga meliputi infrastruktur luar bandar, termasuklah pembinaan jalan-jalan kampung. Bagi kami wakil rakyat yang datang dari kampung, ini merupakan satu masalah besar yang sering ditimbulkan oleh para pengundi apabila kami bertemu mereka. Walaupun kalau kita lihat dari satu segi, kalau kita mengeluarkan perbelanjaan untuk membina infrastruktur desa, mungkin dari segi pulangan ekonominya tidaklah economical kalau kita pandang hanya dari sudut ekonomi. Tetapi ia sebenarnya adalah penting untuk sekurang-kurangnya menenangkan keadaan, terutama sekali dalam saat kita menghadapi kegawatan sekarang, termasuklah kegawatan politik.

Saya ingin beralih kepada kegawatan politik dan apa yang disebut ‘Reformasi’. Sepertimana kita maklum perkara ini bermula berikutan dengan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri pada awal bulan September lalu. Kemudian diikuti dengan pelancaran apa yang disebut sebagai ‘gerakan

Reformasi'. Saya sebenarnya tidak berminat untuk membincangkan perkara ini secara menyeluruh. Cuma saya ingin menyentuh sedikit tentang kegiatan adik-adik kita, anak-anak kita yang melibatkan diri dalam beberapa demonstrasi yang telah diadakan di Kuala Lumpur dan tempat-tempat lain sejak perkara ini meletus.

Saya ingin sebut sedikit tentang the philosophy of demonstration kalau diberi izin. Sebab saya secara terus terang ingin menjelaskan bahawa saya pernah terlibat dalam perancangan demonstrasi masa muda-muda dahulu, semasa jadi mahasiswa. Saya akan bandingkan pengalaman masa lalu dengan apa yang dilaksanakan sekarang. Kalau dahulu, demonstrasi membawa makna untuk menunjukkan perasaan kita kepada pihak yang berkuasa, dan apabila perasaan kita itu diambil perhatian dan tindakan-tindakan dilaksanakan, maka kita kira objektif dan matlamat kita berdemonstrasi sudah dicapai. Saya ambil contoh, misalnya tentang demonstrasi yang ada hubung kaitnya dengan masalah kelaparan para penoreh getah dalam tahun 1970-an. Katalah mungkin sesetengah kawan-kawan kita yang seumur sebaya dengan saya ingat lagi tentang apa yang berlaku di Baling.

Tujuan para perancangan demonstrasi masa itu ialah untuk memberitahu kerajaan bahawa di sana terdapat satu masalah rakyat menghadapi kesusahan akibat keruntuhan harga getah dan bahan-bahan keluaran utama yang lain. Setelah tuntutan kita itu difahami oleh kerajaan, maka kita berhenti. Itu bezanya. Tetapi para pendemonstrasi yang terlibat dalam gerakan atau apa yang disebut the so-called, dengan izin, reformasi sekarang ini sebenarnya bertujuan untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih secara sah di bawah sistem demokrasi yang ada sekarang. Itu bezanya. Dari kenyataan, dari laporan yang kita terima adalah jelas bahawa matlamat mereka ialah untuk menggulingkan kerajaan.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** [*Bangun*]



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ada yang minat.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:.....menerusi demonstrasi di jalan raya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Hendak beri jalankah?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati pandangan Yang Berhormat dari Parit Buntar. Ini orang yang ada fikiran dan yang ertilah. Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi, demonstrasi kadang-kadang perlu. Tidak seperti pandangan yang mengatakan demonstrasi ini ialah satu perkara yang tidak perlu langsung, satu perbuatan yang tidak berguna langsung. Ertinya, demonstrasi kadang-kadang ianya perlu untuk menyampaikan sesuatu hasrat. Jadi, apakah demonstrasi menggulingkan kerajaan itu perkara lain. Tetapi Yang Berhormat kata demonstrasi kadang-kadang untuk memberitahu hasrat. Jadi, bolehkah olah sedikit lagi demonstrasi yang diperlukan dan demonstrasi yang tidak diperlukan?

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, saya sebut tadi perbezaan demonstrasi yang berlaku pada tahun 1970-an dengan yang berlaku sekarang. Saya kata demonstrasi pada masa itu, pada tahun 1974 perlu. Sebenarnya ini bukanlah merupakan satu kenyataan umum bahawa demonstrasi itu perlu sepanjang masa. Pada masa itu, kami perancang merasakan perlu, dan apabila matlamat dicapai, kami berhenti. Tetapi sekarang nampaknya walaupun dua-tiga hari ini agak reda, mudah-mudahan ia berhentilah. Yang saya hendak tegaskan ialah matlamat itu. Matlamat adalah untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih secara sah menerusi demonstrasi di jalan raya, termasuklah perkara keganasan (violence) sepertimana yang kita lihat memang berlaku.

Saya tidak tahu sama ada para pelajar yang terlibat dalam demonstrasi menyedari apa sebenarnya matlamat mereka. Sebab ini penting kalau kita ingin buat sesuatu kita harus tahu matlamat. Saya tidak yakin keseluruhan pihak yang mengambil bahagian dalam demonstrasi itu sedar bahawasanya matlamat para penganjur adalah untuk menggulingkan kerajaan. Mereka mungkin menganggap ini hanya satu cara untuk berseronok-seronok. Ada orang kata 'jom kita pergi sana ada demonstrasi,' dia pun pergi. Itu yang saya bimbang. Sebab selalunya apabila berlaku perkara begini pada detik at the instant, dengan izin, kita tidak sedar apa yang kita buat. Lepas itu baru kita sedar, baru kita insaf, baru kita menyesal tentang apa yang kita lakukan.

Jadi, inilah nasihat saya kalau boleh kepada para pelajar kita. Biarlah kita perhatikan, kita tahu apa yang kita buat. Setengah daripada mereka tidak tahu. Sahabat-sahabat saya pernah interview dua-tiga orang, dia tidak tahu pun, dia kata kawan ajak datang, dia pun datang. Dia ingat demonstrasi ataupun yang dikatakan reformasi itu saja-saja. Dia tidak tahu implikasinya. Implikasi apa yang dibuat itu adalah serius. Kalau misalnya mereka merupakan pelajar, sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini, mungkin biasiswa mereka akan ditarik dan berbagai-bagai lagi langkah yang boleh diambil yang mungkin akan merosakkan masa hadapan mereka. Yang sudah dewasa itu saya tidak hairan. Kena tangkap masuk ISA itu perkara biasa, tidak ada benda pun ISA itu. Tetapi yang penting ialah nasib para pelajar yang masih muda ini yang tidak sedar implikasi perbuatan mereka dan akibat dari apa yang mereka buat itu mungkin menjejaskan masa hadapan mereka.

Saya ingat saya tinggalkan perkara reformasi itu di sini. Setakat itu sahajalah. Saya benar-benar berharap agar perkara ini tidak berlanjutan. Kita tumpukan seluruh perhatian kita kepada perbicaraan di mahkamah sekarang untuk mendapatkan keadilan. Jadi, tidak payahlah kita berdemonstrasi sehingga

mengakibatkan huru-hara. Dalam keadaan yang demikian saya tahu sangat, dalam keadaan orang begitu emotionally charged, dengan izin, semangat begitu membara, apa sahaja boleh jadi. Ibaratnya kalau orang tengah berhimpun dengan perasaan emosi yang tinggi, kalau seorang lepaskan mercun pun, keganasan boleh berlaku. Saya ingat pihak polis lebih mengetahui. Inilah sebenarnya yang kita bimbang.

Jadi, harapan kita ialah supaya perkara ini dapat selesai secepat mungkin dan kita boleh menumpukan perhatian kita ataupun fokus perhatian kita untuk mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang, khususnya masalah ekonomi dan masalah politik.

Berkaitan dengan soal kegawatan politik ini, satu perkara yang merisaukan orang ramai ialah tentang imej Malaysia di peringkat antarabangsa yang pada akhir-akhir ini telah menjadi begitu buruk disebutkan bahawa ini sebenarnya adalah akibat daripada perancangan ataupun kegiatan yang sengaja dilakukan oleh media antarabangsa.

Saya telah menyebut banyak kali dalam Dewan yang mulia ini, tentang media antarabangsa. Memang, kalau kita berkhidmat sebagai seorang wartawan misalnya di negara kita, sekurang-kurangnya kita mempunyai rasa tanggungjawab bukan sahaja kepada negara tetapi kepada society ataupun masyarakat yang kita wakili, tetapi sebaik-baik sahaja kita misalnya dihantar ke negara lain, saya juga ingin bercakap tentang pengalaman sendiri, pernah berkhidmat sebagai foreign correspondence di sebuah negara Asean, jadi perspektif kita tentulah berubah, sebab kita tidak lagi bertanggungjawab kepada negara di mana yang kita bertugas.

Jadi, kononnya pertimbangan kita adalah pertimbangan yang profesional yang secara relatifnya disebut profesional. Sebenarnya sukatan profesionalisme ini pun dia berubah-ubah dari mana kita melihat. Kalau misalnya ia mewakili sebuah akhbar yang memang mendukung kepentingan perdagangan tertentu, sudah tentu

‘biasness’ ataupun kecenderungannya mirip kepada kepentingan tuan punya akhbar itu.

Jadi, walaupun dari satu segi, kalau kita melihat kita juga marah tentang kegiatan media asing ini terutama sekali kita lihat CNBC dan CNN sepertimana yang pernah disebut oleh ramai sahabat-sahabat di sini ...

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Sila.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat teruskan, masa dia sudah habis.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya, tidak mengapa, beri dia masa kecederaan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, sebab ini orang bijak.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia mengamalkan ‘Kepimpinan Melalui Teladan’, Perdana Menteri Malaysia semasa dia dipecat daripada UMNO dahulu dia pernah menulis dalam akhbar Filipina untuk memburuk-burukkan Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman sehingga dia meletakkan akhbar itu, Tunku Abdul Rahman ini macam diktator, apa sahaja yang dia bercakap dalam Mesyuarat Kabinet semua Ahli Kabinet kena bersetuju.

Sekarang mereka yang dipecat juga pergi ke Filipina memburukkan Kerajaan Malaysia, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa apa yang dilakukan oleh orang yang dipecat daripada UMNO sekarang pergi ke luar negeri memburukkan Kerajaan Malaysia, mereka mengikut contoh yang dibuat oleh Perdana Menteri semasa dia kena pecat daripada UMNO dahulu.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Saya tidak dapat jawab tentang apa yang ditulis oleh Perdana Menteri dalam akhbar Filipina sebab saya tidak tahu apa yang dia tulis, cuma saudara .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya akan beri!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat!

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tetapi dari satu segi saya hendak jelaskan ini dahulu. Kalau misalnya satu surat secara peribadi yang ditulis oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Perdana Menteri masa itu, disebarkan secara meluas, itu bukan salah dia, orang yang menyebarkan surat itu yang salah. Tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ada sekumpulan orang yang pergi ke luar negara memburuk-burukkan Malaysia, saya sebenarnya tidak dapat bersetuju dengan langkah ini sebab kita ada forum. Dalam negara sendiri kalau kita ingin menyatakan sesuatu yang kita tidak bersetuju, kita boleh menggunakan pelbagai forum melalui wakil rakyat masing-masing ataupun melalui media tempatan. Jadi, saya sebenarnya memang menganggap perbuatan itu adalah tidak patut dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada media asing. Sedikit sahaja lagi, kalau boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Masa Yang Berhormat sudah lebih empat minit.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Sedikit sahaja lagi kalau boleh. Saya sebut tadi banyak point yang masih disebut lagi perkara yang saya hendak sebut, padi pun belum sebut lagi.

Tentang media asing ini, sementara kita marah kepada mereka ini, apakah tidak mungkin kita mengambil satu langkah proaktif untuk mengelakkan perkara yang sama berlaku pada masa hadapan. Ini bukan pertama kali negara kita diserang oleh media asing.

Jadi, saya pernah menyebut tentang langkah kerajaan untuk memberi lesen kepada Astro dahulu, sebab apa yang kita difahamkan dahulu ialah kita memerlukan satu stesen TV untuk broadcast ke luar negara supaya boleh tonjolkan

imej yang benar mengenai negara ke luar negara. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah Astro ini bukan dia broadcast maklumat dari Malaysia ke luar negara, dia ambil maklumat dari luar negara ke negara. Jadi, maknanya terbalik, bukan dia ambil dari sini beri kepada orang luar melihatnya, tetapi dia ambil yang luar ke Malaysia. Jadi, ini sudah macam tidak betul dengan apa yang kita sangkakan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja lagi berkenaan ekonomi padi. Saya bersetuju bahawa kerajaan kalau boleh biarlah mengambil sedikit peruntukan dari mana pun lagi pun kita telah membuat budget defisit sebanyak RM16.3 bilion. Jadi, misalnya kalau untuk kebaikan kita tambah defisit itu sedikit lagi untuk menampung keperluan penduduk-penduduk kecil-kecilan seperti penanam padi yang memang teruk akibat kenaikan harga beras dan harga subsidi padi yang tidak pernah naik sejak beberapa lama dahulu, walaupun hari ini kerajaan telah memutuskan untuk menetapkan harga minimum ada harga tetap untuk beras super tetapi ini sebenarnya masih belum boleh menolong penanam-penanam padi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali secara umum kalau kita hendak mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang, sebab kemelesetan ekonomi ini sebenarnya menimpa semua sektor, bukan sahaja sektor korporat, sektor peniaga kecil malah semua di desa-desa juga. Jadi, saya ingin cadangkan di samping kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menolong golongan korporat, bank-bank dan syarikat-syarikat besar, kalau boleh kita panjangkan kemudahan ini untuk meliputi juga pegawai kerajaan. Biarlah misalnya kita kaji semula tentang keputusan kerajaan untuk tidak memberikan bonus kepada pegawai kerajaan. Kita cari peruntukan lebih sedikit beri bonus kepada mereka, sebab saya tahu kebanyakan daripada pegawai kerajaan mengambil kira bonus tahunan ini untuk merancang budget tahunan mereka misalnya untuk membeli, menukar uniform

budak sekolah pada bulan Disember ini dan buku teks, semua orang telah masuk kira bonus itu.

Jadi, kalau kerajaan tidak membayar bonus mungkin budget mereka akan jadi upset. Begitu juga dengan harga padi tadi, kalau boleh biarlah kita tingkatkan harganya selaras dengan usaha yang dibuat oleh para petani.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak ingin untuk melanjutkan masa ini sebab sudah terlajak dah, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Sepang.

**3.26 ptg.**

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut serta mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan kali ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I merangkap Perdana Menteri yang kita kasahi.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmatNya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I telah pun dikurniakan kesihatan dan kekuatan untuk membentangkan Belanjawan bagi tahun 1999 tempoh hari.

Sepintas lalu Belanjawan 1999 memberi gambaran yang jelas bahawa kerajaan sememangnya bersungguh-sungguh untuk memulihkan ekonomi dan telah mengambil kira kepentingan-kepentingan negara, rakyat, ekonomi dan ketenteraman awam dalam merangka belanjawan kali ini yang telah menjadi tunggak kepada kejayaan segala cadangan yang diumumkan.

Kita percaya dan yakin bahawa segala langkah-langkah baru yang dicadangkan dan tindakan yang telah diperkenalkan sebelum ini, kesemuanya akan dapat membantu merangsangkan semula pertumbuhan ekonomi negara yang kini telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang tidak akan dapat diselesaikan oleh orang luar kerana mereka tidak dapat menghayati serta memahami masalah yang kita alami. Walaupun ada pihak yang menunjukkan minat untuk membantu, namun kejujuran mereka disangsikan kerana jelas ada agenda yang terselindung dibaliknya. Memang tepat tema Hari Kebangsaan tahun ini 'Negara Kita Tanggungjawab Kita' kerana hanya kita sahaja yang mampu mengatasi masalah kita sendiri.

Berlandaskan kesedaran ini, semua rakyat negara ini termasuk mereka yang terdahulu dari kita yang telah bekerja keras untuk menuntut kemerdekaan dengan keringat dan semangat waja, semestinya bangun dan berganding bahu serta



menggerakkan tenaga dan fikiran untuk bersama-sama mengangkat kembali martabat bangsa dan negara.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sejarah telah menjadikan kita dan kini giliran kita yang berada pada hari ini pula untuk mencorakkan hari esok, hari semalam yang dipinjamkan kepada kita telah berlalu dan sekarang menjadi hak Allah semula. Hari ini yang kita miliki sekarang, seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin kerana hari esok penuh dengan ketidakpastian. Ketenteraman awam dan pembangunan negara yang kita nikmati dahulu dan sekarang adalah hasil usaha dan keringat perjuangan orang-orang yang terdahulu dari kita.

Oleh itu kita harus sentiasa berwaspada dalam segala tindak tanduk kita pada hari ini kerana kesannya akan diharungi oleh orang-orang selepas dari kita. Justeru itu kita merasa sedih apabila terdapat segelintir rakyat yang lupa sehingga menjadi sombong dan biadab dan membelakangi fakta ini sehingga sanggup mengetepikan titik sejarah yang mereka itu lalui sendiri.

Sejarah tidak pernah menipu kita, cuma kita yang sering tertipu dengan tafsiran sejarah yang keliru. Di dalam senario kegawatan ekonomi dan politik hari ini, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana rakyat Malaysia rata-rata mempunyai kesedaran yang cukup tinggi dan dapat menilai serta memahami keadaan ini dan tidak bersikap mendesak, sebaliknya kita dapati tekanan ekonomi telah menyebabkan rakyat Malaysia dari semua kaum lebih bersatu dalam membantu kerajaan untuk mengatasi masalah yang sedang kita hadapi sekarang.

Oleh kerana pemulihan ekonomi amat penting untuk kesejahteraan rakyat, maka rakyat lebih gemar kepada kerja-kerja yang boleh mendatangkan faedah kepada diri mereka dan seterusnya kepada negara. Kita berbangga kerana rakyat sekarang rata-rata sudah bijak untuk meletakkan keutamaan dalam menghadapi

isu-isu semasa, hanya mereka yang kurang upaya sahaja yang akan bertindak sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berbangga kerana mempunyai seorang Perdana Menteri yang berpandangan jauh dan berani berdepan dengan tekanan dan kecaman sama ada di dalam dan luar negara untuk menegakkan kebenaran. Inilah hakikat yang terpaksa diterima apabila kita dikurniakan Allah S.W.T dengan kebolehan untuk menilai perkara yang futuristik yang tidak terdaya difahami oleh golongan tertentu lantas memberikan reaksi yang sungguh negatif. Namun demikian, telah terbukti dalam banyak perkara bahawa pandangan jauh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kesahihannya. Justeru itu, apabila Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I membentangkan Belanjawan baru-baru ini, kita merasa yakin bahawa segala cadangan dalam Belanjawan kali ini ada kredibility dan kekuatannya oleh kerana ianya dihasilkan oleh seorang pemimpin yang meletakkan kepentingan rakyat dan negara lebih dari segalanya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

Jika dikaji dengan terperinci, Belanjawan bagi tahun 1999 adalah Belanjawan yang bijak dalam memenuhi cita rasa keadaan semasa. Segala insentif yang telah dicadangkan sudah pasti bertujuan untuk mengimbangi keadaan kegawatan ekonomi demi kebaikan bersama di dalam memulihkan ekonomi negara dengan segera. Tinjauan reaksi rakyat mendapati mereka menerima Belanjawan 1999 dengan hati yang terbuka dan yakin bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed yang telah membawa negara keluar dari kemelesetan ekonomi tahun lapan puluhan ini, mampu mengulangi kejayaan berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang sedia ada. Saya menyeru kepada semua rakyat yang cintakan kedamaian dan keamanan supaya membulatkan tekad dan memberikan sokongan yang padu dan penuh kepercayaan kepada kerajaan agar tumpuan sepenuhnya

dapat diberikan tanpa menimbulkan isu sampingan yang mampu mengugat perancangan yang dicadangkan. Mereka harus sentiasa berhati-hati dan sedar dari diperalatkan oleh orang-orang yang berkepentingan diri yang mahu melihat negara ini dalam keadaan yang tidak tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan yang diamalkan di dalam negara kita sekarang sudah cukup baik mengikut had kawalan undang-undang yang tertentu. Kebebasan yang mutlak hanya milik Allah S.W.T yang cara lain sudah pasti akan membawa kepada kehancuran dan kemusnahan seperti golongan ‘hippies’ dalam tahun enam puluhan. Oleh itu, kebebasan yang dilaung-laungkan sekarang oleh pihak-pihak tertentu termasuk NGO, biarlah berteraskan adat ketimuran dan pegangan agama di dalam negara ini. Janganlah biarkan ianya lahir dari perasaan emosi yang membelakangkan fikiran yang waras oleh kerana Allah S.W.T telah mengurniakan kita akal untuk mengawal hawa nafsu dan perasaan bukan sebaliknya yang dapat merendahkan martabat kita dari manusia kepada haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia yang mengamalkan toleransi dan cintakan keharmonian, kita juga kesal dan sedih dengan sikap segelintir rakyat yang mengaku diri mereka sebagai warganegara sehingga sanggup memperlekehkan pimpinan negara dan turut memburuk-burukkan negara sendiri di luar negara. Mereka ini sungguh tidak bertanggungjawab. Sudahlah mereka menumpang hasil perjuangan orang-orang yang terdahulu dari mereka, kini dengan sewenang-wenangnya mereka ingin menggugat kestabilan negara. Mereka ini adalah pengkhianat negara yang sanggup bersekongkol dengan siapa saja asalkan matlamat mereka tercapai.

Kepada segelintir rakyat Malaysia yang telah terpedaya dan melibatkan diri dalam perhimpunan haram, saya merayu kepada mereka demi bangsa, agama dan negara, supaya insaf, bertaubat dan menjauhkan diri dari membuat kerja-kerja yang merugikan dan balik ke pangkal jalan. Perjuangan yang berlandaskan kepentingan

individu tidak akan berkekalan dan akan membawa kepada kehancuran sebuah bangsa.

Menyentuh tentang hal ehwal wanita. Kita pernah mendengar peribahasa yang mengatakan “tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia.” Tangan seorang wanita dengan jari jemari yang halus yang biasanya membelai anak-anak dan suami, rupa-rupanya dianugerahkan juga dengan kemampuan menyumbang kepada kesejahteraan negara. Walaupun bilangan wakil wanita dalam Dewan yang mulia ini segelintir, namun kekuatan yang ada pada kami, jika diberi kepercayaan yang secukupnya mampu bekerjasama dengan kaum Adam untuk bekerja ke arah kesejahteraan rakyat.

Cabaran kaum wanita hari ini adalah lebih besar dari sebelumnya, begitu juga dengan peluang-peluang yang diwujudkan untuk pembangunan wanita. Oleh itu, adalah tidak adil jika sumbangan wanita hari ini tidak diiktiraf, disokong dan digilap. Apabila kepentingan wanita mendapat perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I dengan mengumumkan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk meningkatkan pencapaian wanita di dalam bidang-bidang perindustrian, kemahiran dan teknologi, saya sungguh terharu di atas keprihatinan kerajaan dalam usaha yang sungguh murni ini. Dengan peruntukan sebanyak RM100 juta pula kepada skim bantuan modal, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Usahawan Kecil serta RM150 juta untuk Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawaniaga termasuk Tabung Wanita. Ia jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam usaha untuk membantu golongan miskin, peniaga kecil, pengusaha dan juga golongan wanita.

Dengan adanya pelbagai skim, misalnya yang disalurkan melalui Amanah Ikhtiar Malaysia atau dengan singkatnya AIM, kita dapati lebih 5,000 wanita telah dapat menyertai skim usahawan dan telah berjaya meningkatkan taraf ekonomi keluarga mereka di samping menyumbang kepada ekonomi negara. Menurut

kenyataan yang dilaporkan oleh akhbar Berita Harian sedikit masa dulu, kaum wanita mempunyai potensi yang lebih tinggi dari kaum lelaki untuk membayar balik pinjaman, iaitu 99.5% berbanding dengan 90%.

Wanita selain dari yang bekerja untuk membantu meningkatkan pendapatan suami, ada juga yang telah berjaya sehingga menjadi penyumbang utama kepada pendapatan keluarga, terutama yang tergolong dalam kelompok ibu tunggal. Ibu tunggal ini Tuan Yang di-Pertua, termasuklah mereka yang ditinggalkan suami atau suami meninggal dunia dan mempunyai suami yang disebut sebagai ‘bapa tunggal.’ Skim khas yang diperuntukkan oleh AIM kepada ibu tunggal seharusnya disalurkan juga kepada ibu tunggal di luar bandar yang juga mempunyai bakat dan kebolehan di dalam bidang perniagaan.

Di Sepang sendiri misalnya terdapat begitu ramai ibu tunggal yang sudah pun memulakan perniagaan dan mempunyai potensi untuk berkembang di dalam bidang keusahawanan, tetapi malangnya tidak seorang pun dari mereka ini yang berpeluang untuk memperolehi pinjaman dari AIM walaupun telah memohon beberapa kali. Saya difahamkan bahawa AIM lebih memberi keutamaan kepada ibu-ibu tunggal yang tinggal di bandar. Jika ada di luar bandar yang mendapat bantuan pun, ianya tidak menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira adalah lebih wajar jika diwujudkan sistem kuota bagi setiap daerah untuk memastikan pengagihan yang saksama. Biarlah hati gajah sama dilapah dan hati kuman sama dicicah.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi sekarang telah sedikit sebanyak memberikan kesan kepada sistem pendidikan negara terutamanya kepada mereka dari golongan miskin dan berpendapatan rendah. Dalam perkara ini, kita berbangga dan bersyukur kerana kerajaan yang memerintah begitu komited dalam memberikan pendidikan terbaik kepada rakyat. Ini dapat dibuktikan dengan jumlah peruntukan terbesar sebanyak 22.2% iaitu RM10.440 bilion daripada

jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi tahun 1999. Kerajaan percaya bahawa untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, pelaburan dalam sumber manusia melalui pendidikan adalah aset yang paling berharga. Rakyat pula kini sudah sedar bahawa pendidikan adalah pasport kepada kejayaan di masa depan.

Oleh itu, kita dapati jumlah permohonan ke institusi pengajian tinggi telah meningkat setiap tahun. Dalam perkara ini, di samping mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menambah jumlah pengambilan pelajar ke IPTS dan IPTA dari 77,600 kepada 88,000 orang pada tahun depan.

Saya berharap kerajaan juga akan dapat menyalurkan lebih banyak peruntukan kepada perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional supaya lebih ramai lagi pelajar dapat menikmati bantuan pinjaman ini untuk melanjutkan pelajaran mereka. Mengikut Belanjawan 1999 pula perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional akan menaja seramai 24,660 pelajar di IPTA dan tiga IPTS iaitu di Unitel, Uniten dan Universiti Petronas. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM320 juta bagaimana pula nasib para pelajar di IPTS yang lain? Yang tidak berkemampuan yang sedang dan akan mengikuti pengajian ijazah pertama francais IPTA terutama sekali yang mengambil bidang sejarah, sastera, linguistik dan geografi. Masalah yang sama juga sedang dihadapi oleh sebilangan pelajar bumiputera daripada keluarga yang susah tetapi cemerlang dan layak mengikuti program berkembar luar negara di IPTS tempatan yang jumlahnya kurang dari 9% daripada keseluruhan para pelajar IPTS tempatan yang sedang menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan pelajaran.

Begitu juga dengan para pelajar lepasan MARA yang mempunyai kelayakan diploma serta Higher National Diploma, dengan izin yang diterima ke tahun kedua atau ketiga peringkat ijazah pertama. Setakat ini saya difahamkan bahawa bilangan pelajar ini melebihi 800 orang dan dengan keadaan kegawatan

sekarang ramai ibu bapa terutama majoriti yang miskin, yang berpendapatan kurang dari RM1,000 sebulan tidak mampu membiayai pengajian anak-anak mereka. Saya bimbang dengan keadaan ini dan sekiranya mereka ini tidak dibantu sudah pasti matlamat negara untuk menambah lebih ramai guna tenaga terlatih bumiputera dalam bidang profesional, teknikal dan pengurusan bagi memenuhi sektor swasta tidak akan tercapai. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan akan dapat peruntukan-peruntukan yang lebih besar kepada Kementerian Pembangunan Usahawan bagi membiayai para pelajar lepasan institusi MARA dan para pelajar bumiputera yang mengikuti program berkembar luar negara di IPTS tempatan.

Tuan Yang di Pertua, dalam perbahasan ini saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Bank Negara Malaysia kerana telah berusaha dengan gigih dengan mengambil langkah-langkah drastik untuk mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara dengan pemulihan sistem perbankan. Saya percaya dengan suntikan oleh Danamodal sebanyak RM16 bilion ke dalam bank-bank yang bermasalah akan dapat membantu meningkatkan daya tahan institusi perbankan dan menambahkan keupayaan mereka memberi pinjaman yang baru. Begitu juga dengan penubuhan syarikat Danaharta yang akan membeli NPL bank-bank yang serta menguruskan pemulihan hutang-hutang dan syarikat yang terlibat. Sehubungan dengan hal ini, saya ingin bertanyakan perihal kedudukan Sime Bank Berhad yang sehingga hari ini masih belum jelas kedudukannya sehingga terpaksa memberhentikan kakitangannya yang hampir 1,500 orang melalui program yang disebut sebagai 'voluntary separation scheme' dengan izin.

Saya juga difahamkan bahawa Rashid Hussein Bank atau RHB masih belum lagi mengambil alih Sime Bank yang dikatakan mempunyai jumlah NPL yang begitu tinggi sehingga ditakrifkan sebagai bank yang tenat. Hari ini NPL Sime Bank Berhad telah dikenal pasti akan diuruskan oleh Danaharta dengan nilai

kasar sebanyak RM6 milion. Umum ketahui bahawa RHB telah mendapat kelulusan BNM untuk mengambil alih Sime Bank berdasarkan pasukan pengurusan atau management team, dengan izin, yang lebih cekap dan baik daripada pengurusan Sime Bank walaupun terdapat satu cadangan lain dari seorang pelabur bumiputera untuk mengambil alih Sime Bank melalui rundingan. Yang menjadi kemusykilan sekarang ialah jika benar RHB mempunyai kecekapan dan kebolehan yang lebih baik daripada Sime Bank, mengapakah RHB membuat syarat-syarat supaya semua hutang NPL yang terdapat di dalam Sime Bank dibersihkan melalui Danaharta, adakah ini adil?

Kedua, bagaimana pula dengan kedudukan NPL di dalam RHB sendiri? Adakah NPL mereka lebih rendah daripada industri average dengan izin, semua pertanyaan di atas perlu mendapat penjelasan supaya ketelusannya diketahui umum.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan kedudukan RHB sekarang. Saya juga difahamkan bahawa RHB bakal menerima suntikan modal sebanyak RM1.5 bilion daripada Danamodal, apakah dana ini nanti akan digunakan oleh RHB untuk mengambil alih Sime Bank atau memulihkan RHB itu sendiri. Siapakah yang diselamatkan dalam keadaan ini, Danamodal menyelamatkan RHB untuk membeli Sime Bank atau Danamodal sepatutnya menyelamatkan Sime Bank seperti mana yang dikendalikan untuk menyelamatkan Arab Malaysian Bank.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai perkiraan sebenar NPL di Sime Bank yang sebenarnya jauh lebih rendah daripada angka yang telah dikemukakan oleh pihak tertentu. Di antara punca utama yang dikenal pasti kenapa Sime Bank mempunyai NPL yang tinggi ialah kerana peminjam-peminjam bank berkenaan terlibat dengan projek-projek mega yang terbengkalai kerana menghadapi masalah kewangan, contohnya pembinaan projek second link dengan izin yang melibatkan Renong. Bukankah pembinaan mega projek ini telah dibiayai oleh konsortium-konsortium bank yang lain termasuk RHB sendiri dan



mengapa pula Sime Bank menjadi mangsa dalam hal sedemikian. Saya juga difahamkan RHB juga terlibat dengan acquisition of the National Steel Project, dengan izin di Filipina dengan jumlah pinjaman melebihi RM1 bilion .

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa taksiran hutang lapuk diambil kira seperti berikut:

Pertama taksiran provision of bad debts, dengan izin, atau peruntukan hutang lapuk adalah tidak tepat kerana telah mengambil kira syarikat secara kumpulan dan tidak secara syarikat individu. Contohnya, satu kumpulan syarikat yang mempunyai sembilan anak syarikat yang berkaitan dan mendapat kemudahan bank, jika dua bank dari kumpulan ini bermasalah peruntukan hutang lapuk dikira seolah-olah kesemua sembilan syarikat juga bermasalah walaupun jika tujuh syarikat lain tidak menghadapi masalah bayaran balik. Apabila ini berlaku kesemua akaun bagi sembilan syarikat ini akan dibekukan dan sudah pasti kesemua sembilan syarikat tersebut akan lumpuh dan tidak boleh beroperasi lagi.

Kedua, perkiraan NPL telah mengambil kira akaun-akaun yang telah diluluskan tetapi belum lagi dibuat pembayaran, atau di “disbursekan,” dengan izin.

Ketiga, pinjaman baru yang separuh digunakan NPL telah mengambil kira jumlah keseluruhan pinjaman walaupun ianya belum habis digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta penjelasan daripada kementerian mengapakah kepentingan bumiputera dalam PNB yang merupakan pemegang saham utama dalam Sime Darby tidak diambil kira sebelum membenarkan RHB mengambil alih Sime Bank. Dengan contoh-contoh yang diberikan di atas kerugian Sime Bank seolah-olah macam sengaja diwujudkan supaya NPL Sime Bank meningkat dan pada masa yang sama merendahkan nilai harga belian Sime Bank. Kalau perkara di atas ini benar-benar berlaku saya sungguh simpati dengan nasib kakitangan Sime Bank yang setia dan telah berkhidmat sekian lama telah menjadi mangsa kepada pihak tertentu. Saya

percaya sekiranya Sime Bank mendapat suntikan modal secara terus dari Bank Negara Malaysia dan sudah pasti bank ini akan dapat diselamatkan dan seterusnya beroperasi dengan lebih cemerlang dengan pengawalan dan pengurusan Dana-modal. Lebih penting lagi Tuan Yang di-Pertua, ianya dapat mengelakkan ramai daripada kakitangannya dari diberhentikan kerja yang juga akan menimbulkan satu lagi masalah sosial yang lain kerana hutang rumah mereka, hutang-hutang yang lain, yang belum diselesaikan terpaksa ditukarkan kepada kadar faedah pelanggan dan bukan lagi mengikut kadar faedah kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri pembahasan ini, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan isu ISA. Dalam perkara ini, saya menyokong ISA dikekalkan oleh kerana ianya telah banyak berjasa dan membantu kerajaan menstabilkan ketenteraman negara. Hanya golongan yang mempunyai niat jahat dan terselindung sahaja yang mahukan akta ini dimansuhkan kerana mereka akan bebas untuk membuat kegiatan haram yang boleh menggugat ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

### **3.51 ptg.**

**Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Belanjawan 1999 yang telah dibentangkan oleh yang dikasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan I pada 23 Oktober 1998 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 yang telah dibentangkan walaupun kita dalam menghadapi masalah kegawatan ekonomi yang amat memeritkan tapi dari langkah-langkah dalam strategi yang diambil saya yakin dan percaya sinar kejayaan bagi memulihkan semula ekonomi akan mencapai kejayaan, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut bersyukur kepada Allah S.W.T. dan berterima kasih kepada pemerintah yang ada pada hari ini di bawah kepimpinan

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad walaupun negara menghadapi berbagai-bagai cabaran dan ancaman sama ada dari dalam mahupun dari luar negara sama ada ia merupakan cabaran dari segi ekonomi, politik dan lain-lain namun di atas kebijaksanaan kerajaan dan sokongan serta doa restu dari rakyat jelata yang berfikiran waras di seluruh negara pada hari ini sebarang masalah dan cabaran, insya-Allah akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah, negara kita aman dan tenteram, mewah. Rakyat jelata seperti biasa menjalankan tugas masing-masing. Nikmat Allah masih turun-turun mencurah-curah tidak terhingga banyaknya. Sesuai dengan firman Allah yang berbunyi: [Membaca sepotong ayat al-Quran] yang bermaksud, sekiranya kamu mahu hitung atau kira nikmat-nikmat Allah khususnya negara kira Malaysia yang tercinta ini kalau dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia ini nescaya kamu tidak akan dapat hitung banyaknya nikmat-nikmat tersebut. Ini patut difaham oleh parti pembangkang khususnya Parti PAS, DAP dan lain-lain supaya mereka bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan jangan main hentam sesuka hati sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya salah seorang wakil rakyat kampung yang datang dari kawasan luar bandar apabila saya datang ke Kuala Lumpur melihat pembangunan yang begitu pesat di Kuala Lumpur daripada LRT, menara berkembar KLCC, Stadium Sukan Bukit Jalil, lapangan terbang antarabangsa KLIA dan lain-lain pembangunan raksasa yang sedang dirancang yang menelan belanja berbilion-bilion ringgit, masyarakat luar bandar hanya boleh bersyukur dan berbangga dengan pembangunan tersebut tetapi kurang mendapat secara langsung nikmat tersebut. Rakyat jelata di kampung-kampung masih lagi dahagakan banyak kemudahan asas yang diperlukan bagi kemudahan kehidupan seharian mereka. Masih banyak lagi jalan-jalan tanah merah yang belum ditar, masjid-masjid dan surau-surau yang usang yang belum mampu ditukar baru, kemudahan api, air, balai

raya, gelanggang permainan tempat riadah dan lain-lain lagi yang masih belum mampu dilaksanakan.

Oleh itu peruntukan sebanyak RM1.24 bilion bagi membiayai program pertanian, jalan desa, bekalan air, api dan lain-lain kemudahan kampung, selain daripada mengucapkan ribuan terima kasih terhadap peruntukan tersebut saya rasa ia perlu dikaji dan ditambah lagi. Saya menyokong pendapat Yang Berhormat dari Parit Sulong yang menyatakan bahawa di sanalah, di kampung-kampung itulah yang menjadi tulang belakang kekuatan kerajaan pada hari ini yang perlu diberi layanan yang lebih baik dan istimewa.

Tuan Yang di-Pertua, sebarang pembangunan yang hendak dilaksanakan yang melibatkan kawasan perkampungan mestilah dibuat kajian yang sewajarnya supaya di sebalik pembangunan yang dilakukan tidak mengakibatkan kerosakan kepada orang-orang lain sebagai contoh di kawasan saya Air Hitam, Sri Gading, sebelum ada lebuh raya dan pembangunan lain ia tidak pernah berlaku banjir tetapi dengan wujudnya lebuh raya dan beberapa pembangunan lain yang di sekitarnya pada masa sekarang ini, setiap kali hujan turun berlakulah banjir kilat berserta dengan lumpur pekat menerpa masuk ke rumah penduduk kampung yang berada di sekitarnya. Walaupun telah banyak usaha dilakukan tetapi masih lagi belum menampakkan hasilnya. Kita mahukan pembangunan berjalan terus tetapi di sebalik pembangunan tersebut janganlah pula mengakibatkan kerosakan dan kemusnahan kepada pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan RM254 juta kepada Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM). Diharapkan ianya dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya khususnya di bidang dakwah Islamiah di negara kita ini. Biar menepati kepada sasaran, sama ada kepada golongan muda ataupun golongan dewasa supaya benar-benar dapat mengamalkan dan menghayati ajaran Islam yang sebenarnya.

Di samping itu perhatian dan pengawasan terhadap pendakwah-pendakwah atau penceramah-penceramah yang setengah-setengahnya bergelar pendakwah bebas adakah mereka itu ada mempunyai tauliah atau kebenaran untuk berdakwah. Mentang-mentang mereka bergelar pendakwah bebas, mereka bebas untuk bercakap sesuka hati.

Sehubungan dengan dakwah saya juga difahamkan pada masa ini ramai golongan agama Islam telah murtad. Saya ingin bertanya, apakah langkah kerajaan bagi menangani masalah ini dan bilakah Rang Undang-undang Pencegahan Murtad sebagaimana yang diura-urakan akan dibawa ke Parlimen ini untuk dibahaskan. Langkah-langkah perlu dan drastik serta berkesan mestilah dilakukan sebelum ia menjadi lebih parah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pembangunan pendidikan Islam terutama sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah rakyat yang masih lagi tidak banyak perubahannya. Ianya terus ketinggalan dari arus perdana pendidikan negara. Ianya perlu diambil perhatian berat oleh kerajaan sama ada pembangunan infrastruktur, guru-guru dan murid-murid supaya ia duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan sekolah-sekolah lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan membasmi kemiskinan dengan wang sebanyak RM108 juta itu biarlah menepati dan sampai kepada sasaran dan matlamat yang dituju. Kita tidak mahu wang yang sebegitu banyak dicurahkan tidak sampai kepada matlamat dan diseleweng oleh pihak-pihak tertentu yang akhirnya sia-sia sahaja.

Selain dari itu dalam usaha kerajaan membasmi kemiskinan, sepatutnya negara kita ini Alhamdulillah yang begitu mewah dengan pelbagai sumber rezeki yang boleh dicari asalkan mahu berusaha, namun masih terdapat pemandangan-pemandangan yang jelek, peminta-peminta sedekah di atas-atas jambatan, di tepi-tepi jalan di sekitar bandar Kuala Lumpur ini. Usaha-usaha bagi menghapuskan kejelekan tersebut haruslah dilipatgandakan. Sekiranya mereka itu terdiri daripada

pendatang tanpa izin, nyahkan sahaja mereka dari bumi Malaysia yang bertuah ini dan kalau rakyat Malaysia, mereka patut ditempatkan di rumah-rumah kebajikan atau diwujudkan satu pusat pemulihan bagi mereka menjalani latihan-latihan yang tertentu yang membolehkan mereka melakukan kerja-kerja mencari nafkah bagi meneruskan kehidupan mereka buat masa-masa akan datang dengan tidak payah meminta sedekah. Ceramah-ceramah kesedaran juga perlu diberikan kepada mereka. Rasulullah SAW telah bersabda [Membaca sepotong hadis] yang bermaksud, tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah, yakni yang meminta-minta.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, sekianlah sahaja. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam.

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk perbahasan dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1999 di Dewan Rakyat.

Saya ingin sentuh berkaitan dengan piramid ekonomi Malaysia yang mempunyai tapak yang luas. Ekonomi Malaysia terbina atas kejayaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Kerajaan seharusnya memastikan sistem perbankan dan pinjaman, memberikan kemudahan kredit dan bantuan perunding teknikal, komersial dan sebagainya supaya industri korporat dapat disokong oleh tulang belakang yang terdiri dari IKS yang berjaya

Beberapa tahun kebelakangan ini di Seberang Perai dan Pulau Pinang, pengusaha-pengusaha IKS diminta pindah masuk kawasan Industri Kecil dan Sederhana untuk kemas kinikan trend pembangunan, memenuhi syarat-syarat gunatanah dan juga untuk memenuhi keperluan Jabatan Alam Sekitar. Akan tetapi dengan kegawatan ekonomi ramai pengusaha IKS telah menghadapi credit squeeze dan juga kesusahan cash flow, maka rancangan pindah masuk ke dalam kawasan IKS baru yang dirancangkan itu telah menjadi satu beban yang terlalu berat pada bahu pengusaha-pengusaha IKS ini. Akibatnya ramai pengusaha IKS telah

menghadapi kesulitan modal atau mempunyai hutang tidak berbayar kepada bank-bank.

Saya ingin merayu kepada Kementerian Kewangan supaya lebih peka kepada masalah dan keperluan pengusaha-pengusaha IKS selain daripada memberikan perhatian dan bantuan kepada sektor korporat yang besar. Saya rasa jika pengusaha IKS yang begitu ramai dalam negara kita ini dapat dipulihkan supaya menjadi IKS yang sihat dan cergas, banyak syarikat korporat yang besar juga akan berfaedah daripada kejayaan IKS itu.

Apa yang saya kata 'kesihatan' ekonomi Malaysia seharusnya dijaga mulai daripada tapak piramid yang luas sebagai asas pengukuhan pelancongan dalam negeri. Pelancongan dalam negeri banyak bergantung kepada pembangunan tempat-tempat yang menarik dalam negara kita, tempat bersejarah, berkebudayaan, berilmu agama, bercorak kecantikan alam semulajadi ataupun pusat bandaraya dengan keunggulan bangunan perlu diberi perhatian, bantuan kewangan dan teknikal oleh kerajaan tempatan. Kerajaan memberi galakan kepada syarikat-syarikat pelancongan dengan memberi insentif pengecualian cukai bagi mereka yang menganjurkan pelancongan dalam negeri lebih daripada 1,200 orang rakyat Malaysia.

Ini adalah salah satu langkah positif untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri yang dapat menjimatkan wang yang mengalir keluar bersama dengan rakyat yang melancong ke destinasi-destinasi asing tetapi pada masa yang sama kerajaan perlu juga bekerjasama dengan industri pelancongan tempatan untuk membangunkan tempat-tempat yang dapat menarik pelancong tempatan misalnya bangunan raja-raja lama, masjid-masjid bersejarah, rumah-rumah berhala Cina yang bersejarah dan yang menunjukkan corak kebudayaan rakyat Malaysia, bangunan-bangunan lama yang istimewa dalam sejarah pembangunan negara perlu diberi bantuan kewangan untuk dipelihara dalam keadaan yang bagus, taman-

taman rekreasi bercorak keindahan alam semulajadi dengan berbagai tema dan banyak lagi dapat dijalankan. Kadar-kadar bilik hotel yang lebih murah seharusnya ditawarkan kepada rakyat Malaysia terutama sekali kepada pegawai-pegawai kerajaan dan golongan warga tua yang merupakan pesara-pesara.

Saya yakin dengan cara ini lebih ramai rakyat Malaysia akan dapat melancong ke destinasi-destinasi dalam negeri, hotel dan tempat penginapan yang lebih ekonomik seperti Hotel Sri Malaysia yang terdapat di merata tempat, di Malaysia adalah hotel yang dapat menarik pelancong-pelancong dalam negeri yang berpendapatan sederhana dan bukan untuk golongan yang kaya-raja sahaja. Tambang kapal terbang untuk penerbangan antara Kuala Lumpur dan Sarawak atau Sabah perlu dikurangkan untuk menggalakkan lagi pelancongan dalam negeri. Ramai orang dari Malaysia Barat ingin pergi ke Sarawak atau Sabah untuk bercuti tetapi apabila diberitahu jumlah tambang kapal terbang pergi-balik untuk keluarganya, mereka biasanya tarik balik rancangan itu.

Pendidikan adalah satu-satunya jalan yang efektif sekali untuk memperbaiki masa depan rakyat jelata dan juga negara kita. Revolusi industri di Eropah yang diakibatkan oleh pembangunan, pengetahuan, teknikal dan saintifik di rantau Eropah. Pemulihan Jepun juga selepas Peperangan Dunia Kedua adalah semata-matanya bergantung kepada kemajuan pendidikan di kalangan generasi muda Jepun. Kemajuan Amerika Syarikat ke arah zaman komputer dan angkasa lepas bergantung kepada kemajuan pendidikan tinggi Amerika Syarikat terutama sekali di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan.

Jika Malaysia berhasrat mengikuti kemajuan negara-negara yang sudah membangun, Kementerian Pendidikan perlu memberikan penumpuan perhatian kepada pembangunan IPTA, IPTS dan badan-badan penyelidikan dan pembangunan R&D. Universiti-universiti seharusnya memberi perhatian kepada pendidikan peringkat Ijazah dan Ijazah Tinggi. Rakan-rakan, smart partnership



antara universiti dan industri yang berkaitan perlu dijalankan untuk mengkongsi sumber-sumber kewangan, kepakaran, kelengkapan penyelidikan dan hasil-hasil kajian penyelidikan. Kelas-kelas matrikulasi dan kursus-kursus prauniversiti perlu dipindah ke sekolah-sekolah atau institusi pendidikan seperti junior college yang dirancang dahulu. Tetapi memang ramai pelajar dan ibu bapa tidak puas hati dengan cara universiti-universiti tempatan menghantar mereka iaitu pelajar-pelajar matrikulasi ke IPTS-IPTS yang baru didaftarkan dengan bangunan yang belum lagi siap dilengkapi dengan kemudahan, tenaga pengajar pun tidak mempunyai pengalaman mengajar langsung dan nampaknya terdapat banyak yang telah terkenal dan berpengalaman menawarkan kursus-kursus prauniversiti, diploma-diploma serta kursus ijazah berkembar dan track record yang cemerlang tetapi tidak dipertimbangkan untuk menjalankan kursus-kursus matrikulasi. Saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan membuat siasatan, bagaimana sistem francais pendidikan matrikulasi diberikan kepada IPTS tertentu dan kriteria-kriteria pemilihan IPTS serta jadual yuran kursus matrikulasi yang dikenakan.

Maktab-maktab perguruan ditubuhkan untuk memberi latihan kepada pelatih-pelatih guru. Bilangan maktab perguruan telah ditambah supaya Bahagian Pendidikan Guru dapat mengeluarkan bilangan guru terlatih yang sangat-sangat diperlukan. Kita selalu dengar aduan kekurangan guru terlatih untuk SJK Cina dan SJK Tamil terutama sekali dan juga untuk guru-guru mata pelajaran yang tertentu. Pada masa yang sama terdapat juga satu bilangan guru terlatih lepasan maktab perguruan yang pada satu masa tidak dapat ditempatkan di mana-mana sekolah kononnya kerana didapati ada kelebihan guru terlatih bagi mata pelajaran tertentu itu.

Oleh itu bahagian pendidikan guru perlu membuat perancangan pengambilan pelatih guru untuk mata pelajaran tertentu dengan lebih teliti dan

dengan mengambil kira faktor-faktor seperti bilangan persaraan guru-guru, bilangan murid-murid yang akan memasuki sekolah dan bilangan kelas baru yang akan dibuka kerana penambahan bilangan murid dan sebagainya. Apa yang menghairankan saya adalah bahagian pendidikan guru telah menggunakan belanja yang besar untuk menubuhkan sesebuah maktab seperti Maktab Perguruan Sri Pinang di Pulau Pinang yang baru-baru ini dikhabarkan bahawa ianya akan ditutup tidak lama lagi dengan 400 orang pelatih guru akan dihantar ke maktab perguruan lain mungkin ke Maktab Perguruan Tuanku Bainun di Mengkuang, Seberang Prai Tengah dan 50 orang pensyarah akan ditempatkan semula di sekolah-sekolah menengah atau maktab yang lain.

Saya inginkan satu penjelasan yang lengkap daripada Kementerian Pendidikan mengapa tindakan menutup maktab perguruan diambil sekarang sedangkan kita masih tidak mempunyai bilangan guru terlatih yang mencukupi. Saya ingin mengesyorkan bahawa tidak ada maktab perguruan di Malaysia yang akan ditutup dalam jangka masa bila keperluan guru masih tidak dipenuhi. Bahagian pendidikan guru juga mesti merancang supaya membolehkan maktab-maktab perguruan itu menjalankan latihan perguruan yang ada pengkhususan tertentu dalam bidang-bidang tertentu seperti membuat pengkhususan dalam matematik dan sains, ada yang dalam kaunseling, ada yang dalam pendidikan jasmani, ada yang dalam psikologi pendidikan, ada yang di dalam pendidikan komputer, ada yang dalam latihan semula guru lama atau latihan dalam perkhidmatan dan sebagainya.

Saya berharap juga maktab-maktab perguruan yang tertentu boleh dipakai sebagai pusat sumber untuk khusus-khusus luar kampus untuk universiti bagi guru-guru terlatih yang ingin melanjutkan pendidikan mereka. Oleh kerana itu saya tidak sokong tindakan Kementerian Pendidikan ingin menutup Maktab Perguruan Sri Pinang, Pulau Pinang.

Semua jabatan kerajaan perlu berjimat cermat dalam penggunaan peruntukan kerajaan semasa menjalankan projek-projek pembangunan. Saya dapati ini adalah amat penting dan saya ingin berikan beberapa contoh seperti di kawasan saya. Saya dapati sebut harga oleh pembekal-pembekal berlesen untuk membekalkan alat kemudahan dengan peruntukan Ahli Parlimen, ADUN atau pejabat daerah seringkali didapati lebih tinggi harganya berbanding dengan harga pasaran alat kemudahan yang sama jika dibekalkan oleh sebarang pembekal sahaja. Contohnya, mengapakah satu set komputer yang harga pasarannya RM2,500 biasanya disebut harga lebih tinggi sampai antara RM3,500 dan RM5,000 dengan spesifikasi lebih kurang sama oleh pembekal-pembekal yang berlesen. Saya rasa perbuatan pembekal-pembekal berlesen itu perlu disiasat untuk menjimatkan wang Ringgit kerajaan.

Di dalam kes-kes ini di mana peruntukan diberi kepada mangsa-mangsa ribut, banjir, kebakaran atau kerana bencana semula jadi, pembekal-pembekal berlesen itu sekali lagi menjalankan kerja yang menyakitkan hati semua orang dan merugikan mangsa-mangsa, mereka menuntut keuntungan sebanyak 12.5% daripada wang peruntukan yang sepatutnya diagih-agihkan kepada mangsa-mangsa. Saya kesal perbuatan pembekal-pembekal berlesen yang semata-mata mencari keuntungan walaupun pada ketika Wakil Rakyat ingin memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana semula jadi daripada peruntukan kerajaan.

Kes ketiga, dalam pembelian alat kemudahan banyak Ringgit Malaysia dapat diijamatkan jika alat kemudahan buatan Malaysia dapat digunakan, akan tetapi dalam surat perjanjian pinjaman asing yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan bank asing terdapat syarat bahawa wang pinjaman itu tidak dapat digunakan untuk membuat bayaran bagi alat kemudahan atau perkhidmatan yang diberi oleh mana-mana sumber daripada territory peminjam iaitu Malaysia, kita boleh rujuk kepada loan agreement untuk Economic Recovery and Social Sector

Loan antara Malaysia dan International Bank for Reconstruction and Development, June 1998, muka surat lapan, Schedule satu - Excluded Expenditure: (i) expenditure in the currency of the borrower of a goods or services supply from the territory of the borrower are excluded, tidak boleh dibayar wang Ringgit daripada duit pinjaman ini. Kalau begitu wang pinjaman ini yang didapati adalah khas untuk membeli alat kemudahan yang diimport dan perkhidmatan pakar-pakar asing yang menuntut bayaran lumayan, duit mana ada cukup.

Kes yang empat, dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan yang bernilai lebih daripada nilai tertentu pihak JKR biasanya dipanggil memberi sebut harga atau tender. Kontraktor-kontraktor yang berlesen biasa tidak boleh memberi sebut harga secara langsung tetapi malangnya sebut harga oleh JKR itu selalunya sangat tinggi harganya sehinggakan kebanyakan projek yang dicadangkan dijalankan dengan perbelanjaan yang tinggi ataupun dibatalkan atas kekurangan peruntukan. Jika kontrak pembinaan projek tersebut diberi kepada kontraktor-kontraktor yang biasa, projek itu dapat dijalankan mungkin dengan kos pembinaan yang jauh kurang lagi.

Saya berharap pihak kerajaan dapat memberi arahan kepada semua kakitangan yang membuat kerja anggaran (quantity surveying) kos pembinaan itu supaya memberikan anggaran yang lebih realistik dan yang lebih dekat kepada kos yang dianggarkan oleh kontraktor-kontraktor dalam pasaran.

Kes kelima, pilihan kontraktor untuk menjalankan projek-projek pembinaan perlu dijalankan dengan lebih teliti supaya tidak menangguhkan tarikh sempurnanya projek. Di kawasan Bukit Mertajam ada dua contoh yang ketara di mana kontraktor yang tidak cukup mahir dilantik, satu untuk membina jambatan Jalan Kulim dan satu lagi untuk membina sebuah pasar Taman Sri Rambai. Kedua-dua projek telah menghadapi banyak masalah akibat ketidakcekapan kontraktor sehingga hampir tiga tahun baru tamat pembinaan jambatan dan pasar

Taman Sri Rambai baru hampir siap kebelakangan ini. Dalam hubungan ini pihak yang berkenaan JKR dan Majlis Perbandaran Seberang Prai telah mengalami kerugian yang besar oleh kerana perbelanjaan tambahan dan rakyat telah mengalami kesulitan untuk tempoh yang terlalu lama. Saya berharap kerajaan boleh menjelaskan apakah perbelanjaan tambahan yang terlibat dalam kedua-dua kes tersebut akibat penangguhan kerja projek kerana ketidakcekapan kontraktor terpilih.

Kestabilan politik mesti menjadi syarat utama untuk membolehkan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang positif dan sihat. Kita perlu ketepikan semua anasir yang sedang dan akan menghakis kestabilan politik Malaysia. Kegawatan ekonomi Malaysia hanya dapat diatasi dengan lebih berkesan lagi dengan adanya perpaduan rakyat jelata dan kestabilan politik yang boleh menarik pelabur-pelabur dalam negeri dan pelabur-pelabur asing.

Pelbagai langkah telah dilaksanakan atas cadangan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Saya berpendapat perpaduan rakyat dan kestabilan politik Malaysia masih merupakan asas yang utama untuk memulihkan ekonomi negara. Saya berharap semua rakyat Malaysia dapat bekerjasama dan berkerja dengan bertungkus-lumus dalam haluan yang sama untuk memulihkan ekonomi Malaysia.

Dalam hubungan ini semasa 'kapal' Malaysia kita sedang menghadapi cabaran gelombang lautan besar kita semua anak kapal perlu mengayuh dengan rentak yang sama, semua rakyat hanya mempunyai satu hasrat sahaja iaitu membawa kapal Malaysia ini keluar daripada kawasan bahaya. Kita tidak mahu pemimpin politik seperti Yang Berhormat dari Tanjong yang satu masa meminta rakyat menyertai proses reformasi ketika beliau bersama bekas Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Yang Berhormat dari Tanjong dan DAP mengipas-ngipaskan angin reformasi tetapi adakah Yang Berhormat dari

Tanjong sedar bahawa beliau sedang menyertai satu proses yang merbahaya. Satu proses yang dalam perkataan lain menyatakan beliau menyokong politik jalan raya (street politic) dan mob-rule yang semakin ketara baru-baru ini. Minggu lalu Yang Berhormat dari Tanjong menunjukkan pendirian yang lain pula, beliau meminta stop the street demonstration dan meminta orang ramai gunakan undi untuk menunjuk perasaan mereka.

Yang Berhormat dari Tanjong dan DAP selalu contradict sendiri kali ini dalam tempoh yang begitu singkat pendirian Yang Berhormat dari Tanjong dan DAP sudah berubah secara terbalik. Ini adalah trend biasa pemimpin-pemimpin pembangkang Yang Berhormat dari Tanjong dan DAP tetapi bilakah DAP pernah consistent sebelum ini? Saya hendak bertanya enam soalan di sini kepada pihak DAP di atas soalan consistency:

- (i) DAP melaung-laungkan demokrasi tetapi apakah jenis demokrasi yang diamalkan oleh DAP sehinggakan pemimpin-pemimpin DAP seperti Yang Berhormat dari Seputeh terpaksa meninggalkan parti itu.
- (ii) DAP sentiasa menyalahkan Barisan Nasional mengamalkan double standard tetapi bagaimana pula dengan layanan DAP yang jauh berbeza-beza untuk ahlinya Wee Choo Keong dan Yang Berhormat Kota Melaka?
- (iii) DAP menyatakan sokongannya terhadap pendidikan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan pendidikan melalui bahasa pengantara ibunda tetapi berapakah ahli DAP yang secara serius menyokong pembangunan SJKC, SMJKC secara tindakan? Jika satu banci dijalankan senegara, bagi ahli-ahli lembaga pengurus, PIBG, Jawatankuasa Pembangunan Sekolah-sekolah, kita dapat satu

kesimpulan yang ketara bahawa DAP hanya tawar- menawarkan khidmat bibir ataupun lip service sahaja?

- (iv) DAP melantik Yang Berhormat Jelutong untuk mengetuai DAP Pulau Pinang. Perlantikan ini tidak padan dengan bilangan besar penduduk kaum Cina di Negeri Pulau Pinang. Tidakkah tokoh politik DAP berketurunan Cina dari Pulau Pinang yang layak mengetuai DAP Pulau Pinang? Ha, Bagan pun tidak ada di sini.
- (v) Semasa kerajaan menjalankan program-program IPTA, sektor swasta pula menjalankan IPTS, Parti MCA turut menganjurkan Kolej STAR dengan dermaan-dermaan dari ahli-ahli parti serta penderma-penderma orang ramai. Masing-masing membuat sumbangan kepada pendidikan dan latihan sumber manusia untuk membolehkan negara Malaysia menghadapi cabaran pembangunan negara. Dalam hubungan ini apakah sumbangan DAP pula? Bolehkah Yang Berhormat Tanjong memberitahu Dewan yang mulia ini apa usaha partinya jika ada dalam bidang pendidikan?
- (vi) Sejurus selepas pilihanraya tahun 1995 Yang Berhormat Tanjong telah membuat satu pengumuman bahawa beliau tidak ingin balik ke arena politik Pulau Pinang lagi. Kita boleh faham mengapa beliau membuat pengumuman demikian. Beliau terlalu kecewa dengan sambutan rakyat Pulau Pinang terhadap calon-calon DAP, tetapi tidak lama sebelum ini .....

**Seorang Ahli:** Kepong jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, teruskan (ditujukan kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam).

**Dr. Tan Chong Keng:** ....(sambung ucapannya) Tidak lama sebelum ini, Yang Berhormat Tanjong mula memberitahu akhbar hasratnya balik ke Pulau

Pinang. Entahlah, beliau Ahli Parlimen Tanjong, jika selama ini tidak ada di Tanjong dan sekarang baru kata nak balik ke Tanjong, Pulau Pinang, apakah beliau beranggapan semua pengundi di Tanjong tidak berfikirkah? Tapi, tidak konsisten memang sudah menjadi trend Yang Berhormat Tanjong ini. Beliau dulu kata tak mahu balik ke Pulau Pinang, sekarang mahu pula, mungkin inilah taktik Yang Berhormat Tanjong uji-ujikan air sebelum dia selam.

Jadi dengan kata-kata itu, saya memohon sokong Rang Undang-Undang Perbekalan 1999.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Sri Aman ya.

#### **4.25 ptg.**

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada seorang Menteri, dua orang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen yang sudi mendengar apa yang saya akan sebut nanti, tetapi harapan saya ialah setiap kementerian menentukan ada seorang Menteri ataupun Timbalan Menteri ataupun seorang Setiausaha Parlimen untuk berada di sini supaya mereka dapat mendengar rayuan, rintihan ataupun ratapan kita. Jadi, kalau begitu, barulah kita berasa lebih senang, kalau tidak kita terpaksa bercakap kepada pegawai-pegawai yang di belakang sana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap tentang beberapa topik yang bermula dengan Kementerian Pendidikan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi peruntukan yang saya anggap munasabah kepada Kementerian Pendidikan, tetapi ada beberapa perkara yang saya ingin sebut di sini.

Pertama, di kawasan saya, di Sri Aman ada satu sub-district, dengan izin, yang dinamakan Pantu. Jadi penduduk-penduduk di Pantu yang begitu luas sejak tahun 1970, mereka telah meminta supaya sebuah sekolah menengah didirikan di



sana oleh kerana di sub-district Pantu ini ada banyak sekolah rendah. Tetapi hingga sekarang, permintaan mereka ini belum menerima apa-apa layanan. Jadi mereka terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang begitu jauh, yang 60 batu jauh dari rumah mereka. Untuk pergi ke sana mereka terpaksa berjalan kaki, menggunakan bot, selepas itu menggunakan bas. Bayangkanlah, Tuan Yang di-Pertua, budak yang baru berumur 13 tahun ini terpaksa pergi ke sekolah menengah yang begitu jauh dan kadang-kadang pada hujung minggu, pada hari Jumaat mereka dipaksa balik oleh kerana peruntukan makanan tidak mencukupi di sekolah menengah. Dan ini adalah satu bebanan yang besar dan saya haraplah pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan akan memikirkan apakah solution kepada masalah ini.

Kedua, di Sarawak saya telah ditemui oleh guru-guru besar, pengetua-petua sekolah dan mereka telah mengemukakan masalah mereka, kerumitan mereka oleh kerana peruntukan untuk makanan asrama tidak mencukupi dan saya rasa kita di Dewan ini telah bosan, Tuan Yang di-Pertua, mendengar kami Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak mengatakan Sarawak begitu besar. Sebenarnya

kami tidak bangga apabila kami menyebut Sarawak begitu besar. Oleh kerana apabila kami menyebut Sarawak begitu besar, ada implikasinya. Implikasinya untuk situasi sekarang ialah kalaulah Sarawak itu begitu besar, jadi taburan sekolah menengahnya begitu jauh. Jarak antara satu sekolah menengah dengan satu sekolah menengah lain adalah begitu jauh. Apabila jauh, murid seperti yang saya sebut tadi terpaksa menggunakan bot, terpaksa menggunakan bas, terpaksa berjalan kaki untuk datang ke sekolah menengah. Oleh kerana peruntukan tidak cukup, jadi mereka pada hujung minggu terpaksa diusir balik dari asrama dan terpaksa balik ke rumah mereka. Masalah yang pertama, ini akan memakan belanja yang besar dan masalah yang kedua, sangat bahaya, oleh kerana kadang-kadang mereka terpaksa menggunakan perahu sendiri. Macam manalah

budak yang berumur 13 tahun itu berkayuh dari satu tempat ke rumah panjang mereka. Jadi saya haraplah dengan peruntukan yang ada, yang akan diluluskan kita ini, perkara ini akan diselesaikan.

Dan satu lagi perkara ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun tu.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat Sri Aman sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, pada tahun 1998 ini, apabila pengurangan pada hari minggu, tidak diberi makan lagi kepada budak-budak di asrama di sekolah di Sarawak, banyak budak-budak di sekolah yang diberi tempat di sekolah-sekolah yang tertentu telah menarik diri dan balik ke kampung dan bekerja sebagai kuli di kampung sahaja daripada menyambungkan persekolahan mereka di sekolah-sekolah yang telah ditetapkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih Yang Berhormat dari Batang Lupar. Sebenarnya itu adalah benar dan saya akan pergi ke topik itu sebentar lagi. Tuan Yang di-Pertua, pengundi saya jumlahnya 30,000; 3,000 terdiri daripada kaum Melayu, 3,000 dari kaum Cina dan 24,000 dari kaum Iban tetapi telah didedahkan kepada kami semua oleh kerana kita pada minggu yang lepas telah mengadakan satu seminar budaya di Bintulu dan dalam seminar itu cerdik pandai dari kaum Iban telah mendedahkan iaitu kaum Iban adalah kaum yang termiskin di Malaysia ini. Jadi kata mereka, satu sahaja cara menyelesaikan masalah ini iaitu pasport itu ialah pendidikan. Hanya pendidikanlah akan dapat menjamin kesejahteraan kaum Iban di Sarawak. Jadi macam manalah mereka dapat kesejahteraan kalau tiap-tiap minggu terpaksa balik berpuluh-puluh batu,

macam manalah mereka dapat menemui kesejahteraan kalau mereka tidak cukup wang untuk pergi ke sekolah, macam manakah mereka dapat menjadi orang yang pandai kalau mereka tidak ada ketenteraman. Jadi oleh kerana itulah kita harap bantuan yang telah disediakan akan diteruskan dan bantuan cara lain boleh juga saya minta dikaji semula macam mana kita dapat menghulurkan bantuan cara yang lain.

Apabila murid dari kaum Iban ini telah mengundi saya, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka lulus tingkatan lima, tingkatan enam, mereka juga seperti murid-murid yang lain memohon masuk ke universiti ataupun memohon masuk ke kolej-kolej di Semenanjung Malaysia ataupun di Sarawak tetapi kadang-kadang jawapan dari universiti-universiti, jawapan dari kolej-kolej di sini datang terlalu lewat oleh kerana di Sarawak perkhidmatan pos ini tidak begitu efektif, tidak begitu berkesan, oleh kerana tidak ada peti surat di rumah panjang. Jadi kalaulah rumah panjang mereka 30 batu dari Sri Aman mungkin surat dari UPU itu ataupun dari kolej itu yang mengatakan mereka telah berjaya telah dipilih hanya disimpan di pejabat pos di Sri Aman. Jadi kalaulah tidak ada orang pergi membeli-belah dari rumah panjang ke Sri Aman mereka tidak tahu sama ada permohonan mereka itu telah berjaya ataupun tidak.

Saya juga telah ditemui oleh beberapa orang murid yang mengatakan banyak permohonan mereka ditolak apabila memohon untuk memasuki kolej-kolej ataupun universiti-universiti. Kata mereka, permohonan mereka ini ditolak oleh kerana mereka adalah bumiputera kelas tiga, kata mereka. Sebab apa oleh kerana kadang-kadang apabila mereka diminta mengisi borang, jadi borang itu ada mengatakan Melayu, Cina, India ataupun lain-lain dan mereka terpaksa membubuhkan race mereka itu dalam kotak lain-lain itu dan lain-lain itu banyak ertinya, mungkin mereka adalah orang berasal dari Jepun, dari Alaskakah, dari Amerikakah, dari mana-mana tempat. Jadi saya haraplah

selepas kita ini bercantum menjadi Malaysia begitu lama, pihak yang membuat kotak ini, nampaknya perkara yang begitu mudah tetapi implikasinya begitu buruk. Mereka yang membuat kotak itu akan memikirkan satu cara supaya murid-murid bumiputera yang bukan Islam di Sarawak yang dikatakan dari kaum Dayak, saya harap mereka ini dapat dibela dengan secara yang seadil-adilnya dan saya harapkan tuduhan mereka ini bumiputera kelas tiga tidak akan wujud lagi dan kadang-kadang mereka mengatakan di universiti itupun ada dua sistem komputer. Satu sistem untuk bumiputera kelas satu, satu sistem untuk bumiputera kelas tiga. Saya tidak tahu manalah yang kelas dua. Jadi inilah rintihan mereka, inilah masalah mereka, inilah ratapan mereka dan saya harap kita dapat bersama-sama mencari penyelesaian untuk masalah ini.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf oleh kerana tidak mahu lari dari perkara pendidikan ini oleh kerana ini adalah perkara yang dapat menyelamatkan kaum Dayak di Sarawak. Kalau tidak, mereka akan menjadi makin setahun makin mundur, makin setahun makin mundur. Jadi murid-murid yang bernasib baik yang diterima masuk ke kolej-kolej, yang diterima masuk ke universiti apabila mereka menerima surat tawaran itu yang mengatakan mereka ini sudah berjaya mereka gembira sekejap sahaja. Selepas itu mereka berlari mencari Ahli Yang Berhormat mereka kerana tidak ada wang untuk membayar tambang 'belon' kata kami di Sarawak, tidak cukup duit untuk membayar tambang kapal terbang, tambang bas ataupun tambang teksi, hendak masuk ke universiti ataupun kolej. Jadi yang malu, yang tidak mahu mencari Yang Berhormat, ia tidak dapat mencari cara penyelesaian untuk masalah mereka ini, mereka senyap dan mereka tidak pergi dan oleh kerana itu ramai murid dari kaum Dayak ini hilang peluang untuk memasuki universiti ataupun memasuki kolej-kolej.

Jadi, saya cadangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita mengadakan dana dan juga programkan komputer kita di universiti ataupun di kolej supaya apabila kita memberi peluang, memberi kerusi, memberi tempat di universiti ini secara automatik kita memberi sedikit pemberian kepada murid ini, kepada penuntut ini supaya dia ada sedikit wang untuk dia datang ke universiti dan apabila dia datang ke universiti kita mengambil tindakan susulan supaya setiap murid, setiap warga bumiputera di Sarawak yang berjaya dapat menemui kesejahteraan oleh kerana mereka telah diberi, dibantu kita dengan cara yang sebaik-baiknya.

Jadi perkara yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, institusi pengajian tinggi swasta sekarang sedang berkembang, saya mendengar sepuluh buah institusi tinggi swasta ini telah diiktirafkan sebagai institusi yang boleh mengajar semua kursus dan yang ditawarkan di Malaysia ini. Ertinya mereka menggunakan kaedah 3 plus 0.  $3 + 0$  ertinya murid-murid yang menuntut di institusi-institusi ini boleh belajar di kolej itu di Malaysia hinggalah mereka mendapat ijazah mereka. Jadi saya haraplah lebih banyak lagi institusi akan diiktirafkan dan diberi peluang seperti ini supaya semua murid kita yang ingin belajar, yang tidak dapat tempat di universiti-universiti kerajaan ataupun kolej-kolej kerajaan dapat pergi ke institusi swasta ini tetapi Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita pun kena landa kegawatan ekonomi, ramai murid kita yang belajar di institusi swasta ini yang berkembar dengan universiti-universiti di luar negeri, mereka menghadapi masalah sekarang.

Oleh kerana mereka hanya dibenarkan belajar di Malaysia selama dua tahun sahaja, kemudian mereka terpaksa pergi ke universiti induk mungkin di New Zealand, Australia atau mungkin Amerika Syarikat. Jadi kerajaan kita inginkan kita semua jangan membazirkan wang. Kalaulah murid ini dibenarkan pergi ke Amerika Syarikat, New Zealand atau pergi ke Australia, ertinya wang kita akan

sentiasa keluar dari Malaysia ini. Pertama, negara rugi; kedua, ibu bapa rugi oleh kerana kita tidak tahu berapa banyakkah wang yang akan digunakan memandangkan wang Ringgit kita ini kedudukannya belum begitu stabil.

Jadi cadangan saya di sini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang begitu prihatin hinggakan beliau datang ke sini selepas pukul 5.00. Saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan, kalaulah ada murid di institusi pengajian tinggi swasta ini yang telah belajar dua tahun dan kalaulah mereka hendak memohon masuk ke universiti tempatan, ke kolej-kolej tempatan ataupun memohon masuk ke ITM, saya rasa itu adalah tugas kita mencari cara penyelesaian supaya mereka dapat dipelihara oleh kita semua di Malaysia dan kita juga menjimatkan wang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya agak bimbang oleh kerana apabila saya melihat institusi pengajian tinggi swasta ini hanya menawarkan kursus yang mirip perniagaan. Jadi kalau begitu, kita tidak ada murid yang dilatih dengan ilmu teknologi ataupun sains. Jadi saya harap kementerian akan menentukan kita tidak akan dibanjiri dengan graduan-graduan yang hanya tahu tentang business ataupun sastera (arts) sahaja.

Masalah seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah pengajian bahasa Iban. Saya telah berdiri beberapa kali dan tahun demi tahun hendak memperjuangkan bahasa Iban. Bukan kerana saya suka memperjuangkan bahasa Iban tetapi oleh kerana saya rasa ada sesuatu yang tidak betul. Pada suatu ketika dahulu ada pegawai kanan daripada Kementerian Pendidikan apabila beliau dinaikkan pangkat menjadi pegawai yang tertinggi dia mengatakan, “Di kementerian ini kita mesti menentukan kecacatan sifar.” Tetapi pada masa itu ada 60,000 orang murid keturunan Iban sedang mempelajari bahasa Iban di sekolah menengah dan juga di sekolah rendah. Pada masa itu dan pada masa sekarang juga tidak ada sumber

kakitangan untuk mengajar bahasa Iban di jabatan. Peruntukan khas untuk pembelajaran dan pengajaran bahasa Iban pun tidak ada, ada usaha untuk membuat buku teks tetapi sehingga hari ini belum cukup – daripada Darjah Satu hingga Tingkatan Tiga masih banyak kelas yang tidak ada buku teks. Bahasa Iban ini juga diajar di luar jadual waktu. Jadi bagaimana kita boleh bertindak begitu kejam terhadap 60,000 orang murid yang mempelajari bahasa Iban dan kita mengatakan kita hendakkan kecacatan sifar, ‘zero defect’ dalam kementerian kita dan keadaan yang tidak memuaskan seperti ini masih berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah meminta supaya di Bahagian Latihan Guru diadakan satu jabatan (department) yang dikhaskan untuk melatih guru yang ingin mengambil dengan izin, ‘secondary elective’ mereka pengajaran bahasa Iban. Jadi kalaulah kita dapat membantu pengajaran bahasa Iban ini saya rasa semua orang yang berketurunan Iban di Sarawak akan menyanjung tinggi usaha-usaha kita itu.

Mengenai penempatan guru juga, tiap-tiap bulan beberapa orang guru menelefon saya dan memberitahu isterinya berada nun di Ulu Kapit, Sri Aman, Simanggang ataupun di Kuching. Jadi kata mereka, “Kementerian kejam kerana mereka tahu kita sudah ada sijil kahwin masih juga mereka menghantar saya ke Kuching dan isteri saya ke Limbang.” Jadi jarak jauh dari Kuching ke Limbang mungkin 800 batu dan bayangkan gaji mereka hanya beberapa ratus ringgit sahaja.

Jadi saya harap, Tuan Yang di-Pertua, kita cuba sedaya upaya jangan memisahkan suami isteri ini kerana kita hendak pekerja-pekerja kita di kementerian adalah orang yang puas hati dengan keadaan mereka....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Tuan Jimmy Donald:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan-harapan yang begitu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**4.37 ptg.**

**Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini di mana-mana pun rakyat masih berbangga, mereka berbangga kerana mereka dilahirkan sebagai rakyat Malaysia. Mereka bebas bergerak ke mana jua, mereka hidup senang lenang. Selama ini hidup mereka tidak pernah dihalang atau diganggu. Petani bebas ke sawah meraih rezeki, nelayan bebas turun ke sungai atau meredah ombak di laut luas untuk menagih sesuap dua nasi. Penjaja sibuk menjaja di pasar malam, peniaga di market tidak perlu gusar, di mana-mana rakyat bebas mencari rezeki, rakyat masih hidup gembira, bebas, aman dan damai. Mungkin hidup rakyat kini agak terganggu sedikit kerana ada kegawatan ekonomi tetapi semua rakyat tahu gawat kita bukan macam gawat di Indonesia. Gawat kita tidak segawat di Thailand. Kita tidaklah segawat macam gawat di Indonesia ataupun di Thailand. Di Indonesia gawatnya beras tidak cukup, makananpun sukar diperolehi, remajanya asyik menganggur, kerjanya sukar, harga barangan masih mahal, anak miskin tidak mampu ke sekolah. Gawat di Malaysia lain benar, kereta masih bermaharajalela di jalan raya. Gawat kita ialah macam mana hendak kekalkan kereta besar itu agar dapat terus jadi milik kita. Gawat kita supermarket masih penuh sesak, rakyat berbondong-bondong untuk shopping. Gawat kita ialah bagaimana dapat terus shopping sampai puas di samping dapat kekalkan jenama



yang sering kita gunakan. Jenama yang punya nama, punya status dan pastinya disegani.

Gawat di Indonesia rakyatnya tidak punya kerja dan terpaksa menganggur. Tetapi di Malaysia kerja masih banyak, penganggur masih bebas pilih kerja yang sesuai. Cuma gawat pekerja di Malaysia ialah kerana tidak dapat bonus yang banyak macam di masa lampau.

Macam masa sebelum gawat dahulu, masalah pekerja di negara kita ialah masalah tidak ada kerja overtime yang amat loaded ketika sebelum gawat. Ini membuktikan bahawa suasana hidup di negara ini jauh lebih baik daripada negara-negara jiran lain. Tanyalah pada pak tani-pak tani walau di mana-mana pun apakah itu reformasi. Mereka tidak mampu menjawab dengan baik apa itu reformasi. Sebaik jawapan para demonstrasi jalanan di kota Kuala Lumpur. Mereka tidak pun kenal apa itu reformasi dan sememangnya tidak mahu mengerti dengan ungkapan itu. Pada mereka reformasi tidak perlu, dan reformasi tidak pun pernah wujud dalam kamus hidup mereka.

Sebagai pak tani miskin di desa yang pendapatannya sekadar cukup untuk pakai, makan, minum dan sedikit ongkos untuk anak ke sekolah, kejayaan yang dicapai selama ini amatlah membanggakan. Anak sulung sudah jadi pegawai tinggi di Bukit Damansara, punyai banglo mewah di lereng bukit, tersergam indah, lengkap dengan kolam renangnya. Anak kedua jadi doktor, tinggal di kota, miliki kereta besar menjalar mewah dan saban bulan mengutus wang belanja untuk ibu dan ayah di kampung. Anak-anak lain juga ramai yang telah berjaya dan mereka memang tahu harga budi ayah di kampung.

Tanyalah lagi kepada nelayan-nelayan di mana-mana pun apa itu reformasi. Selama ini ungkapan ini pun tidak pernah terdengar. Mereka tidak tahu dan

sememangnya pun tidak mahu tahu. Yang pasti kini mereka hidup senang. Kerajaan amat mengambil berat masalah mereka. Mereka sudah pun menjadi nelayan moden. Mereka punyai anak-anak yang berjaya. Ada yang menjadi pensyarah dan profesor di universiti. Ada yang menjadi jurukira bertauliah lulusan universiti dari Amerika Syarikat. Malah adapun yang jadi jutawan dan tokoh korporat terbilang. Ini semua membuktikan bahawa kita semua tidak perlukan reformasi, dan semua rakyat perlu tolak bulat-bulat apa yang diungkapkan sebagai reformasi itu.

Reformasi yang paling agung dalam sejarah negara kita ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah mengangkat martabat dan maruah semua bangsa Malaysia seluruhnya. Ratusan ribu anak-anak desa berpeluang belajar di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara. Ribuan anak-anak petani, nelayan dan penjaja berjaya dilahirkan sebagai tokoh-tokoh korporat, ahli-ahli perniagaan bertaraf dunia. Malah ramai yang berjaya muncul sebagai jutawan. ITM sahaja contohnya mampu melahirkan tidak kurang daripada 3,000 orang sebagai jutawan. Ramai anak penoreh getah dan pesawah padi muncul sebagai orang-orang profesional dalam pelbagai jurusan. Orang-orang ini tidak pernah pun mendengungkan reformasi. Namun mereka sedar tentang komitmen kerajaan dalam membantu mereka.

Tidak pernah ada dalam mana-mana negara di dunia ini tentang kisah dan ceritera petani-petani dan nelayan-nelayan miskin yang hidupnya kais pagi makan pagi, menghuni di gobok-gobok buruk yang hampir menyembah bumi di pinggir sawah setelah bertukar sebagai peneroka FELDA, dengan tidak semena-mena berubah menjadi jutawan segera. Mereka ini pun tidak faham dengan erti reformasi. Tetapi mereka benar-benar faham bahawa lantaran dasar kerajaan yang ada inilah mereka mampu menghuni banglo mewah dengan kereta-kereta yang

berjenama berbanding dengan kehidupan penuh azab, derita, duka lara di masa lampau.

Reformasi sebetulnya telah pun melalui prosesnya 20 tahun dahulu di negara kita. Tanpa menggunakan satu patah pun perkataan 'reformasi', DEB berjaya merombak struktur masyarakat Malaysia seluruhnya. Masyarakat Malaysia yang dipetak-petakkan menerusi aktiviti ekonomi dan tempat tinggal, orang Tionghua di bandar dengan urusanniaganya, orang India di ladang dengan kerja-kerja perladangannya dan orang Melayu tinggal di desa dengan aktiviti taninya telah berjaya dirombak semula dengan adanya DEB. Petak-petak dalam identiti masyarakat kita telah terhapus. Rakyat tidak lagi dikenali menerusi kegiatan ekonomi dan tempat tinggal masing-masing. Inilah menunjukkan bahawa kita tidak perlukan reformasi dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat mengambil berat tentang pendidikan. Kerajaan sedar tentang kepentingan sumber pembangunan insan betapa rakyatnya perlu ada kualiti. Kerajaan mahu mereka jadi orang bijak pandai. Intelektual yang diharapkan menjadi kebanggaan bangsa. Mereka perlu maju, bijak dan punyai otak. Sebab itulah kerajaan hulurkan peruntukan yang banyak untuk pendidikan. Tahun ini sahaja sebanyak RM13.5 bilion; RM8 bilion untuk pendidikan menengah dan rendah. Dalam suasana kegawatan begini pun, peruntukan untuk pendidikan tetap ditambah. Kerajaan mahu rakyat belajar rajin-rajin. Sekolah baru akan ditambah. Yang tidak cukup kelas akan diperkukuhkan. Yang kurang kelengkapan akan diperlengkapkan. Kemudahan pembelajaran termasuk komputer akan ditambah. Pokoknya, apa jua tentang pendidikan tetap menjadi keutamaan. Belajarlah setinggi mana pun, kerajaan tetap bantu. Negara turut berbangga jika miliki rakyat yang geliga otaknya, mampu mencipta macam-macam alat.

Begitu juga dengan institusi pengajian tinggi awam. Kerajaan memang beri perhatian sungguh-sungguh. Menara gading ialah tempat berkumpulnya para

intelektual kita. Di sinilah mereka bergelumang dengan nota kuliah, seminar, konvensyen dan buku-buku tebal. Sebab itu kerajaan menghulurkan sebanyak RM2.85 bilion untuk pertingkatkan kemudahan prasarana pembelajaran dan pengajaran. Pengambilan pelajar di IPTA akan dipertingkatkan dari 77,600 orang kepada 84,000 orang dalam tahun 1999. Kerajaan mahu seramai yang mungkin berpeluang menikmati pendidikan tinggi, malah yang tidak ada wang tetap dibantu. Tidak ada yang tercicir semata-mata kerana ianya orang miskin. Miskin bukan penghalang untuk menikmati pendidikan tinggi. Sebab itulah kerajaan tingkatan peruntukan untuk Tabung Pendidikan Tinggi Nasional menjadi RM320 juta. Dijangkakan seramai 24,600 pelajar dapat menikmati kemudahan ini. Yang akan menikmati kemudahan ini semuanya orang miskin, anak petani, nelayan, kerani dan cikgu.

Kita mahu mereka belajar rajin-rajin semasa di kampus. Jangan hampakan harapan ibu, ayah dan keluarga di desa. Bulatkan azam dan perteguhkan tekad bahawa hanya ijazah sahajalah yang menjadi idaman dan dapat memperbaiki nasib keluarga, masyarakat dan bangsa. Persetankan sebarang pengaruh tidak baik. Sisihkan segala hasutan. Usah dipersiapkan masa muda. Kesempatan dan peluang hanya sekali dalam hidup. Perjuangan utama ialah di dalam bilik kuliah dan peperiksaan, bukannya di jalan-jalan raya. Demonstrasi sebenarnya bukan tugas utama pelajar. Demonstrasi, rusuhan bukan cara orang bertamadun. Orang bertamadun tidak merusuh di jalan raya. Merusuh di jalan raya, melontar batu, menjerit serta melalak di sana-sini bukan caranya orang bijak pandai. Para mahasiswa perlu jauhkan diri daripada aktiviti-aktiviti begini.

Tuan Yang di-Pertua, sekalung tahniah wajar dihulurkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita, sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Menteri Pendidikan, banyak perubahan telah dilakukan. Ada perubahan kecil dan ada perubahan besar, nampaknya tidak terbilang kita dengan segala perubahan yang dibuat, paling terbaru ialah sijil terbuka SPM. Saya menyokong penuh sistem sijil terbuka ini.

SPM tidak lagi dihakimi berdasarkan gred lagi, pelajar-pelajar tidak lagi berhempas pulas untuk mendapat gred 1, 2 atau 3. Mereka sebaliknya tertumpu kepada usaha memperolehi gred baik untuk mata pelajaran tertentu sahaja tetapi saya minta syarat kemasukan ke universiti janganlah dilonggarkan. Misalnya syarat kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu wajar dikekalkan sampai bila-bila.

Saya juga ingin memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk melihat kedudukan guru-guru kita yang telah puas berhempas pulas belajar sehingga berjaya mendapat ijazah kedua dan ketiga, Masters dan PhD. Guru-guru ini masak dengan pengalaman, pengalaman mengajar dan pengalaman akademik. Setelah ada Masters atau PhD mereka tetap ditakuk lama juga, tidak berubah gaji dan kedudukannya. Mereka bukan minta banyak-banyak, sekadar ditambah dua atau tiga kenaikan gaji sahaja. Dengan ini sekurang-kurangnya adalah juga ganjaran setelah puas memerah otak.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah memperuntukkan sebanyak RM320 juta untuk Tabung Pendidikan Nasional. Tabung ini setakat ini khusus hanya untuk IPTA dan tiga IPTS yang telah pun ditetapkan. Permintaan saya ialah agar kerajaan dapat menambahkan lagi peruntukan ini supaya agihannya lebih meluas dan pihak kerajaan juga saya minta terutamanya pihak SOCSO dan PERKESO serta EPF pula dapat mengeluarkan wang caruman mereka untuk membiayai pendidikan anak-anak para pencarumnya. Sektor swasta pula, khususnya pihak IPTS itu sendiri perlulah mewujudkan dana

atau biasiswa mereka sendiri bagi membiayai pelajar-pelajar miskin yang kurang berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam senario beginilah sebenarnya Belanjawan Negara 1999 dibentangkan, dalam suasana ekonomi dan politik yang penuh mencabar. Namun kerajaan tetap bertekad untuk melakukan yang terbaik bagi faedah rakyatnya. Pengalaman masa lalu banyak membantu kita, jarang sangat apa yang dibuat kerajaan tidak berjaya dan kali ini pun kita menaruh harapan yang tinggi menggunung, marilah sama-sama kita doakan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ipoh Timur.

#### **5.02 ptg.**

**Tuan Chang Kon You [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dasar kawalan modal dan penetapan nilai Ringgit yang telah diambil oleh kerajaan merupakan satu tindakan radikal bagi memantapkan pasaran kewangan dan ekonomi negara kita.

Meski pun ia begitu radikal, langkah ini adalah diperlukan untuk menangkis pencerobohan ekonomi oleh pedagang mata wang asing yang bersifat oportunistik, ganas dan tamak. Langkah ini telah pun memperlihatkan kesan-kesan yang positif dan tanda-tanda kejayaan.

Pasaran kewangan haruslah distabilkan dahulu sebelum Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) dapat dilaksanakan oleh MTEN. Kita harap ekonomi negara dapat bertumbuh sebanyak 1% pada tahun depan berbanding dengan pertumbuhan tahun ini iaitu negatif 4.8%.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita telah membuat saranan bahawa negara-negara membangun di rantau Asia patut berwaspada dengan penjajahan bentuk baru iaitu pihak asing cuba melakukan serangan ke atas mata wang sesebuah negara, menghancurkan

kemakmuran dan kekayaannya disusuli pula dengan kekacauan politik dalam sesebuah negara.

Pihak asing sanggup melakukan apa jua pun untuk menggugat kestabilan politik sesebuah negara untuk menjatuhkan pemimpin-pemimpin yang mereka tidak suka. Kita hendaklah mengambil iktibar daripada kegawatan yang melanda negara-negara Asia sekarang supaya kita lebih bersedia untuk menghadapi cabaran di alaf yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa dunia sekarang sedang memerhati secara serius tentang kaedah, dengan izin, unorthodox ataupun tidak orthodox yang dilakukan oleh Malaysia dalam menangani krisis kegawatan ekonomi.

Kaedah yang bertentangan dengan dasar IMF ini telah mendapat sambutan yang baik dari sesetengah komuniti antarabangsa dan kita percaya rakyat Malaysia yang kental dengan semangat juang dan penuh dengan pemikiran yang inovatif akan berjaya di landasan ini.

IMF dana kewangan antarabangsa sendiri bersetuju bahawa negara-negara yang mengikut telunjuknya dalam menghadapi krisis kewangan seperti Indonesia, Filipina dan Thailand tidak mencapai pemulihan ekonomi sepertimana yang diharapkan. Keruntuhan Long Term Capital Management (LTCM) atau pengurusan modal jangka panjang di Amerika Syarikat membuktikan bahawa IMF perlu mengkaji semula cara-cara dan dasar-dasarnya dalam pergolakan ekonomi yang dihadapi oleh dunia sejagat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Asean ditubuhkan pada tahun 1967 berlandaskan kepada dasar tidak campur tangan. Dari lima buah negara pengasas iaitu Malaysia, Thailand, Filipina, Indonesia dan Singapura ia disertai sekarang oleh empat buah negara yang baru iaitu Vietnam, Laos, Brunei dan Myanmar. Kemboja dijangka akan diterima masuk pada bulan Disember ini.

Di bawah dasar tidak campur tangan Malaysia sentiasa hendak menjalin perhubungan yang baik dengan negara-negara yang lain tanpa mencampuri hal

dalam mereka. Kita patuh dan berpegang teguh kepada rukun ini. Oleh itu, tidaklah wajar bagi negara yang lain seperti Indonesia, Filipina dan Thailand menyuarkan perkara-perkara yang prejudis terhadap sistem demokrasi dan pengadilan mahkamah Malaysia.

Mereka berbuat demikian mungkin kerana mempunyai agenda tersembunyi atau tersirat mereka. Pihak asing patut sedar bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang berdaulat dan mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di mana rakyat Malaysialah yang menentukan bentuk kerajaan melalui pilihan raya setiap lima tahun.

Kerajaan menggubal undang-undang berpandukan kepada keadaan kaum, sosial, budaya, agama dan sejarah Malaysia sendiri. Sistem perundangan dan demokrasi yang kita amalkan selama ini telah menjamin keharmonian, ketenteraman dan kemajuan negara. Pihak asing yang cuba mempertikaikan keadilan undang-undang Malaysia sebenarnya patut melihat diri mereka di depan cermin sama ada mereka telah melakukan keadilan terhadap rakyat mereka.

Mereka yang bersekongkol dengan negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat ini mungkin didorongkan oleh sebab Malaysia tidak mahu tunduk kepada kehendak IMF. Negara Indonesia dan Filipina setelah mematuhi segala peraturan yang disyaratkan oleh IMF terus dibelenggu oleh krisis kewangan yang lebih teruk. Kita tidak mentertawakan apabila negara-negara jiran dihadapkan dengan masalah, malahan kita mahu negara-negara Asean sama-sama bekerjasama dan saling membantu untuk memulihkan ekonomi rantau ini. Sehubungan dengan ini, rukun tidak mencampuri urusan dalam jiran haruslah dihormati dan dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, media asing turut mengambil kesempatan untuk mencemarkan imej Malaysia melalui liputan dan laporan yang negatif dan tidak bertanggungjawab. Mereka memberi gambaran seolah-olah rusuhan berlaku setiap jam di Malaysia hingga keadaan di Malaysia adalah dianggap sebagai tidak selamat lagi untuk tinggal. Keghairahan media asing dalam memburuk-burukkan



keadaan Malaysia adalah secocok dengan kehendak pihak-pihak asing yang tertentu yang bermotif menjatuhkan Kerajaan Malaysia melalui apa cara jua pun.

Media asing ini yang mempunyai agenda yang tersendiri akhirnya akan kehilangan kredibiliti mereka. Kepercayaan terhadap media asing dari rakyat dalam dan di luar negeri akhirnya akan terhakis kerana laporan dan liputan media asing yang penuh kepalsuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama pihak yang mendalangi demonstrasi di Kuala Lumpur dan tempat-tempat lain di negara ini harus memberhentikan konspirasi mereka dalam menghuru-harakan negara kerana tindakan mereka telah menyebabkan negara kurang stabil dan rakyat menderita. Dua kumpulan yang haram iaitu Gerak dan Gagasan Demokrasi Rakyat (GDR) yang dianggotai oleh PAS, DAP dan beberapa aktivis pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam menganjur perhimpunan-perhimpunan haram di seluruh negara, mereka kononya menuntut demokrasi sedangkan demokrasi dan hak asasi tidak wujud dalam falsafah dan perjalanan parti mereka. DAP selama 30 tahun adalah dikawal dan diperintah secara kuku besi oleh seorang, dua sahaja. Ini adalah satu fakta yang tidak dapat dinafikan oleh DAP sendiri. Sebenarnya reformasi haruslah diadakan di DAP dahulu dan pemimpin-pemimpin DAP terutama Yang Berhormat dari Tanjong mesti digulingkan dahulu sebelum DAP berhak bersuara tentang hak-hak asasi dan demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, demi kesejahteraan negara, perjuangan demokrasi melalui peti undi haruslah dikekalkan. Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai ruang demokrasi yang cukup luas dan lebih besar daripada kebanyakan negara asing, baik di rantau Asia ataupun di seluruh dunia. PAS dan DAP tidak seharusnya mengeksploitasikan keadaan kegawatan ekonomi dan cuba menjadikannya satu krisis politik. Sekiranya mereka takut kepada pilihan raya untuk menentukan nasib parti mereka, maka mereka tidak lagi layak untuk

bercakap tentang hak asasi dan demokrasi rakyat kerana mereka mahu menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional melalui cara rusuhan, demonstrasi dan pemberontakan, yang pada realitinya akan membawa kesengsaraan dan penderitaan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara dan kestabilan politik mesti dijamin dan dipertahankan terlebih dahulu sebelum Pelan Pemulihan Ekonomi dapat membuahkan hasil yang positif dan secara cepat. Belanjawan 1999 bertujuan untuk memulihkan ekonomi negara dan menjamin kesejahteraan rakyat. Oleh itu rakyat haruslah berdiri bersama dengan kerajaan Barisan Nasional untuk mencapai matlamat ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kota Bharu.

5.12 ptg

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Belanjawan 1999 saya ingin terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru yang telah membentangkan belanjawan yang mampu mengeluarkan negara kita dari masalah kegawatan ekonomi yang berpanjangan, insya-Allah. Pasti sebelum mencadangkan sebuah belanjawan defisit, beliau telah terlebih dahulu dengan penuh tanggungjawab menimbang semasak-masaknya risiko membelanja lebih daripada hasil. Saya berpendapat kita harus menyokong penuh seruan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I iaitu kita perlu mengamalkan kepercayaan bahawa 'Kita Boleh' bermaksud kita harus percaya langkah melindungi Ringgit dan saham Malaysia patut dibuat dan akan menyebabkan pemulihan ekonomi.

Kita juga harus percaya bahawa strategi-strategi pemulihan ekonomi yang dirumuskan adalah tepat dan wajar. Keyakinan kita adalah berasaskan

penggubalan setiap strategi itu telah mengambil kira prestasi ekonomi dan risiko-risiko yang mungkin muncul pada tahun 1999 termasuk cabaran-cabaran yang perlu ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikut ucapan-ucapan perbahasan ahli-ahli parlimen sama ada rakan atau pihak parti pembangkang dan tiada seorang pun yang membantah kelima-lima strategi yang dikemukakan di dalam ucapan Belanjawan 1999 Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I. Semua Ahli Parlimen bersetuju ekonomi perlu dicergaskan dan dilindungi dari kesan jangkitan krisis kewangan serantau. Ekonomi kita harus diperkukuhkan dari segi ketahanan dan daya saing. Tumpuan khusus patut diberikan kepada sektor kewangan dan usaha-usaha perlu dilakukan bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan sektor awam dan swasta 'good governance'. Kita semua juga bersetuju kerajaan harus terus menjamin kesejahteraan rakyat. Memandangkan tanpa hasil kita tidak boleh berbelanja dan sektor ekonomilah yang menyumbangkan hasil. Maka wajarlah bagi kerajaan memutuskan sektor ekonomi diberi peruntukan sebanyak RM7.89 bilion iaitu 43.7% daripada RM18.053 bilion iaitu keseluruhan peruntukan pembangunan bagi tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya melihat Kerajaan Barisan Nasional terus menerus memberi penekanan kepada penekanan insan dan sumber manusia. Memang patut dan wajar Malaysia dijadikan pusat kecemerlangan pendidikan. Maka peruntukan sebanyak RM13.5 bilion dialu-alukan kerana ia bertujuan meningkatkan prasarana dan kemudahan sokongan serta pembangunan kokurikulum, khususnya saya mengalu-alukan pembinaan 1,217 buah sekolah baru. Saya berharap kawasan Parlimen Kota Bharu akan turut mendapat manfaat daripada peruntukan itu.

Mengenai cadangan kerajaan memperuntukan RM320 juta bagi Tabung Pendidikan Tinggi, saya berharap kerajaan akan membuat kajian lebih terperinci

bagi memastikan semua pelajar khususnya dari luar bandar yang memerlukan pembiayaan akan mendapatinya. Jika kajian menunjukkan peruntukan itu tidak mencukupi, saya berharap kerajaan akan menimbang untuk menambah peruntukan supaya tidak terjejas pembelajaran mereka dari desa. Peruntukan tambahan yang diperlukan boleh diambil dari peruntukan Simpanan Luar Jangka yang berjumlah RM500 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan sokongan kepada usaha kerajaan untuk membasmi masalah rakyat termiskin walaupun kita mengalami kegawatan ekonomi. Peruntukan sebanyak RM108 juta yang dijangka akan dimanfaatkan oleh 41,300 keluarga miskin memang harus dibelanjakan. Tetapi saya bimbang dengan prestasi pelaksanaan program pemulihan rumah.

Bagi tahun 1998 saya dimaklum bahawa dari 416 buah rumah yang perlu dipulih dalam kawasan saya kawasan Kota Bharu, hanya 5 buah sahaja yang boleh dilaksanakan. Apakah masalahnya? Kelompok masyarakat ini memerlukan pembelaan segera. Apa juga halangannya yang dikenalpasti harus diatasi tanpa dilengah-lengahkan oleh mereka yang bertanggungjawab. Jika peruntukan tidak mencukupi, saya percaya kerajaan tidak keberatan untuk menambahnya, ambil sedikit dari peruntukan Simpanan Luar Jangka itu. Di sini saya ingin merakam penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan kerana mengambil berat hal ini. Bermula awal Oktober yang lalu, jabatan tersebut akan membuat susulan berjadual dan akan membantu jabatan-jabatan yang terlibat melaksanakan PPRT dan program pemulihan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai peruntukan sebanyak RM50 juta sebagai bantuan sokongan kepada program latihan kemahiran dan pengetahuan teknikal dan juga sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan wanita yang akan diselaraskan oleh Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA). Tahun ini HAWA diberi peruntukan sama banyak iaitu RM50 juta.

Berdasarkan prestasi aktiviti yang terkandung di dalam buku prestasi program, saya dapati HAWA telah menyediakan 3 kertas dasar memperoleh 600 naskah buah buku bagi tujuan pusat maklumatnya, telah memberi taklimat 10 kali dan menganjur 10 seminar atau bengkel. Cadangan HAWA bagi tahun 1999 agak sama kecuali diperkecilkan perolehan kepada 500 buah naskah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya berhajat untuk memohon lebih dari RM100 juta untuk HAWA tetapi memandangkan prestasi yang tercatat serta aktiviti yang dicadangkan bagi tahun 1999, saya terpaksa menyatakan mungkin RM50 juta itu sudah mencukupi.

Bukan hajat saya untuk memperkecilkan HAWA. HAWA dibekalkan dengan hanya 26 orang kakitangan iaitu 4 pegawai dan 22 orang kakitangan sokongan, apa boleh HAWA lakukan. Ibaratkan HAWA seperti sebuah kereta 600 c.c., maka tidak patutlah ia diharapkan dapat mencapai kelajuan kereta yang 2,800 c.c. Oleh itu saya merayu kepada kerajaan supaya mencari jalan menambah kemampuan HAWA. Ia memerlukan sekurang-kurangnya 9 orang pegawai dan penambahan kakitangan sokongan, seperti mana dicadangkan oleh laporan kajian terhadap HAWA oleh Asian Development Bank.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya HAWA patut dinaikkan taraf lagi ke peringkat kementerian. Apabila ekonomi kita benar-benar pulih saya berharap Kementerian Kemajuan Wanita dapat diwujudkan. Wanita menjadi penduduk sama ramai dengan lelaki, tetapi bagi kami wanita, kemerdekaan yang sama-sama diperjuangkan belum lagi memberi menafaat sama rata dengan kaum bapa. Kami sedar situasi kami ini sama di seluruh dunia, tiada suatu pun negara yang benar-benar dapat kesaksamaan antara lelaki dan wanita dalam semua lapangan hidup bermasyarakat. Kesedaran bahawa keadilan kepada wanita harus diberi keutamaan, maka pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah empat kali menganjurkan persidangan bagi memaju dan memberi keadilan kepada wanita.

Persidangan terakhir iaitu yang ke empat ialah di Beijing tahun 1995 yang menghasilkan Landasan Tindakan Beijing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Malaysia turut memberi persetujuan kepada Landasan Tindakan Beijing itu yang mengandungi tiga prinsip. Pertama, memperkasakan wanita. Kedua, mempromosikan dan melindungi hak asasi wanita. Ketiga, mempromosikan persamaan jantina melalui main streaming atau menjadikan prinsip atau layanan saksama antara kedua-dua jantina sebagai salah satu teras dasar-dasar dan tindakan kerajaan. Komitmen kerajaan kepada prinsip-prinsip itu diulangi di persidangan-persidangan peringkat Komanwel. Malah Kerajaan Malaysia bersetuju pada tahun 2005 wanita Malaysia akan mencapai 30% representasi di bidang pembuat dasar dan keputusan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua saya tidak nampak bagaimana komitmen itu boleh terlaksana kerana ia memerlukan perubahan sikap secara besar-besaran dan bersungguh-sungguh tambahan lagi struktur-struktur baru...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sikit sahaja.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Boleh pendekkan ?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hanya hendak tanya tadi, saya tertarik dengan perjuangan Yang Berhormat mengenai sama hak lelaki dan wanita. Di negara-negara Barat di London, ada Discrimination Act, tetapi di Malaysia tidak ada. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya Malaysia juga ada Discrimination Act ini.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak :** Terima kasih di atas celahan itu, bagi saya itu satu sokongan yang perlu dihargai, memang di dalam ucapan saya, saya akan menyentuh perkara itu. [Ketawa] Tambahan lagi struktur-struktur baru perlu ditubuhkan bagi menyokong HAWA. Di negara-negara “Nordic”, iaitu

Sweden, Norway, Finland dan Denmark wanita merupakan antara 30% hingga 40% jumlah Ahli Parlimen, keanggotaan Dewan Bandaraya, mahu pun Majlis Perbandaran. Negara-negara tersebut memastikan setiap kementerian, jabatan atau agensi kerajaan mempunyai pelan tindakan masing-masing bagi mencapai matlamat prinsip persamaan dan kesaksamaan antara jantina. Mereka juga menubuhkan struktur-struktur yang akan menyokong usaha mereka bagi mencapainya matlamat itu. Umpamanya, di Finland kerajaan menubuhkan equality ombudsmentt di samping juga menubuhkan juga the Council for Equality.

Tuan Yang di-Pertua, the Council for Equality Finland di anggotai oleh 13 orang wanita dan lelaki, masing-masing pada jumlah yang hampir imbang. Kakitangan sokongan iaitu termasuk penyelidik juga dipastikan di kalangan lelaki dan wanita pada jumlah yang sama ramai. Tetapi salah satu jawatankuasanya adalah eksklusif untuk lelaki iaitu sub-committee of men. Jawatankuasa tersebut diminta memberi cadangan bagaimana hendak mencapai persamaan antara wanita dan lelaki dan khususnya mengimbangi tanggungjawab pekerjaan dengan tanggungjawab kekeluargaan, serta bagaimana hendak mengurangkan keganasan terhadap wanita.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari struktur-struktur baru negara-negara “Nordic” telah juga memperkenalkan perundangan bagi menyokong usaha mereka. Sekali lagi saya ingin mencadang supaya HAWA mengkaji akta persamaan Finland bagi melihat apakah patut kita di Malaysia mengadakan perundangan seperti akta tersebut. Bila ada akta persamaan tak timbullah diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua, jika HAWA terus berada di dalam serba kekurangan tanpa struktur-struktur sokongan dan tiada pula perundangan khusus bagi membantu prinsip persamaan itu saya kurang yakin dengan kemampuan kerajaan untuk melaksanakan komitmennya. Pada tahun 2000, pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan sekali lagi menganjurkan satu persidangan mengenai wanita bagi

menerima laporan sejauh manakah negara-negara anggotanya telah melaksanakan komitmen menjayakan Landasan Tindakan Beijing Oleh itu saya mohon kerajaan pandang serius masalah kemampuan HAWA dan segera menubuhkan struktur-struktur baru dan memperkenalkan perundangan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini merupakan ulang tahun ke 50 Deklarasi Hak Asasi Manusia. Oleh itu semua kerajaan dan negara diteropong oleh badan-badan yang terlibat mempromosikan hak-hak asasi manusia. Negara kita tak berkecuali dan harus menerima hakikat ini. Sekiranya, ada kes yang dianggap sesuai diberi perhatian maka pastinya badan-badan hak asasi akan lebih aktif pada tahun ini menjalankan mandat masing-masing. Bagi menghargai Deklarasi Hak-Hak Asasi itu semua pihak termasuk kita di Parlimen harus memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang menyentuh hak-hak asasi. Sehubungan itu, saya ingin menyatakan bahawa saya melihat demonstrasi rakyat yang berlaku baru-baru ini sebagai positif dan negatif, positif kerana rakyat berhak untuk menyuarakan sesuatu dengan aman dan tertib melalui pelbagai cara termasuk demonstrasi, Negatif jika rakyat menyalahgunakan hak itu dengan merusuh atau berdemonstrasi sehingga menjejaskan lagi ekonomi negara yang sedang gawat.

Saya sedar bahawa rakyat Malaysia pada tahun 1998 bukan seperti rakyat Malaysia sebelum merdeka 40 tahun dahulu. Kini rakyat lebih matang dalam hal politik, kini rakyat Malaysia tidak mahu menyerah semua kuasa kepada wakil rakyat dan pemimpin kerajaan. Mereka mahu diberi bahagian bersama sesuai dengan konsep participatory democracy. Pada pendapat saya jikalau kita tidak menghormati kematangan rakyat kini, kita akan ketinggalan dan rakyat akan menghukum kita dalam pilihan raya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pilihan raya akan datang rakyat akan tetap mahu Barisan Nasional menubuh Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri. Mereka yang menyokong parti-parti pembangkang pun pasti mengakui



buat masa sekarang parti-parti pembangkang belum berkemampuan untuk menjadi kerajaan alternatif.

Saya percaya pimpinan dari parti-parti pembangkang pun mengakui hakikat ini, terlalu banyak fundamental differences dengan izin, di antara parti-parti mereka yang menyebabkan mereka tak mungkin dapat bersatu. Kalau dapat bersatu pun tidak dapat kekal iaitu tidak dapat bertahan lama. Oleh itu, Insya-Allah, rakyat akan memberi mandat sekali lagi kepada Barisan Nasional, untuk menubuhkan kerajaan. Penghargaan kepada rakyat harus diberikan. Belanjawan 1999 merupakan penghargaan kepada rakyat dan saya percaya Kerajaan Barisan Nasional akan terus prihatin kepada keperluan rakyat dan aspirasi rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, walaupun masa sekarang jam 5.30 tetapi Yang Berhormat sedia maklumlah bahawa mengikut peraturan mesyuarat yang telah dipinda, saya berhak untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat untuk melanjutkan ucapan Yang Berhormat tidak lebih dari 15 minit dan kalau mengikut kuota masa yang diperuntukkan, Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak :** Terima kasih, saya percaya kerajaan Barisan Nasional akan terus prihatin kepada keperluan rakyat dan aspirasi rakyat sekiranya terdapat ketelanjuran di sana sini, kita manusia, biasalah buat silap, kita mampu memperbaiki kesilapan, lebih-lebih lagi jika ditegur dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin bertanya, apakah benar penghuni penjara diberi makan tidak seimbang, diberi makan malam jam 3.00 petang, dan terpaksa berlapar sehingga sarapan pagi pada pukul 7.00 pagi. Apakah semua penghuni penjara atau lock-up diberi layanan yang bertepatan dengan hak asasi manusia? Jika tidak saya mencadangkan pihak berkuasa segera mengambil langkah memperbaiki layanan itu. Bukan semua penghuni dan penjara

terdiri dari penjenayah hardcore. Kini dua orang ahli Dewan yang mulia ini adalah penghuni tersebut. Berdasarkan kepada perikemanusiaan kita harus mengambil berat kebajikan mereka dan yang lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kepada isu bahasa, saya ingin menyatakan Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan kita harus didaulatkan oleh semua rakyat dan semua institusi termasuk mahkamah. Memang wajar Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa mahkamah di dalam prosiding perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri. Saya yakin mahkamah akan tetap mendaulatkan juga prinsip keadilan harus dilihat sedang dilaksanakan atau *justice must be seen to be done*. Maka kita dapati bahawa mahkamah kita tidak keberatan mengizinkan peguam atau saksi memberi hujah atau keterangan di dalam bahasa lain walaupun prosiding tetap dalam Bahasa Melayu. Jika kes sensasi yang menyentuh hak asasi dibicarakan di mahkamah di Negara China, Thailand atau di Indonesia pastinya bahasa prosidingnya bahasa kebangsaan negara tersebut iaitu bahasa Cina, bahasa Thai atau bahasa Indonesia bukan bahasa lain, walaupun ada pemerhati dari badan-badan hak asasi dari luar negara tersebut. Bahasa prosiding di mahkamah Malaysia tidak sepatutnya timbul sebagai isu dan saya berharap tidak lagi menjadi isu pada masa hadapan.

Masih menyentuh isu mendaulatkan bahasa. Saya ingin memohon semua pihak Ahli-ahli Parlimen, pemimpin kerajaan dan khususnya para media supaya kita sama-sama prihatin mengenai isu ini. Saya nampak kita ini masih terpengaruh dengan warisan zaman penjajah. Dulu orang Inggeris yang menjajah kita tidak boleh menyebut beberapa perkataan Melayu dengan baik maka Melaka, mereka sebut Malacca, Pulau Pinang disebut Penang, Singapura disebut Singapore dan banyak lagi perkataan. Soalannya mengapakan kita masih terbawa-bawa dengan sebutan penjajah itu. Tidak bolehkah kita biasakan dengan sebutan

Melaka, Pulau Pinang, Singapura apabila kita bercakap dalam apa pun bahasa, bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

Kenapa semasa merujuk kepada ibu kota Great Britain dalam bahasa Melayu kita tetap sebutnya seperti mana mana dalam sebutan Bahasa Inggeris, 'L-a-n-d-a-n' tidak 'London'. Jadi mengapa kita menyebut Melaka bila berbahasa Melayu dan Malacca bila berbahasa Inggeris. Pulau Pinang bila berbahasa Melayu tetapi Penang bila berbahasa Inggeris. Suka saya mencadangkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka lebih aktif membuat teguran bagi menjaga kedaulatan bahasa Melayu. Kecenderungan setengah-setengah pemimpin kita termasuk pentadbir suka memilih nama berunsur bahasa Inggeris bagi mempromosikan sesuatu umpamanya UDA (Urban Development Authority), MSC (Multimedia Super Corridor). INFRA, (Institut For Rural Advancement) harus diberi perhatian oleh Dewan Bahasa dan Pustaka supaya tidak lagi kecenderungan ini berleluasa. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat kita sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang**